

**Jilid IV
Bil. 5**



**Hari Isnin
5hb Mac, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 797]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 883]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan Ahmad bin Omar
(Pagoh) [Ruangan 884]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAL, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITTINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D.P. VIANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusof.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suho bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 5hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**
Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin
Dandai.

*(Soalan No.1 Y.B. Datuk Haji
Sakaran bin Dandai tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato
Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**
Yang Berhormat Dr. Nicholas Munong
Anak Ibau.

*(Soalan No.2 Y.B. Dr. Nicholas
Munong Anak Ibau tidak hadir)*

TARIF ELEKTRIK DI SABAH—
PENURUNAN

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan PBS Sabah telah memohon supaya kadar tarif elektrik dikurangkan di negeri tersebut; jika ya, sama ada Kementerianya akan mengurangkan kadar tarif elektrik bagi negeri Sabah; jika ya, bila dan nyatakan kadar tarif baru tersebut; jika tidak, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan PBS Negeri Sabah telahpun membuat beberapa rayuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menimbangkan penurunan kadar tarif elektrik di Sabah. Dalam permohonan itu keutamaan telah ditujukan kepada penurunan kadar tarif di kawasan luar bandar dan sektor industri supaya setanding dengan Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos penjaanaan elektrik di negeri Sabah adalah lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung. Sungguhpun Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk menurunkan kadar elektrik itu supaya setanding dengan Semenanjung tetapi langkah ini akan menyebabkan bayaran subsidi yang besar kepada pengguna-pengguna di Sabah.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telahpun menurunkan kadar tarif di sektor perindustrian yang banyak menggunakan tenaga elektrik di Sabah. Bagi kawasan dan kategori pengguna yang lain, jenis dan jumlah penurunan kadar tarif memerlukan kajian dan pertimbangan yang terperinci.

Selaras dengan keperluan ini, Kerajaan Persekutuan telahpun melantik juruperunding untuk membuat kajian mengenainya. Kerajaan Persekutuan sangat bersimpati dengan permohonan Kerajaan PBS Negeri Sabah dan berharap satu keputusan yang positif akan diambil setelah kajian mendalam mengenainya selesai kelak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah rancangan untuk Sarawak mengenai tarif elektrik ini? Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kalau sekiranya tarif ini diturunkan, subsidi begitu banyak akan dikenakan oleh Kerajaan. Jadi, berapakah agaknya jumlah subsidi dalam anggaran pihak Kementerian?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi jikalau kita tidak mengikuti syarat yang sedia ada sekarang, saya percaya pada masa akan datang jikalau penurunan ini berlaku, penjanaan elektrisiti menjadi lebih mahal daripada apa yang kita punyai sekarang. Oleh kerana itulah jikalau kita suka juga Kerajaan mengambil keputusan untuk menurunkan kadar tarif itu, apa yang kita turunkan akan ditambah oleh Kerajaan Persekutuan. Itu yang pertama.

Soalan yang kedua dari Yang Berhormat berkenaan dengan Sarawak tadi, di Sarawak kita tidak ada apa-apa keputusan oleh kerana Kerajaan Sarawak belum bersetuju untuk mengambilalih SESCO (Sarawak Electricity Supply Company) oleh Kerajaan Pusat. Oleh kerana itu keputusan tidak boleh dibuat. Jikalau keputusan itu boleh didapati daripada Kerajaan Negeri Sarawak, saya percaya selepas itu Kerajaan Pusat boleh juga mengambil tindakan yang sesuai atas perkara ini.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah begitu mengambil berat mengenai soal tarif elektrik yang begitu tinggi di Sabah. Soalan saya cuma bilakah ahli jawatankuasa perunding diadakan untuk mengkaji keadaan tarif yang begitu tinggi di Sabah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi iaitu kita telah melantik

sebuah firma perunding untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan dengan keadaan di negeri Sabah. Apabila kita mendapat laporan daripada juruperunding itu, barulah kita boleh menimbang—bukan ahli daripada panel tetapi jurutera perunding.

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA—PENUBUHAN

4. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah bagi mengemaskinikan Majlis Kebudayaan Negara, Majlis Kebudayaan Negeri-negeri dan Majlis Kebudayaan Daerah-daerah supaya dapat menyekat perkembangan berleluasa gejala-gejala kebudayaan yang tidak diingini yang boleh membawa keruntuhan moral anak-anak muda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak akan menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara tetapi Kementerian telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan di bawah kuatkuasa Jemaah Menteri sejak tahun 1976 untuk memberi nasihat, pandangan dan kepakaran kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan mengenai hal ehwal kebudayaan.

Usaha-usaha mengemaskini Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah telah dilaksanakan melalui pemberian bantuan kewangan dan penyelarasan pelaksanaan program. Pada setiap tahun, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah wang untuk memberi bantuan kepada Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah untuk tujuan pengurusan pentadbiran dan pelaksanaan program. Majlis-majlis ini juga dilibatkan secara langsung dengan pelaksanaan program kebudayaan oleh Kerajaan Negeri dan

Kementerian melalui operasi Pusat Kebudayaan dan Pelancongan di peringkat Wilayah. Program yang sering dijalankan ialah seperti kursus kepimpinan budaya, seminar sosio-budaya, kursus kefahaman budaya, bengkel kesenian dan lain-lain aktiviti persembahan kesenian. Pelaksanaan program-program ini telah banyak memberi peluang penyertaan kaum belia tempatan di mana mereka telah dididik dengan kefahaman budaya tradisi yang murni dan penghayatan seni yang asli. Dengan adanya kefahaman budaya yang matang, mereka tidak akan dipengaruhi dengan unsur budaya asing yang rendah nilai moralnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang kita tahu, perkataan “kebudayaan” yang maknanya amat luas. Apa lagi kalau lahirnya berbilang kaum dan berbilang bangsa maka mereka masing-masing ada mempuyai kebudayaan.

Yang keduanya, apa yang disebut “kebudayaan” itu kadang-kadang bercanggah dengan nilai-nilai murni ataupun kesopanan satu-satu bangsa dan juga bercanggah dengan pegangan dan akidah hidup mengikut agama masing-masing. Untuk mengelakkan daripada sebarang perkara yang buruk dan gejala-gejala yang meruntuh, tidak bolehkah Kementerian berkenaan menyenaraikan jenis-jenis kebudayaan yang perlu dipakai oleh Kementerian, dan jenis-jenis kebudayaan ataupun norma-norma yang tidak mahu dipakai oleh kebudayaan supaya pihak Kementerian sendiri dapat mengenalpasti apakah kebudayaan yang perlu dan apakah kebudayaan yang tidak perlu yang bercanggah dengan nilai-nilai. Kalau tidak, saya rasa sedikit masa lagi akan limpahlah dengan kebudayaan-kebudayaan yang bercanggah dengan nilai-nilai murni.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita mengetahui bahawa Islam di-

turunkan ini untuk memperbaiki manusia untuk memperbetulkan kaedah hidup manusia. Maka dengan demikian, sudah tentulah pada diri dan masyarakat manusia itu terdapat kepercayaan, kebudayaan dan kesenian yang berbeza-beza di antara satu sama dengan lain. Jadi sebab itulah di dalam kita menetapkan dasar kebudayaan kebangsaan, kita telahpun menentukan bahawa unsur Islam sebagai salah satu prinsip yang kita gunakan untuk kebudayaan kebangsaan.

Di samping nilai-nilai yang boleh diterima ataupun norma-norma yang boleh diterima oleh masyarakat di rantau ini, kita jadikan juga sebagai salah satu faktor di dalam menentukan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Jadi sebab itu di dalam perancangan Kementerian, sudah tentulah kita akan menyalurkan unsur-unsur yang diterima oleh seluruh masyarakat dari satu masa ke satu masa meninjau daripada faktor-faktor ataupun prinsip-prinsip yang dipakai untuk pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Umpamanya, pakaian Melayu seperti yang dipakai oleh Yang Berhormat sendiri, kalau kita lihat dari sudut kesenian budayanya, ia bukanlah pakaian Islam tetapi dari segi prinsip Islam kerana ia menutup aurat maka ia kita pakai. Jadi sebab itu kita harus menentukan bahawa unsur-unsur yang boleh diterima kita salurkan secara beransur-ansur kepada masyarakat dan budaya kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebagaimana yang telah diberi penjelasan tadi bahawa Islam dan lain-lain budaya yang murni merupakan konsep kebudayaan kebangsaan. Tetapi saya ingin bertanya apakah Kementerian ataupun Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan diminta nasihat dalam menganjurkan kegiatan-kegiatan, seumpamanya seperti Tahun Melawat Malaysia ataupun Menyambut Tahun Baru, 31hb

Disember di mana perhimpunan besar-besaran diadakan di Dataran Merdeka yang kita dapati dalam akhbar keesokan harinya timbul macam-macam perkara yang tidak baik mengikut kenyataan-kenyataan akhbar sehingga tertinggal seluar dalam dan sebagainya kerana anak-anak muda menari sampai jam hampir pagi akibat daripada Majlis tersebut yang mendapat sokongan daripada pihak penganjur. Apakah ini sesuai dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagaimana yang telah digariskan tadi?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat, dalam program sambutan Tahun Melawat Malaysia tidak ada dalam acara itu supaya "ada pihak yang meninggalkan seluar dalam" di tempat yang berkenaan. (*Ketawa*) Tetapi apa yang jelas kepada kita bahawa aturcara dianjurkan pada ketika itu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melancarkan Tahun Melawat Malaysia dan merasmikan Dataran Merdeka yang kita telah bina itu. Tetapi malangnya ada pihak yang memutarbelitkan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mereka mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan konsep rock dan sebagainya. Ini adalah putarbelit yang selalu dilakukan oleh pihak yang tidak mahu melihat keadaan yang sebenarnya. Inilah yang amat merugikan Kerajaan kita kerana ada pihak yang suka memutarbelitkan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy.

(*Soalan No. 5 Y.B. Tuan Chew Kam Hoy tidak hadir*)

PENAGIHAN NAJIS DADAH DI SEKOLAH-SEKOLAH

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah

seriusnya masalah penagihan najis dadah di sekolah-sekolah seluruh negara dengan memberikan butir-butir bilangan sekolah dan pelajar-pelajar yang dikenalpasti. Apakah strategi yang telah digunakan untuk mengatasi masalah penagihan najis dadah dalam sekolah-sekolah kita dan bagaimanakah keberkesanannya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah penagihan najis dadah di sekolah-sekolah tidaklah begitu serius, sebagaimana yang didakwakan dan dijangkakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jumlah pelajar-pelajar sekolah menengah yang didapati terlibat dalam penggunaan najis dadah ini pada tahun 1987 hingga tahun 1989 adalah seramai 600 orang. Manakala sekolah yang terlibat adalah sebanyak 230 buah sekolah.

Memandangkan penglibatan pelajar-pelajar dengan dadah adalah di tahap mencuba-cuba atau yang di peringkat awal, maka mereka tidak diberikan rawatan pemulihan dadah seperti yang dilakukan ke atas penagih-penagih di Pusat-pusat Seranti. Pelajar-pelajar berkenaan diletakkan di bawah pengawasan sekolah dan diberikan khidmat nasihat kaunseling oleh guru-guru bimbingan dan guru-guru kaunseling yang terlatih. Pelajar-pelajar ini juga dihantar untuk mengikuti program khas seperti program Kem Jayadiri dan sahsiah yang sempurna. Setakat ini, sebilangan besar mereka telah dapat dipulihkan dan masih lagi mengikuti pelajaran mereka di sekolah masing-masing.

Walaupun bilangan pelajar yang terlibat dalam penggunaan najis dadah agak masih belum begitu membimbangkan, pihak Kementerian Pendidikan sentiasa cuba memastikan supaya masalah ini tidak akan sampai pada tahap yang serius dan sedang mengambil beberapa langkah preventive ataupun pencegahan.

Strategi yang sedang dijalankan untuk mencegah masalah penagihan najis dadah ini termasuklah melalui program ataupun aktiviti yang berasaskan sekolah, iaitu aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Kini Pendidikan Pencegahan Dadah telah dimasukkan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah melalui matapelajaran Bahasa, matapelajaran Sains, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Melalui kegiatan ko-kurikulum pula, beberapa projek dilaksanakan seperti Skim Lencana Anti-Dadah dalam Pasukan Pakaian Seragam Sekolah, Kelab Bimbingan dan Kaunseling dan juga projek-projek khas seperti Kem Jayadiri dan Kem Kaunseling.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membayangkan bahawa kedudukan mengenai penagihan najis dadah di sekolah-sekolah di negara kita tidak begitu serius tetapi di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa langkah-langkah haruslah diambil untuk memberi penekanan kepada pencegahan. Di dalam aspek ini saya suka mendapat tahu sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk memberi satu peranan yang lebih aktif kepada Persatuan Ibu-bapa dan Guru (PIBG) dalam aspek untuk mendidik dan mencegah masalah penagihan dadah di sekolah-sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penekanan dari segi ko-kurikulum dalam bilik darjah dan dalam sekolah kita termasuk dengan tujuan untuk menambahkan lagi kegiatan yang dirancang dan diatur untuk anak-anak murid kita di sekolah-sekolah di bawah jajaan Kementerian Pendidikan. Ini telah dilaksanakan dan diberi penekanan. Kalau kita lihat dari segi kasar, kita tidak dapat melihat cara-cara

program ini dimasukkan dalam ko-kurikulum matapelajaran kita, tetapi dari segi kegiatan-kegiatan ko-kurikulum itu, memang kita menekankan supaya untuk kita memberikan kegiatan yang sihat dan teratur kepada murid-murid kita. Kita menggalakkan program-program yang dijalankan oleh pihak beruniform dan kelab-kelab dan aktiviti-aktiviti yang telah disediakan. Kita ingin mengurangkan mereka ini dengan masa-masa lapang yang terlalu banyak sampai tidak tahu apa yang hendak dijadikan dengan masa itu.

Mengenai penglibatan PIBG dan badan-badan yang lain, ini telah diwujudkan dan sentiasa diteruskan dan dipertingkatkan termasuk badan-badan PIBG di mana jawatankuasa-jawatankuasa tertentu telah diadakan di sekolah-sekolah termasuk juga kegiatan-kegiatan 'joint' aktiviti dengan badan PEMADAM. Kita pun ada wakilnya di dalam badan-badan seperti PEMADAM dan terus dijalankan serentak untuk membasmi masalah ini dan membendungkan potensi-potensi masalah ini di sekolah-sekolah kita.

KUMPULAN AGAMA ISLAM MENGAMALKAN AJARAN SESAT

7. **Tuan Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya kumpulan-kumpulan agama (Islam) yang mengamalkan ajaran-ajaran sesat. Jika ya, nyatakan:

- (a) berapa banyak kumpulankah yang telah dikenalpasti; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan supaya kumpulan itu dapat dibasmi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 38 jenis ajaran atau kumpulan agama Islam yang

telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau Majlis-majlis Fatwa Negeri sebagai menyeleweng atau terkeluar dari ajaran Islam yang sebenar. Usaha memerangi ajaran sesat adalah merupakan suatu proses yang berterusan. Antara langkah-langkah pencegahan yang dijalankan adalah seperti berikut:—

- (i) memperkuat ketahanan keimanan umat Islam melalui program dakwah dan penyebaran ilmu secara formal di sekolah-sekolah dan juga yang tidak formal melalui masjid-masjid, surau-surau, kursus-kursus, ceramah-ceramah dan penerbitan-penerbitan. Ini dijalankan oleh berbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan badan-badan dakwah serta alim ulamak secara persendirian;
- (ii) menjalankan penyelidikan yang berterusan bagi mengesan kumpulan-kumpulan yang membawa ajaran sesat. Ini dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri;
- (iii) mendedahkan kepada masyarakat melalui berbagai media mengenai ajaran sesat yang dibawa oleh sesuatu kumpulan supaya masyarakat dapat berjaga-jaga tidak terjebak ke dalamnya;
- (iv) mengambil tindakan di bawah undang-undang mengharamkan pengajaran dan penyebaran sesuatu ajaran yang telah disahkan sesat atau salah dan mendakwa orang-orang yang melanggar undang-undang di dalam mahkamah. Ini dijalankan oleh Jabatan-jabatan atau Majlis-majlis Agama Islam Negeri; dan
- (v) mengadakan kursus pemulihan dan khidmat nasihat kepada

pengikut-pengikut ajaran salah yang telah bertaubat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adakah penyekatan dan tindakan-tindakan diambil untuk menyekat aktiviti-aktiviti ajaran sesat ini tertumpu kepada agama Islam sahaja, yang sesat dari segi agama Islam?

Yang keduanya, banyak diperkatakan mengenai ajaran sesat yang lain, termasuklah misal kata freemason atau freemasonry movement yang bukan hanya mungkin menyesatkan agama Islam tetapi agama Kristian pun. Jadi, apakah tindakan pihak Kementerian dan Kerajaan untuk menentukan supaya aktiviti kumpulan seumpama ini tidak berterusan supaya tidak menyesatkan penganut-penganut Islam, Kristian dan lain-lain di negara kita ini?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bertanya mengenai dengan yang sesat dalam konteks keIslaman, maka jawapannya dalam konteks ke-Islaman sahajalah, tidaklah termasuk yang di luar daripada kumpulan Islam yang sudah tentu kalau dilihat daripada kacamata Islam bukan sahaja freemason tetapi yang bukan freemason pun, kalau tidak mengikut sebagaimana yang Islam gariskan didapati tidaklah sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t., ertinya lari daripada garis-garis yang Allah telah tentukan. Yang penting di sini ialah dalam konteks keIslaman kerana Islam itu adalah agama yang Allah telah turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., maka apabila ramai orang yang telah berminat dengan Islam maka sukarlah kita mengenalpasti kumpulan-kumpulan yang mengambil kesempatan sehingga kita membuat penyelidikan terlebih dahulu. Kalau sekiranya Yang Berhormat dapati bahawa kajian ini ataupun penelitian ini dibuat kepada kumpulan Islam sahaja kerana itu adalah sangat wajar kerana banyak orang mengambil kesempatan

Disember 1989 lalu itu tidaklah bererti Kerajaan tidak lagi perlu memberi perhatian kepada soal keselamatan negara. Malahan menjamin dan memelihara keselamatan dan kestabilan negara tetap menjadi tanggung-jawab utama yang perlu sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan. Kepentingan aspek ini adalah diambil perhatian oleh Kerajaan dalam menyediakan anggaran belanjawan. Oleh iu, keperluan belanjawan adalah sentiasa mengambil pertimbangan terhadap perkembangan keadaan keselamatan dari semasa ke semasa.

- (c) Penghantaran kontijen tentera kita ke luar negeri adalah lazimnya bergantung kepada permintaan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Kerajaan bersedia meneliti kemampuan bagi menyahut permintaan berkenaan, jika ada. Tidak dinafikan penghantaran anggota-anggota tentera kita telah memberi nama baik dan "goodwill" kepada negara. Penghantaran pada masa-masa akan datang akan dipertimbangkan bergantung kepada keadaan dan keperluan.

RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH

22. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah sistem pemulihan dadah di negara berjaya merawat dan memulih penagih dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sistem rawatan dan pemulihan dadah yang terdapat pada masa ini merupakan dua cara pemulihan, iaitu pemulihan institusi di pusat-pusat pemulihan dadah dan pemulihan melalui pengawasan dalam masyarakat terbuka.

Mereka yang menjalani pemulihan institusi jua diletakkan di bawah jagaan lanjutan selama dua tahun selepas mereka keluar daripada Pusat-Pusat Pemulihan Dadah.

Seramai 22,948 orang telah mengikuti pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah sejak 1975 ke 1989, dan seramai 44,646 orang telah menjalani pengawasan sejak pengwujuan program itu pada tahun 1977 hingga 1989.

Kejayaan yang dicapai dalam pemulihan secara institusi ialah 31.4%, iaitu penagih-penagih didapati bebas dari dadah selepas dua tahun jagaan lanjutan, dikira mengikut puklurata selama 6 tahun kebelakangan dari 1988.

Dalam pengawasan kejayaan yang telah dicapai ialah 23.9% mengikut perkiraan puklurata selama 6 tahun mulai tahun 1983.

PUSAT PEMULIHAN DADAH

23. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak pusat-pusat pemulihan dadah di negara ini; dan
- (b) berapa ramai penagih-penagih dadah yang berada di pusat pemulihan di seluruh negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Pada masa ini terdapat 12 buah Pusat Pemulihan Dadah yang beroperasi penuh di seluruh negara. 7 buah pusat lagi masih dalam pembinaan.
- (b) Bilangan penagih dadah yang berada di semua Pusat-pusat Pemulihan Dadah 31-1-90 ialah 5,089 orang.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLETAKAN SENJATA

24. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan Parti Komunis Malaya yang mutaakhir selepas perletakan senjata baru-baru ini. Apakah Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan kepada Parti Komunis Malaya agar mengharamkan parti tersebut dari bergerak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Berikutan termeterainya perjanjian pada 2 Disember 1989 lalu, Parti Komunis Malaya (PKM) telahpun menamatkan sama sekali kegiatan-kegiatan bersenjatakannya. PKM telah juga membubarkan unit-unit bersenjataanya dan seramai 1,091 bekas anggota-anggota PKM telahpun keluar dari pengkalan-pengkalan mereka di hutan. Setakat ini, lebih daripada 1,120 laras senjatapi, 80,370 butir peluru, 390 butir bom tangan, 1,650 bahan letupan (landmines) dan 3,860 alat letupan (detonators) telah dimusnahkan oleh pihak PKM di perkarangan empat buah Perkampungan Aman (Friendship Villages) di Wilayah Yala dan Narathiwat, Selatan Thailand. Pemusnahan tersebut telah disaksikan oleh Pegawai-pegawai daripada pihak-pihak berkuasa Malaysia dan Thai. Tindakan-tindakan juga sedang diambil untuk mengesan dan memusnahkan semua jerangkap samar dijadualkan mulai bulan Mac ini di kawasan-kawasan di sepanjang sempadan Malaysia—Thai. Pihak PKM adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan ini yang akan diatur di bawah penyelidikan Pasukan Keselamatan Malaysia.

Sepertimana yang telah beberapa kali dinyatakan baik di dalam Dewan yang mulia ini dan di luar, Kerajaan tidak pernah mengiktirafkan parti Komunis Malaya (PKM) dan PKM akan tetap diharamkan daripada bergerak bebas dalam negara ini. Dasar dan ideologi komunisma itu sendiri adalah bertentangan dengan asas kewujudan dan

sistem demokrasi berparlimen yang menjadi dasar pemerintahan negara kita.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI SERI PETALING

25. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar para penduduk Seri Petaling Kuala Lumpur telah mengadu untuk setelah 3 tahun mengenai pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh sebuah tempat pembuangan sampah yang terletak di Taman Seri Petaling, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menghentikan tempat pembuangan sampah sarap itu daripada digunakan terus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Kerajaan sedar masalah rungutan orang ramai mengenai bau busuk dan pandangan yang tidak menyenangkan di Tapak Pelupusan Sampah di Seri Petaling berhampiran Lebuhraya KL/Seremban. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Pelupusan Sampah ini telah mula digunakan oleh DBKL semenjak tahun 1979 di mana sebanyak 1,500 tan sampah sarap dilupuskan di tapak ini setiap hari. Kawasan ini meliputi keluasan 54 ekar (21.6 hektar) dan jaraknya daripada kawasan perumahan Taman Petaling ialah kira-kira 500 meter.

Bagi mengawal pencemaran bau yang busuk, DBKL menggunakan pasir sebanyak 100 buah lori atau 500 tan sehari bagi menimbus sampah-sarap yang telah dilupuskan. Di samping itu, DBKL juga menggunakan bahan-bahan kimia untuk mengurangkan bau busuk dan membunuh lalat dan lain-lain serangga yang terdapat di kawasan tersebut. Di samping itu juga tapak pelupusan ini dikawal 24 jam bagi menjamin daripada pencerobohan orang awam.

Sebagai langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan melalui dan kerjasama Urusetia Perancangan Lembah Kelang, Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan sedang mengkaji kemungkinan mendapatkan satu tapak baru bagi pelupusan sampah yang bukan sahaja digunakan oleh DBKL malahan oleh Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah yang berhampiran.

DBKL juga telah menawarkan kepada sebuah syarikat swasta melalui dasar penswastan untuk membina sebuah loji pembakaran sampah (Incineration Plant) di Tapak Pelupusan Sampah Seri Petaling yang dianggarkan bernilai 100 juta ringgit. Adalah di-harapkan dengan adanya loji pembakaran sampah ini kerja-kerja melupuskan sampah-sampah ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

VISA KEPADA ORANG-ORANG AFRIKA SELATAN—SEKATAN

26. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa memandangkan pemerintahan (liberal) di Afrika Selatan baru-baru ini, adakah Kerajaan bercadang:

- (a) Melonggarkan sekatan pengeluaran visa orang-orang Afrika Selatan keturunan Melayu untuk datang ke Malaysia dan dari Malaysia ke Afrika Selatan; dan
- (b) Membuka satu pejabat bertaraf Suruhanjaya atau sebagainya di Afrika Selatan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, rakyat Afrika Selatan yang berketurunan Melayu yang ingin membuat lawatan ke negara ini, hendaklah mendapat visa terlebih dahulu. Kerajaan berpendapat peraturan sekarang

adalah sesuai dan pada masa ini tidak bercadang untuk melonggar peraturan yang ada.

- (b) Malaysia tidak bercadang untuk membuka pejabat perwakilan bertaraf Suruhanjaya di Afrika Selatan walaupun terdapat perubahan dilakukan oleh regim Pretoria mengenai dasar apartheid. Malaysia hanya akan menjalinkan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan sebaik sahaja satu Kerajaan majoriti ditubuh di negara itu.

BEKALAN UBAT KEPADA KLINIK KECIL

27. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar atau tidak bekalan ubat kepada klinik kecil di luar bandar seperti Klinik Desa Kg. Entalau dan Klinik Desa Skim Skrang, Sarawak tidak mencukupi, dan usaha Kerajaan untuk lebih menaikkan taraf perkhidmatan Klinik-Klinik Desa di seluruh negara ini.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa bekalan ubat kepada klinik kecil di luar bandar seperti Klinik Desa Kg. Entalau dan Klinik Desa Skim Skrang, Sarawak tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, klinik-klinik di luar bandar sekali sekala mengalami kekurangan ubat oleh kerana masalah pengangkutan (logistics) yang tidak dijangka. Tetapi ini tidak kerap berlaku dan tidak menjejaskan rawatan pesakit oleh sebab klinik-klinik luar bandar dibekalkan dengan 94 jenis ubat dan ada di antaranya boleh digunakan sebagai pengganti pada yang lain.

Berkenaan dengan perkhidmatan klinik-klinik desa, saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan kepada peningkatan taraf perkhidmatan kesihatan di

luar bandar. Di Negeri Sarawak umpamanya melalui Rancangan-Rancangan Malaysia Lima Tahun, Kementerian telah menumpukan usaha dalam pembinaan pusat kesihatan dan klinik desa bagi mengembang perkhidmaan kesihatan untuk meliputi seberapa ramai penduduk luar bandar. Kementerian juga melaksanakan rancangan untuk menaikkan taraf klinik-klinik desa kepada pusat kesihatan ataupun kepada hospital daerah dalam beberapa peringkat supaya perkhidmatan yang diberi dapat dipertingkatkan.

Hingga akhir tahun 1989 Negeri Sarawak mempunyai 3 buah Pusat Kesihatan, 86 buah Pusat Kesihatan Fasa I dan 71 buah Klinik Desa. Rancangan-rancangan bagi tahun 1990 sedang dilaksanakan di mana 7 buah Pusat Kesihatan Fasa I (di Selangau, Daro, Pekan, Julau, Tatau, Song dan Belaga) akan dipertingkatkan kepada Pusat Kesihatan.

MAS—KEUNTUNGAN YANG DICATATKAN

28. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah keuntungan yang telah dicatatkan oleh MAS bagi penerbangan dalam negeri di antara Kuala Lumpur dan Sabah dan Kuala Lumpur dan Sarawak untuk lima (5) tahun kebelakangan ini, berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Jumlah keuntungan yang telah dicatatkan oleh MAS bagi penerbangan di antara Semenanjung Malaysia ke dan Sabah/Sarawak untuk lima tahun yang lepas adalah:

<i>Tahun</i>	<i>(\$ Juta)</i>
1984/85	17.892
1985/86	16.091
1986/87	15.883
1987/88	28.772
1988/89	30.994

Bagi sektor-sektor lain dalam negeri MAS telah mencatatkan kerugian. Angka kerugian bagi lima tahun yang lepas adalah:

(a) Semenanjung Malaysia

<i>Tahun</i>	<i>(\$ Juta)</i>
1984/85	4.635
1985/86	12.446
1986/87	14.760
1987/88	8.783
1988/89	1.766

(b) Sabah/Sarawak

<i>Tahun</i>	<i>(\$ Juta)</i>
1984/85	0.178
1985/86	10.916
1986/87	6.114
1987/88	0.450
1988/89	3.012

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

29. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah setiap Perkara Kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan yang masih dalam timbangan Kementerian Dalam Negeri dengan memberi tarikh permohonan yang paling lama dalam pertimbangan serta juga jenis permohonan itu; dan jangkamasa purata yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan kewarganegaraan; serta juga nyatakan mengapa pihak Kementerian Dalam Negeri enggan memberi sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga 31 Disember 1989, Kementerian Dalam Negeri masih memproses sebanyak 7,508 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara-perkara berikut:

Perkara 15 (1)	- 3,592
(Isteri asing kepada Warganegara Malaysia)	

Perkara 15 (2) (Anak kepada warga-negara di mana ibu atau bapanya memperoleh taraf warganegara selepas kanak-kanak tersebut dilahirkan)	-	400
Perkara 15 (A) (Kuasa-kuasa bagi mendaftar kanak-kanak yang berumur kurang dari 21 tahun)	-	148
Perkara 16 (Mereka yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka)	-	614
Perkara 19 (Permohonan secara naturalisasi)	-	2,754
		<hr/>
		7,508

Tarikh paling lama permohonan yang diterima ialah tahun 1985 bagi Perkara 19 dan 16. Ini adalah disebabkan oleh kelewatan pemohon menghantarkan maklumat-maklumat yang diminta.

Purata masa untuk menyelesaikan sesuatu permohonan kewarganegaraan tidak dapat ditentukan kerana setiap permohonan itu hendaklah memenuhi prosedur dan syarat-syarat yang ditentukan dalam kaedah-kaedah kewarganegaraan, 1964 dan Bahagian 3, Perlembagaan.

Kementerian tidak perlu memberi sebab-sebab permohonan itu ditolak atau diluluskan.

KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN SPM

30. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah berlaku kebocoran soalan peperiksaan SPM pada tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan, supaya perkara seperti itu tidak berulang lagi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu kebocoran soalan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan adalah seperti berikut:

Bil.	Ahli Yang Berhormat	Tarikh
(1)	Y.B. Tuan M.G. Pandithan	5-3-90
(2)	Y.B. Dr Eng Seng Chai	2-3-90
(3)	Y.B. Tuan Law Lai Heng	5-3-90
(4)	Y.B. Dr Douglas Uggah	2-3-90

Embas

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab kesemua soalan tersebut sekaligus. Jawapannya ialah:

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa berjaga-jaga dan berusaha untuk mempertingkatkan peraturan keselamatan di semua peringkat serta memastikan agar semua peraturan dipatuhi. Walau bagaimanapun kebocoran soalan peperiksaan tidak dapat dielakkan kerana penyediaan dan pengedaran kertas soalan peperiksaan melibatkan ramai pegawai dan adalah sukar untuk menghapuskan kebocoran jika terdapat kakitangan yang tidak jujur dan ikhlas.
- (b) Hasil daripada penyiasatan polis, dua orang kakitangan telah didakwa oleh pihak pengadilan dan perbicaraan masih belum selesai. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan sebab-sebab berlakunya kebocoran kertas peperiksaan.
- (c) Pihak Kementerian Pendidikan juga yakin bahawa pengiktirafan pihak luar terhadap sijil-sijil peperiksaan Malaysia tidak terjejas kerana kebocoran kertas soalan jarang sekali berlaku.

TAHANAN ISA

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang tahanan di dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Dato' Megat Junid bin. Megat Ayob: Bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada masa ini adalah seramai 71 orang.

PUSAT KESIHATAN TANDEK

32. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kesihatan menyatakan tarikh penaikan taraf dispensary Tandek kepada taraf yang setanding dengan Rumah Sakit Daerah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Dispensary Tandek adalah pusat kesihatan bagi seluruh N.5 Tandek yang mempunyai penduduk hampir dua puluh ribu orang. Jika sedar, apakah sebab-sebab hanya seorang Pembantu Hospital ditugaskan di Dispensary tersebut dan apakah sebab-sebab Kementerian Kesihatan tidak membina bangunan Dispensary baru memandangkan bangunan yang sedia wujud adalah sebesar Klinik Desa.

Tuan Chua Jui Meng: Projek menaikkan taraf pusat kesihatan Fasa I ke Pusat Kesihatan Tandek akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan bagi peringkat pertama tanah yang dikesan akan diperolehi.

Hospital Daerah baru akan siap dibina dalam tahun 1983 di Kota Marudu. Perkhidmatan Hospital Daerah Kota Marudu akan meliputi kawasan Tandek memandangkan Tandek adalah hanya 12km dari pekan Kota Marudu.

LAPORAN MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

33. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan bilakah laporan langkah NECC akan dikeluarkan kepada rakyat Malaysia, dan bilakah pihak Kerajaan akan mengemukakan Dasar Ekonomi Kebangsaan untuk zaman selepas tahun 1990.

13-3-90

18. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan-perkembangan terbaru hasil dari perbincangan MAPEN. Bilakah ia akan dikemukakan kepada Kerajaan. Adakah ia akan merupakan sambungan DEB ataupun lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Tapak pada 15 Mac 1990 kerana kedua-dua soalan itu adalah mengenai perkara yang sama, iaitu berkaitan dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Sebagaimana kita semua maklum, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat daripada berbagai latar belakang dan kepentingan berpeluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan juga penggubal bagi satu dasar baru selepas 1990. Seramai 150 orang ahli telah dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili segenap lapisan masyarakat seperti pertubuhan politik, peniaga, kesatuan sekerja, bank dan institusi-institusi kewangan, guru, petani, nelayan dan kumpulan-kumpulan minoriti.

Sehingga kini, Majlis telah mengadakan sidang pleno sebanyak 13 kali

bagi mendengar dan membahas pandangan ahli-ahli. Majlis juga telah selesai membahas enam laporan yang disediakan oleh beberapa Jawatankuasa Majlis iaitu:

- (i) Laporan Jawatankuasa Pengu-
tipan, Methodologi dan Analisa
Data;
- (ii) Laporan Jawatankuasa Mengkaji
Prestasi Pelaksanaan Dasar
Pembasmian Kemiskinan;
- (iii) Laporan Jawatankuasa Mengkaji
Prestasi Pelaksanaan Dasar
Penyusunan Semula Masyarakat;
- (iv) Laporan Jawatankuasa Pem-
angunan Sumber Tenaga
Manusia;
- (v) Laporan Jawatankuasa Ekonomi
dan Perkembangan Antara-
bangsa; dan
- (vi) Laporan Jawatankuasa Khas
Mengenai Perpaduan Negara.

Pada peringkat ini, laporan penuh yang mengambil kira semua isu dan pandangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli dan yang terdapat di dalam laporan-laporan Jawatankuasa sedang disediakan dan dijangka akan dibentang dan dibincangkan dalam sidang Majlis pada bulan April. Laporan akhir MPEN akan dikemukakan kepada Kerajaan setelah Majlis berpuas hati dengannya.

Kerajaan akan menimbangkan laporan MPEN dengan penuh tanggung-jawab demi faedah setiap golongan rakyat negara ini dan akan membuat pengumuman mengenai laporan tersebut pada masa yang sesuai kelak.

PENSWASTAAN BADAN-BADAN KERAJAAN

34. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan selepas pengumuman beliau atas konsep Pensyarikatan Malaysia yang akan memesatkan perindustrian negara serta mengeratkan lagi perhubungan antara sektor awam

dan swasta, adakah Kerajaan berpuas hati dengan proses penswastaan badan-badan berkanun Kerajaan. Kalau tidak apakah langkah yang diambil supaya proses penswastaan ini dapat dipercepatkan dan apakah rintangan yang dihadapi.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpuas hati dengan proses penswastaan badan-badan Kerajaan sekarang. Namun demikian, ada beberapa perkara yang perlu diperkemas lagi bagi mempertingkatkan dan melicinkan pelaksanaan projek penswastaan badan-badan Kerajaan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah melantik juruperunding bagi menyediakan Pelan Induk Penswastaan yang sekarang masih dalam pertimbangan Kerajaan. Pelan Induk ini akan digunakan sebagai panduan bagi membantu Kerajaan dalam memperkemas dan mempercepatkan lagi proses penswastaan.

PERUNTUKAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI

35. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di bawah kuasa dan peruntukan mana Timbalan Perdana Menteri membuat pengumuman meluluskan projek berjuta-juta ringgit dalam setiap kunjungan dan majlis yang dihidirinya disetiap ceruk rantau di negara ini;
- (b) sejak beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri sebelum tahun 1986 dapatkah beliau menjelaskan jumlah projek yang diumumkan serta jumlah wang yang diluluskan oleh beliau. Banyak manakah daripada projek tadi sudah terlaksana, bilangan yang sudah dimulakan dan

bilangan projek yang belum dimulakan.

- (c) kebanyakan dari peruntukan yang diumumkan itu tidak dirundingkan terlebih dahulu dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan; dan
- (d) setujukah Perdana Menteri bahawa setengah dari penguaman itu adalah janji kosong untuk mengabui rakyat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

- (a) Sebenarnya Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri hanya mengumumkan pengagihan peruntukan bagi projek-projek kecil yang telahpun diluluskan oleh Parlimen sebagaimana yang terkandung dalam Buku Anggaran Belanjawan Tahunan. Pengagihan peruntukan ini dibuat berdasarkan kepada projek-projek yang perlu dilaksanakan dari masa ke semasa untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.
- (b) Antara tahun 1986 hingga 1989, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah mengagihkan peruntukan berjumlah \$268,727,610 bagi melaksanakan 12,220 projek-projek kecil di seluruh negara. Daripada bilangan tersebut kira-kira 9,931 projek telah siap dilaksanakan manakala 2,289 projek masih dalam peringkat pelaksanaan.
- (c) Oleh kerana peruntukan yang diumumkan itu adalah peruntukan yang telah diluluskan dengan Parlimen maka rundingan dengan Perdana Menteri atau Menteri Kewangan tidak perlu.
- (d) Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus berusaha meninggikan lagi taraf hidup rakyat dengan menyediakan kemudahan-

kemudahan asas yang diperlukan. Semua projek yang telah dikenalpasti keperluannya untuk rakyat dan diumumkan akan dilaksanakan mengikut keutamaan. Kerajaan tidak membuat pengumuman dengan tujuan membuat janji kosong untuk mengabui mata rakyat.

LEBUHRAYA BERUNGIS/ TUARAN/KOTA BELUD— PEMBINAAN

36. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kerjaraya menyatakan tentang rancangan pembinaan lebuhraya Berungis/Tuaran/Kota Belud di mana dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri berkenaan kepada soalan serupa saya pada 19-1-1987 sesi Parlimen penggal pertama menerangkan bahawa projek tersebut akan hanya dilaksanakan bila keadaan ekonomi negara mengizinkan. Sekarang sebagaimana yang diketahui umum menerusi Laporan Belanjawan Negara untuk tahun 1990 bahawa ekonomi negara kini telah beransur pulih. Oleh yang demikian, bilakah agaknya kerja pelaksanaan projek itu akan bermula.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek jalan raya dari Berungis/Tuaran/Kota Belud telah dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia keenam (1991-1995).

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

37. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah lagi hutang-hutang negara yang masih belum dibayar; dan

- (b) negara-negara manakah yang kita masih berhutang setakat ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan pada masa kini ialah sebanyak \$24.1 billion.
- (b) Negara-negara utama yang Kerajaan masih berhutang dan jumlahnya adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah Hutang (\$ Juta)</i>
1. Amerika Syarikat	8,607
2. Jepun	6,381
3. Jerman barat	3,226
4. Switzerland	1,285
5. Perancis	441

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA KETURUNAN CINA

38. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini di antara 200,000 orang keturunan Cina yang tiada kewarganegaraan, berapa kes permohonan kewarganegaraan Malaysia telah dikemukakan, ditolak dan sedang dipertimbangkan. Apakah pendirian dan cadangan Kerajaan terhadap masalah yang masih berlarutan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tiada menyimpan perangkaan mengenai orang-orang yang tiada mempunyai kewarganegaraan mengikut keturunan.

Walau bagaimanapun kedudukan permohonan kewarganegaraan dari orang-orang keturunan Cina yang diterima sejak tahun 1980 hingga akhir 1989 adalah seperti berikut:

Bilangan permohonan: 10,474
 Bilangan ditolak: 6,340
 Bilangan dalam pertimbangan: 2,307
 Bilangan sijil dikeluarkan: 22,567
 (termasuk permohonan yang dibuat sebelum tahun 1980 tetapi sijil dikeluarkan antara tahun 1980-1989)

Kerajaan akan terus menimbang setiap permohonan kewarganegaraan sejajar dengan peruntukan dalam Bahagian 3, Perlembagaan.

INSTITUSI PENGAJIAN BAHASA-BAHASA ASING

39. Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuh sebuah Institusi Pengajian Bahasa-bahasa Asing bagi melatih guru-guru khas untuk mengajar Bahasa-bahasa Inggeris, Jepun, Perancis, Mandarin dan lain-lain bahasa utama. Jika tidak, apakah rancangan yang dicadangkan untuknya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan institusi pengajian tinggi di negara ini telahpun mengadakan program pengajaran bahasa-bahasa asing melalui Pusat Bahasa Institusi-Institusi tersebut. Antara Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus bahasa-bahasa asing ialah:

- (i) Universiti Kebangsaan Malaysia yang menawarkan Kursus Bahasa Perancis, Jerman, China, Arab, Jepun dan Thai.
- (ii) Universiti Pertanian Malaysia yang menawarkan Kursus Bahasa Mandarin, Perancis dan Arab.
- (iii) Universiti Sains Malaysia menawarkan Kursus Bahasa Perancis, Jerman, China, Arab, Jepun dan Tagalog.

Di samping itu maktab-maktab perguruan juga mengadakan kursus-kursus Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di maktab-maktab perguruan di seluruh negara.

Oleh itu buat masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian khas bagi melatih guru-guru untuk

mengajar bahasa-bahasa asing kerana Institusi-Institusi yang tersebut tadi telahpun dapat menjalankan tugas ini dengan memuaskan.

JURURAWAT ISLAM MENGAJAR PESAKIT ISLAM

40. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan jururawat-jururawat Islam mengajar pesakit-pesakit Islam yang tenat yang menanti saat mati untuk mengucap dua kalimah syahadat.

Tuan Chua Jui Meng: Kementerian Kesihatan menyedari tentang perlunya ucapan dua kalimah syahadat untuk pesakit-pesakit Islam yang tenat yang menanti saat kematian. Oleh itu Kementerian Kesihatan senantiasa menggalakkan kakitangan Islam untuk menjalankan tugas ini secara sukarela kepada pesakit-pesakit tersebut.

KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN

41. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan yang telah dijalankan ke atas kes kebocoran soalan peperiksaan SPM tahun lepas; dan
- (b) berdasarkan hasil penyiasatan tersebut, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan perkara tersebut tidak berulang lagi.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 soalan yang sama atau hampir yang bersangkutan dengan isu kebocoran soalan. Ahli-ahli Berhormat yang

mengemukakan soalan adalah seperti berikut:

<i>Ahli Yang Berhormat</i>	<i>Tarikh</i>
(1) Y.B. Tuan Law Lai Heng	5-3-90
(2) Y.B. Dr Eng Seng Chai	2-3-90
(3) Y.B. Tuan Douglas Uggah Embasa	2-3-90
(4) Y.B. M.G. Pandithan	5-3-90

Jadi sebenarnya soalan ini telah dijawab pada 2-3-90 yang lalu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab kesemua soalan tersebut sekaligus. Jawapannya ialah:-

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa berjaga-jaga dan berusaha untuk mempertingkatkan peraturan keselamatan di semua peringkat serta memastikan agar semua peraturan dipatuhi. Walau bagaimanapun memang menjadi kenyataan bahawa proses penyediaan dan pengedaran kertas soalan peperiksaan melibatkan ramai pegawai dan adalah sukar untuk menghapuskan kebocoran jika terdapat kakitangan yang tidak jujur dan ikhlas.
- (b) Hasil daripada penyiasatan polis, dua orang kakitangan telah didakwa oleh pihak pengadilan dan perbicaraan masih belum selesai. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan sebab-sebab berlakunya kebocoran kertas peperiksaan.
- (c) Pihak Kementerian Pendidikan juga yakin bahawa pengiktirafan pihak luar terhadap sijil-sijil peperiksaan Malaysia tidak terjejas kerana kebocoran kertas soalan jarang sekali berlaku.

BANGUNAN SRJK (C) KAHANG—PERUNTUKAN

43. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada

peruntukan untuk membina semula bangunan sekolah tersebut yang mana keadaannya adalah amat teruk; jika ya, nyatakan bilakah peruntukan bagi maksud tersebut akan diluluskan, dan amaun yang diluluskan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang telah menerima permohonan daripada SRJK (C) Kahang, Johor untuk mendapatkan peruntukan membina semula bilik darjah yang usang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$50,000 melalui peruntukan program pendidikan rendah untuk tahun 1990 bagi pembinaan 4 bilik darjah secara gotong-royong.

HARGA PADI—KAJIAN

44. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk mengkaji semula harga padi yang ada sekarang oleh kerana tidak dikaji semula lebih daripada sepuluh tahun yang lalu. Di samping itu adakah Kerajaan bercadang untuk mengapungkan harga beras selaras dengan harga padi yang akan dinaikkan.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada struktur harga padi dari masa ke semasa. Buat masa ini satu kajian mengenai struktur harga padi sedang berjalan. Selaras dengan itu, struktur harga beras juga dikaji serentak.

BIDANG SUKAN—GALAKAN

45. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kerjasama yang dibuat dengan penguasa-penguasa Majlis-Majlis, Bandaran, Daerah dan Tempatan melalui negeri-negeri dalam menyediakan kemudahan-kemudahan

tempat riadah; seperti padang gelanggang, dan dewan, dan kemudahan-kemudahan lain untuk menggalakkan kecemerlangan di dalam bidang sukan. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian ke arah kecemerlangan ini dan cara-cara untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Bagi menggalakkan kecemerlangan di dalam bidang sukan, Kementerian Belia dan Sukan dari masa ke semasa berusaha untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan Negeri melalui Penguasa-penguasa Tempatan Majlis Bandaran dan majlis Daerah bagi menyediakan kemudahan tempat riadah seperti padang, gelanggang, dewan dan kemudahan-kemudahan lain. Pihak berkuasa negeri atau Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah diminta menentu dan menyediakan tapak (tanah) bagi kemudahan yang diperlukan. Pihak berkuasa negeri akan mengemukakan permohonan projek berserta dengan keterangan dan anggaran kos kepada Kementerian. Kementerian bersama agensi-agensi pusat akan menimbangkan peruntukan bagi perlaksanaannya.

Kementerian Belia dan Sukan mendapat kerjasama yang baik dari semua Kerajaan Negeri dan setakat ini tidak ada apa-apa masalah yang timbul untuk mendapatkan kerjasama tersebut.

PEGAWAI PENJARA— TINDAKAN TATATERTIB DIKENAKAN

46. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan sebab apakah tindakan tatatertib yang telah diambil ke atas pegawai-pegawai Jabatan Penjara yang telah menyeleweng di dalam tugas mereka dan dari Kementerian Pendidikan berhubung dengan kebocoran kertas-kertas peperiksaan, begitu 'sympathetic' tetapi tindakan tatatertib ke atas penuntut-penuntut Universiti Pertanian yang

terlibat dalam 'ragging' begitu keras. Manakah sebenarnya kes yang lebih 'sympathetic'.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai awam adalah diambil di bawah Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab 'D') 1980. Manakala tindakan tatatertib terhadap penuntut-penuntut universiti adalah diambil di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Pindaan 1975.

Pihak Berkuasa Tatatertib bagi pegawai-pegawai awam perlulah mengikut dengan teliti peruntukan di dalam Perintah Am itu bagi tiap-tiap kes yang dikemukakan kepadanya dan keputusannya bergantung kepada faktor-faktor di dalam kes yang berkenaan. Soal keputusan itu 'sympathetic' atau tidak, tidak timbul kerana Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan bebas untuk membuat keputusannya.

HUTANG KERAJAAN TEMPATAN

47. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah yang dihutang oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan kepada Kerajaan Persekutuan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mendapat balik hutang-hutang tersebut;
- (b) namakan Kerajaan Tempatan yang mempunyai hutang yang besar sekali serta jumlahnya; dan
- (c) apakah sebab hutang-hutang ini boleh berlaku.

Dato' Wan Abu bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Sehingga 31 Disember 1989, Kerajaan-kerajaan Tempatan telah berhutang dengan Kerajaan

Persekutuan sebanyak \$713.38 juta. Untuk mendapatkan balik hutang-hutang tersebut, Kementerian Kewangan telah menghantar notis kepada peminjam, memaklumkan tanggungan mereka mengikut syarat-syarat pinjaman dalam perjanjian pinjaman, apabila hutang mereka matang untuk dibayar balik. Kementerian Kewangan juga mengadakan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan berkenaan untuk mengenalpasti apa-apa masalah bayaranbalik yang sedang mereka hadapi. Jika didapati mereka benar-benar mempunyai masalah, hutang-hutang mereka akan dijadual semula.

- (b) Kerajaan Tempatan yang mempunyai hutang yang terbesar ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebanyak \$468.68 juta.
- (c) Hutang-hutang ini berlaku kerana Kerajaan-kerajaan Tempatan terpaksa melaksanakan projek-projek pembangunan seperti projek pembentungan najis, perumahan awam kos rendah dan lain-lain projek pembangunan untuk kemudahan penduduk-penduduk yang mana hasil-hasil yang dikutip oleh mereka tidak mencukupi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tersebut.

BIRO PENGADUAN AWAM— FUNGSI

48. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak memberi sebarang kesan melainkan ianya digunakan oleh MCA untuk propaganda

politiknya, apakah tindakan pihak Kerajaan untuk memastikan ianya tidak diperalatkan oleh mana-mana parti politik komponen Barisan Nasional dan berfungsi dengan kesan demi kepentingan rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Ting Chew Peh): Dakwaan bahawa Biro Pengaduan Awam (BPA) di Jabatan Perdana Menteri merupakan suatu alat propaganda politik sebuah parti politik komponen Barisan Nasional adalah tidak benar. Sebagaimana halnya dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, BPA telah ditubuhkan untuk faedah dan kepentingan rakyat.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkat serta memperluaskan perkhidmatan yang diberikan oleh BPA. Umpamanya, mulai bulan September 1989, BPA telah melancarkan suatu projek cubaan iaitu sistem litaran ke seluruh negara termasuk kawasan-kawasan yang diwakili oleh parti-parti pembangkang. Ini bererti bahawa masalah-masalah rakyat dengan jentera perkhidmatan awam dalam kawasan yang diwakili oleh parti-parti pembangkang tidak diketepikan.

Usaha-usaha yang telah dibuat untuk meningkatkan prestasi BPA telah mendapat pujian daripada beberapa pihak. Umpamanya, di Dewan ini dalam perbahasan mengenai Urusan Belanjawan 1987 pada 11 November 1986 Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sendiri telah menyampaikan tahniah kepada Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam kerana perubahan-perubahan yang diperkenalkan dalam perjalanan BPA. Ini menunjukkan Yang Berhormat berkenaan yakin dengan peranan BPA. Ramai orang lain yang pernah mendapat khidmat BPA telah menyuarakan penghargaan masing-masing melalui surat-surat yang sebilangannya disiarkan di akhbar-akhbar.

BAYARAN TOL DI JEJAMBAT CHERAS

49. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau bercadang mengurangkan bayaran tol di Jejambatan Cheras yang akan siap pembinaan tidak lama lagi dari \$1.00 kepada tahap yang tidak membebankan rakyat. Jika ya, apakah kadar baru yang dicadangkan itu. Jika tidak, mengapa.

Tuan Luhut Wan: Projek membina Jejambatan Cheras telah diswastakan selaras dengan dasar penswastaaan, oleh Kerajaan. Di bawah konsep penswastaaan Syarikat Konsesi akan merekabentuk, membina, dan menyelenggara Jejambatan-jejambatan dengan perbelanjaan sendiri dalam tempoh konsesi selama 12 tahun. Di dalam perjanjian yang ditandatangani bersama pihak Kerajaan dengan Syarikat Konsesi, Syarikat dibenarkan mengenakan kadar tol \$1.00 satu hala. Untuk makluman Ahli yang Berhormat kadar tol yang ditetapkan ini adalah menjadi faktor utama di dalam menentukan kedayahidupan projek ini. Sekiranya kadar tol dikurangkan kedayahidupan projek akan terjejas. Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang mengurangkan kadar tol yang ditetapkan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, sukalah saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, dengan siapnya jejambatan ini pengguna jalan raya akan mendapat faedah-faedah seperti berikut:

- (i) Penjimatan kos pengendalian kenderaan (Penggunaan petrol, minyak pelincir dan hakisan tayar).
- (ii) Masa perjalanan dapat dikurangkan.
- (iii) Keadaan perjalanan akan lebih selesa dan selamat.

JABATAN PEMBANGUNAN NEGERI—PROJEK YANG DIKENDALIKAN

50. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah projek-projek yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Negeri pada tahun 1989 yang tidak siap (tergendala) selepas penutupan kira-kira semasa pada tahun ini khususnya di Daerah Kota Belud, Sabah dan amnya di seluruh negara.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Projek-projek di bawah Kementerian ini yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Negeri yang menghadapi masalah dan tidak dapat disiapkan dalam tahun 1989 hanyalah projek Menaikkan Taraf Jalan Kampung (PJK). Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah 2,287 projek yang dilaksanakan hanya terdapat 68 projek atau 3% sahaja yang dilaporkan terbengkalai dan 14 daripadanya adalah di Daerah Kota Belud.

RINGGIT MALAYSIA— KEJATUHAN NILAI

51. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan kejatuhan nilai ringgit Malaysia akibat penyelarasan matawang negara-negara EEC dengan matawang Jerman yang telah dinaikkan nilainya sebanyak 5.5% dan matawang Perancis yang telah diturunkan nilainya sebanyak 2.5% dan juga kenaikan nilai yen Jepun, dollar Amerika dan Pound

Sterling. Apakah rasionalnya kita menyelaraskan matawang kita dengan matawang utama di dunia.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Semua negara-negara kini mengikuti sistem tukaran asing yang berapung untuk matawang mereka. Nilai matawang sebuah negara itu adalah bergantung kepada prestasi ekonominya, kadar faedah dan inflasi.

Dalam konteks negara ini, ringgit adalah berapung berasaskan matawang-matawang lain. Walau bagaimanapun untuk menentukan nilai ringgit, nilai ringgit adalah disandarkan kepada satu kumpulan (komposit) matawang negara-negara yang berdagang dengan negara ini. Bagi mengelakkan spekulasi campuran komposit ini adalah dirahsiakan.

Oleh kerana nilai matawang-matawang komposit selalu berubah antara satu sama lain, nilai ringgit juga berubah dari bertikata matawang-matawang komposit dan juga matawang-matawang lain.

Perubahan nilai ringgit-ringgit akhir-akhir ini menggambarkan prestasi ekonomi negara, berbanding dengan prestasi ekonomi negara lain dan penjajaran matawang-matawang utama dunia sejak 1985. Saya ingin menyatakan bahawa perubahan-perubahan ini adalah perkara biasa. Saya telah pun menyatakan perkara ini di Dewan ini dan telah juga memberitahu Dewan baru-baru ini faedah dan kesan-kesan perubahan nilai ringgit.

Kadar Pertukaran Ringgit Akhir Tempoh

Tempoh	Dolar AS	Dolar Singapura	Pound Sterling	Deutsche-mark	Yen (100)
1981	2.24	1.10	4.29	1.00	1.02
1982	2.32	1.10	3.76	0.97	0.99
1983	2.34	1.11	3.40	0.86	1.01
1984	2.43	1.11	2.83	0.77	0.97
1985	2.41	1.15	3.48	0.98	1.20
1986	2.60	1.20	3.82	1.34	1.63

Tempoh	Dollar AS	Dollar Singapura	Pound Sterling	Deutsche- mark	Yen (100)
1987 Mac	2.51	1.17	4.03	1.39	1.72
Jun	2.53	1.19	4.05	1.38	1.72
Sept.	2.54	1.21	4.13	1.38	1.73
Dis.	2.49	1.30	4.67	1.57	2.03
1988 Mac	2.56	1.28	4.81	1.54	2.05
Jun	2.61	1.28	4.45	1.43	1.96
Sept.	2.68	1.31	4.51	1.42	1.99
Dis.	2.71	1.39	4.87	1.52	2.15
1989 Mac	2.73	1.40	4.64	1.45	2.08
Jun	2.70	1.38	4.18	1.38	1.88
Sept.	2.69	1.37	4.35	1.44	1.93
Dis.	2.70	1.42	4.34	1.60	1.88
1990 Jan (pada 26hb)	2.70	1.45	4.53	1.60	1.87
% Perubahan Tahun Asas					
1985	-10.74	-20.69	-23.18	-38.75	-35.83
Jan 1990	0.00	-2.07	-4.19	0.00	0.53

KAD PENGENALAN PALSU

52. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar satu sindiket dipercayai menjual Kad-kad Pengenalan palsu kepada pendatang-pendatang haram di bandar-bandar utama di Sabah dengan harga \$400-\$500 setiap Kad Pengenalan; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri memang sedar mengenai adanya kegiatan menjual Kad-kad Pengenalan palsu di Sabah. Tindakan undang-undang telah pun diambil ke atas mereka yang terlibat iaitu dengan mendakwa mereka di Mahkamah, manakala siasatan selanjutnya masih diteruskan ke atas mereka yang disyaki terbabit.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

53. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad meminta Perdana Menteri menyatakan:

- bilangan pendatang Vietnam ke negara ini sejak dari mula;
- bilakah yang paling ramai dan berapakah bilangan yang paling ramai yang boleh ditempatkan di Pulau Bidong;
- bilangan yang telah diterima oleh negara ketiga mengikut negara-negara;
- apakah kriteria yang diperlukan oleh negara-negara penerima;
- ramai manakah yang masih berada di Malaysia sekarang;
- adakah antara mereka diterima sebagai penduduk tetap negara ini. Jika ada, sila terangkan kriterianya; dan

- (g) ramai mana pula pendatang baru sesudah Malaysia mengumumkan untuk tidak menerima pendatang baru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 17 Februari 1990:

- (a) bilangan pendatang haram yang berada di negara ini semenjak tahun 1975 ialah seramai 251,436 orang;
- (b) bilangan yang paling ramai pernah tiba di negara ini ialah pada tahun 1978 iaitu seramai 60,248 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 45,000 pernah ditempatkan di Pulau Bidong dalam suatu masa;
- (c) bilangan yang telah diterima oleh negara-negara ketiga ialah seramai 235,590 orang. Pecahan mengikut negara ialah seperti berikut:

Amerika Syarikat Resettlement	90,188
Processing Centre	47,387
Australia	42,225
Kanada	31,241
Perancis	6,354
Jerman Barat	3,677
Switzerland	2,498
New Zealand	1,774
Belanda	1,638
Sweden	1,236
Lain-lain negara	4,372
Jumlah	<u>235,590</u>

- (d) Kerajaan tidak dapat memaklumkan kriteria yang digunakan oleh negara-negara penerima kerana setiap negara mempunyai kriteria yang tersendiri yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa. Semua kerja yang berkaitan dengan pemilihan untuk berpindah ke negara ketiga diuruskan oleh pihak UNHCR dengan negara-negara penerima itu sendiri;

- (e) bilangan yang masih berada di negara ini ialah seramai 19,573 orang;
- (f) sehingga kini tiada seorang pun yang diterima sebagai penduduk tetap negara ini; dan
- (g) bilangan pendatang haram yang tiba sesudah pengumuman tidak menerima pendatang haram baru dibuat ialah seramai 12,678 orang.

AIR TERJUN—HARGA PEMBINAAN

54. Tuan Chew Kam Hoy minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah yang dibelanjakan dalam pembinaan Air Terjun di persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Dang Wangi;
- (b) setakat manakah Air Terjun tersebut memanfaatkan Kuala Lumpur secara khususnya dan negara secara amnya; dan
- (c) bukannya lebih baik jumlah wang tersebut digunakan untuk tujuan-tujuan yang lebih praktikal seperti membaiki jalan, taliair dan sebagainya di samping itu lokasi air terjun tersebut adalah merbahaya dan boleh menyebabkan kemalangan jalan berlaku.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Drs Sulaiman bin
Mohamed):**

- (a) Jumlah harga pembinaan Air Terjun di Persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Dang Wangi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebanyak \$540,000.00.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat kepelbagaian corak pengindahan yang unik dapat dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur ini

khasnya kerana setiap usaha yang dilaksanakan ini akan sentiasa menjadi tarikan kepada pelancong luar yang telah mulai mengenali Malaysia secara lebih dekat. Pembinaan air terjun ini merupakan satu aspek pengindahan yang terbaru diadakan di Kuala Lumpur. Pembinaan air terjun dicerun merupakan satu corak pembaharuan pengindahan dan berjaya menjadi satu tarikan yang unik di tengah-tengah Bandaraya ini. Ianya berjaya mempamerkan dan menarik perhatian setiap pengunjung dengan kedudukannya yang strategik dan keadaan corak pembinaannya yang unik. Jika dibandingkan dengan corak pengindahan lain yang telah dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur seperti taman-taman mini di kawasan lapang, tepian bangunan dan sebagainya, pembinaan air terjun ini merupakan satu perubahan yang mendadak dari segi corak dan cara mengindahkan Kuala Lumpur. Ini telah memberi satu era baru dalam usaha mencantikkan Kuala Lumpur yang sentiasa menjadi perhatian di dunia luar dan Malaysia sering menjadi tuan rumah bagi persidangan antarabangsa, sukan antarabangsa dan perjumpaan antarabangsa.

- (c) Dalam usaha membangunkan negara dalam pelbagai pembangunan infrastruktur, pembaikan jalan, pembinaan talian dan sebagainya, Kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan yang khusus bagi setiap pembangunan projek-projek tersebut. Pembinaan air terjun di tengah-tengah persimpangan tersebut telah membantu memberikan satu gambaran kedamaian dan suasana nyaman dengan bunyi desiran air yang

mengalir. Sepanjang pembinaan air terjun tersebut, tidak sebarang laporan kemalangan telah dilaporkan.

MAS—PRESTASI PERKHIDMATAN SYARIKAT

55. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menjelaskan tentang prestasi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS):

- (a) kenapakah sejak akhir-akhir ini prestasi perkhidmatan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) merosot;
- (b) apakah langkah/strategi baru yang diambil oleh pihak Kerajaan dan MAS sendiri di dalam meningkatkan kembali imej MAS;
- (c) sila senaraikan jumlah kapal-terbang yang dimiliki oleh MAS dan berapakah pula yang disewa. Dan berapa buah lagi yang sedang diuruskan pembeliannya oleh pihak MAS;
- (d) berapakah jumlah destinasi penerbangan MAS untuk dalam dan luar negeri. Dan ke manakah pula destinasi baru MAS untuk 1990 ini; dan
- (e) apakah rancangan-rancangan MAS bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Jawapan kepada soalan (a) dan (b) berkaitan prestasi perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) merosot dan langkah/strategi untuk meningkatkan imejnya telah pun diberi jawapan semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Ahmad Omar pada 27 Februari, 1990. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan yang telah diberikan. Jawapan

bagi soalan (e), (d) dan (e) adalah seperti berikut.

- (a) Jumlah kapalterbang yang dimiliki/sewa oleh MAS pada 15 Januari 1990 adalah seperti berikut:

B747 - 200	2
- 300 C	1
- 400 C	2
DC10 - 30	3
- 10 (sewa)	1
A300B4	4
B737 - 200	12
- 200 (sewa)	6
B737 - 400 (sewa)	1
F27/F50	11
DHC-6	5
	<hr/>
	48

- (b) Pihak MAS sedang menguruskan pembelian pesawat-pesawat seperti berikut:

- (i) 4 buah B747-400;
 (ii) sepuluh buah B737-400 dan 6 B737-500; dan
 (iii) lapan buah pesawat A330.

- (c) MAS mempunyai 23 destinasi dalam negeri dan 43 destinasi antarabangsa. Destinasi baru MAS dalam tahun 1990 adalah Ho Chi Minh City, Honolulu, Rome, Vienna, Cairo, Brisbane, Nagoya, Teheran dan Beijing.

- (d) Rancangan MAS bagi tempoh 5 tahun akan datang akan melibatkan pembelian kapalterbang-kapalterbang moden, alat kelengkapan, komputer dan sebagainya. Perkhidmatan MAS ke Eropah, Amerika Syarikat dan Australia akan ditingkatkan. Dalam rancangan ini juga MAS akan mengadakan operasi ke destinasi-destinasi baru seperti Athens, Adelaide, Conpenhagen, Osaka, Harare, Vienna, Vancouver dan Madrid.

PENYELESAIAN PEMBELIAN ALAT GANTI PESAWAT TUDM—SIASATAN

56. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas enam pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dituduh terlibat dalam penyelewengan pembelian alat ganti pesawat sebanyak \$30 juta;
- (b) sama ada penyelewengan tersebut ada berkaitan dengan nahas helikopter Nuri di Kuching tahun lalu di mana 2 orang Jeneral terkorban dan kalau ia sama ada tindakan jenayah akan diambil terhadap mereka di Mahkamah;
- (c) bagaimana pihak Perbendaharaan boleh meluluskan perbelanjaan palsu sebegini; dan
- (d) bagaimana pihak Audit gagal mengesani penyelewengan ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR).
- (b) kemalangan helikopter Nuri yang berlaku di Sarawak baru-baru ini tidak ada kena mengena dengan sebarang penyelewengan. Soal mengenakan tindakan ke atas anggota-anggota yang dikatakan terlibat dalam penyelewengan bekalan alat ganti TUDM itu, tidak timbul sekarang kerana agensi yang membuat siasatan belum lagi menyiapkan hasil siasatannya. Sama ada penyelewengan itu betul berlaku ataupun tidak belum dapat dipastikan lagi. Sekiranya siasatan mengesahkan

berlakunya penyelewengan, barulah Kerajaan akan mengkaji bentuk tindakan yang patut diambil terhadap mereka yang terlibat.

- (c) perkara ini masih lagi dalam siasatan.
- (d) oleh kerana bukti penyelewengan masih belum diperolehi, maka soal Audit gagal mengesani penyelewengan masih tidak timbul.

DAFTAR PENGUNDI

57. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta perdana Menteri menyatakan sudahkah Kerajaan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah Daftar Pengundi menjelang pilihanraya akan datang.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Soalan ini tidak berapa jelas kerana tidak dinyatakan apakah masalah-masalah yang terdapat di dalam daftar pemilih sehingga memerlukan tindakan diambil untuk memperbaikinya.

KUMAN AIDS

58. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah berlakunya peningkatan jumlah pembawa kuman AIDS di negara kita pada masa ini, apakah punca-punca merebaknya pembawa kuman AIDS itu dan bagaimana tindakan Kementerian untuk mengatasinya.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun diberi pada 28-2-1990 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

SKYHAWK—PENJUALAN PESAWAT

59. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kemungkinan untuk menjual 35 kapal-kapal jenis A-4 Skyhawk yang disimpan di Amerika Syarikat. Dan sama ada benar ia akan dijual kepada Argentina. Jika tidak, kepada siapa ia akan dijual dan sama ada Kementerian beliau akan memperolehi keuntungan ke atas penjualan tersebut.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Rancangan untuk menjual Pesawat A-4 Skyhawk masih lagi di peringkat rundingan Kerajaan. Kerajaan masih belum dapat mengumumkan kepada negara mana pesawat-pesawat tersebut akan dijual. Saya difahamkan negara Singapura, Argentina dan Chile telah menunjukkan minat mereka. Kerajaan akan cuba mendapatkan harga terbaik bagi penjualan ini.

BURSA SAHAM—INSIDER TRADING

60. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan kes "insider trading" yang telah dapat dikesan di Bursa Saham pada tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989;
- (b) beberapa orang telah dihukum atas kesalahan itu dalam tempoh yang sama;
- (c) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk membenters perbuatan tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ampang Jaya adalah hampir serupa dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bagan, Bukit Bintang dan

Sandakan yang masing-masing dijadualkan untuk dijawab pada 2hb, 5hb dan 9hb Mac 1990 maka saya memohon menjawab kelima-lima pertanyaan tersebut secara serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada sesiapa pun yang didakwa kerana melakukan kesalahan perdagangan dalaman.

Ingin dimaklumkan bahawa Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengandungi peruntukan-peruntukan yang jelas dan nyata yang melarang perdagangan dalaman bagi tujuan memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur khususnya kepada pelabur-pelabur kecil.

Dalam hubungan ini, pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab, iaitu Pendaftar Syarikat selaku pendaftar di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sentiasa mengawasi dengan rapi perjalanan dan kegiatan BSKL termasuk mengesan sebarang pergerakan harga yang luar biasa. Sekiranya didapati bukti yang menunjukkan adanya perdagangan dalaman, penyiasatan yang sewajarnya pasti akan diambil untuk membawa pesalah yang berkenaan ke Mahkamah.

Sungguhpun begitu, daripada pengawasan yang dijalankan adalah didapati terlalu sukar untuk mengesan dan mendapatkan bukti-bukti yang jelas untuk mendakwa seseorang berhubung dengan perdagangan dalaman. Misalnya dalam kes penjualan saham Multi-Purpose Holdings apabila Hume cuba mengambilalih kumpulan itu tahun lepas, bukti-bukti yang cukup tidak diperolehi untuk membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Pendaftar Syarikat pada masa ini sedang menjalankan penyiasatan ke atas beberapa

orang yang disyaki telah melakukan perdagangan dalaman. Walau bagaimanapun penyiasatan yang dibuat akan mengambil masa oleh kerana banyak dokumen-dokumen yang perlu diteliti dan dikaji. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menyatakan keputusan penyiasatan ini.

Berhubung dengan sejauh manakah perdagangan dalaman ini akan menjejaskan BSKL, adalah jelas sekiranya diizinkan ianya akan melemahkan kepercayaan umum dan antarabangsa kepada perdagangan di BSKL. Oleh itu, hasrat Kerajaan untuk mengadakan satu bursa saham yang teratur, terbuka, saksama dan berwibawa mungkin tidak akan tercapai.

Ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa pihak-pihak berkuasa berkenaan akan sentiasa mengawasi dengan rapi dan terus mengambil tindakan ke atas sebarang penyelewengan dan amalan-amalan yang tidak sihat ini. Antara langkah-langkah kawalan dan perlindungan yang diambil bagi mencegah berlakunya perdagangan dalaman adalah:

- (i) menjalankan pemeriksaan dari semasa kesemasa ke atas syarikat broker saham terutamanya ke atas perniagaan-perniagaan sekuriti yang dijalankan olehnya;
- (ii) mengadakan pengawasan rapi terhadap pasaran sekuriti, dengan izin 'market surveillance'; dan
- (iii) memastikan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 1987 dan Kehendak-kehendak penyenaiaan Bursa Saham Kuala Lumpur, dengan izin "KLSE Listing Requirements" berhubung pendedahan maklumat kepada orang ramai sentiasa dipatuhi.

RANCANGAN ISLAM DI TV

61. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Penerangan memberi butir-butir terperinci mengenai bantahan yang dibuat oleh Majlis Gereja-gereja Sedunia (World Council of Churches) tentang pencabulan jaminan-jaminan Perlembagaan terhadap kebebasan beragama dan mengenai rancangan-rancangan Islam yang disiarkan oleh TV Malaysia, dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan berhubung dengan bantahan tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Saya mohon memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa bantahan-bantahan yang diterima bukanlah daripada World Council of Churches (Majlis Gereja-Gereja Sedunia) bahkan daripada Christian Solidarity International.

Untuk menjawabnya saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Penerangan tidak bercadang mengambil apa-apa tindakan di atas laporan ini.

Rancangan-rancangan Islam yang disiarkan di dalam TV pada masa ini adalah tidak bertujuan mengislamkan mereka yang beragama lain di negara ini. Rancangan-rancangan itu adalah bertujuan memberi pengajaran yang lebih mendalam kepada orang-orang Islam sendiri dan memberi kefahaman kepada rakyat bukan Islam yang ingin mengetahui lebih mendalam berhubung dengan Islam dan cara penghidupan Islam. Ini adalah bersesuaian dengan Islam sebagai agama rasmi negara ini dan juga usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Malaysia.

Kementerian Penerangan memang sedar bahawa Perlembagaan Malaysia di samping memperuntukan bahawa agama Islam ialah agama rasmi di negara ini memberi kebebasan kepada mereka yang beragama lain untuk menganuti

agama mereka sendiri. Kementerian Penerangan memang peka tentang hal ini dan tidak pernah mencabuli atau cuba mencabuli hak mereka yang bukan beragama Islam.

Mengenai rancangan televisyen seperti Yang Berhormat sedia maklum sesiapa sahaja bebas membuat pilihan melihat mana-mana saluran televisyen mengikut selera masing-masing. Di dalam menyediakan program-program televisyen Kementerian ini memastikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai pilihan yang mencukupi.

KAPASELAM— PERLENGKAPAN TENTER LAUT

62. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pencapaian usaha perlengkapan Tentera Laut kita dengan kapalselam. Apakah jenis kapalselam yang dirancangkan dibeli, dari mana dan jumlah harganya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Setakat ini usaha untuk memperolehi kapalselam masih ditahap pengkajian dan projek kapalselam secara keseluruhannya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan akan memakan masa yang lama. Ini disebabkan latihan dan persediaan mestilah dilakukan disetiap peringkat di dalam TLDM dengan terperinci supaya ianya dapat dikendalikan dengan sempurna dan berkesan.

Oleh kerana rancangan ini masih di peringkat awal, jenis, negara pembekal dan jumlah harganya masih belum dapat ditentukan lagi.

MAS—PENYELESAIAN PESAWAT SYARIKAT ASING

63. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pengangkutan menyatakan

apakah langkah-langkah yang diambil oleh MAS supaya pesawat-pesawat yang disewa daripada syarikat-syarikat asing bagi menampung keperluannya adalah selamat untuk penerbangan sama ada di sektor antarabangsa ataupun di dalam Malaysia.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Semua pesawat-pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) yang disewa daripada syarikat-syarikat penerbangan asing bagi menampung keperluan penerbangan dalam negeri atau antarabangsa adalah diperiksa tentang keselamatannya. Sebelum menyewa mana-mana pesawat, MAS akan menghantar satu 'inspection team' dari Bahagian Kejuruteraan untuk memeriksa dan meneliti pesawat berkenaan. Pesawat-pesawat hanya akan disewa selepas MAS berpuas hati tentang keadaan pesawat. MAS juga akan memperolehi kelulusan pihak berkuasa penerbangan awam negara berkenaan di mana pesawat didaftarkan dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh”.
(2hb Mac, 1990)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Larut.

3.35 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berucap dan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Parlimen, Penggal Keempat, Parlimen yang Ketujuh pada 26hb Februari, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda sebagai Raja yang kita kasih telah menyentuh semua aspek hidup rakyat

dan memohon kepada rakyat sekalian supaya memberi taat setia kepada negara tanpa berbelah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah ucapan itu sudah dan memang kena pada tempatnya kerana taat setia yang tidak berbelah bahagi sangatlah penting bagi tiap-tiap negara di dunia ini lebih-lebih lagi Malaysia yang mempunyai berbagai kaum dan bangsa keturunan. Usaha seperti ini tidak akan berhasil dan tercapai sekiranya semua tenaga dan usaha tidak digembelngkan untuk tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar apa yang dititahkan oleh Baginda kerana pada masa yang sudah hingga ke hari ini Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri yang kita kasihi berjaya dengan usahanya bagi kepentingan rakyat dan menyatupadukan rakyat di bawah payung demokrasi dan justice, dengan izin. Justeru itu, kita telah berjaya dalam banyak lapangan di samping mengekalkan taat setia kepada negara dan Raja.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara amatlah terjamin setakat ini. Dengan Titah Ucapan itu kita mestilah bersama-sama mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Tentera kita yang mana telah mengorbankan masa, tenaga dan nyawanya bagi mengekalkan taraf keamanan dan keselamatan yang kita ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan keamanan adalah faktor-faktor penting sekali, tanpanya semua aktiviti-aktiviti tidak boleh dilaksanakan. Pembangunan negara sama ada dari segi ekonomi dan sosial akan terkandas tanpa semangat taat setia kepada Raja dan negara dan tanpa wujudnya keselamatan dan keamanan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru di sini supaya Kerajaan bertambah mengambil berat ke atas Angkatan Tentera kita dengan memberi mereka

bukan hanya kemudahan-kemudahan peperangan seperti senjata-senjata moden bahkan memastikan hidup mereka juga dijamin dengan imbuhan-imbuhan yang lebih baik dari yang ada sekarang. Kemudahan-kemudahan perumahan hendaklah disegerakan dan tanggagaji merekapun perlu difikirkan semula sesuai dengan pengorbanan yang mereka beri bagi mengekalkan keselamatan dalam negara yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua anggota Dewan yang mulia ini berhubung dengan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya supaya jangan sewenang-wenangnya memikirkan bahawa perletakan senjata itu bererti tamatnya ancaman komunis di Malaysia dan justeru itu, tidak melonggarkan hak-hak istimewa yang patut diberi kepada Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupa bahawa perletakan senjata itu adalah cara tektik universal, dengan izin, yang mana dipersetujui di antara Kerajaan Malaysia dan PKM telahpun dimeterai di Haadyai baru-baru ini. Oleh kerana perkembangan-perkembangan yang berlaku di Eropah Timur seperti di Jerman Timur, Czechoslovakia, Yugoslavia, Russia dan khasnya Romania di mana rakyat telah merampas kuasa dan membunuh pemimpinnya Nicolae Ceausescu dan isterinya dalam menentukan hidup demokrasi mengikut selera rakyat. Dalam hal yang sama, kita mesti berjaga-jaga dan Angkatan Tentera kita tidak perlu dikurangkan, takut PKM ini oleh kerana Kerajaan tidak menghalalkan mereka, mereka akan menyusur, meresap melalui parti-parti yang chauvinis seperti DAP dan mana-mana parti yang bersimpati dengan kehendak PKM itu.

Tuan Yang di-Pertua, perletakan senjata itu pada hemat saya . . .

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap!

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Masa tidak cukup, ada injury time boleh—tidak boleh bagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak bagi, tidak hendak bagi?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak boleh bagi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak bagi, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, perletakkan senjata itu pada hemat saya hanya peperangan gorila yang telah dan sedang dilakukan oleh PKM, bukan berterti hapusnya komunis dan fahaman komunis yang tidak diredai oleh Allah dan Rasulnya, fahaman dan ideologi komunis akan terus berkekalan. Oleh itu penyerapan dan penglibatan fahaman yang sama hendaklah dihapuskan dan dibantraskan tanpa tolak-ansur sekiranya fahaman yang sama meresap . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: . . . meresap masuk melalui parti-parti yang tidak mementingkan rakyat dan kedaulatan bangsa dan Raja-raja Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap!

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 36(6). Tadi Yang Berhormat telah

mengeluarkan sangkaan jahat ke atas pihak kami, saya harap dia boleh berwaspada dan menarik balik, kerana perkara itu tidak berlaku.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, itu spekulasi. Kalau orang yang makan cabai rasa pedas—saya tarik balik.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, dia membuat sangkaan yang jahat ke atas pihak kami dan perkara seperti itu tidak berlaku di dalam kalangan kami.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya kata, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah tarik balik, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tetapi sudah kata dah . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, fahaman dan ideologi komunis akan terus berkekalan, oleh itu penyerapan dan penglibatan fahaman yang sama hendaklah dihapuskan dan dibantraskan tanpa tolak-ansur, sekiranya ada fahaman yang sama tanpa tolak-ansur.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap ya, Kota Melaka hendak apa?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak apa?

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak bagi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak payahlah masa tidak ada, nanti Penggal akan datang. Tambahan pula pada masa-masa akhir ini sudah nampak perpecahan di mana parti-parti politik selain dari Barisan Nasional lebih mementingkan peribadi daripada kepentingan rakyat amnya dan kepentingan ketuanan orang Melayu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu perjuangan kita bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan sebagaimana dalam Titah Ucapan Baginda tidak akan dapat diteruskan sekiranya Kerajaan yang memerintah tidak mengambil langkah-langkah positif bagi menghindar dan menghapuskan anasir-anasir penyerapan fahaman komunis melalui parti-parti politik yang tidak mementingkan rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ISA hendaklah diteruskan, kerana sekiranya perletakan senjata itu memberi makna berkesan, kita mesti jangan lupa kepada ancaman-ancaman yang hendak memusnahkan pemerintahan ketuanan Melayu Berperlembagaan melalui parti chauvinis yang saya sebutkan tadi. Semua parti-parti pembangkang oleh kerana ghairah dan taksubnya merebut kuasa semata-mata akan mengeciwakan rakyat dan negara yang benar-benar mahu hidup bersama, bekerjasama dan bertolak-ansur bagi membangunkan negara dan semua aspek mengikut Perlembagaan Undang-undang dan the Rule of Law.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kerajaan Baginda di bawah pemerintahan Barisan Nasional yang dipimpin

oleh Perdana Menteri yang kita kasihi sangatlah berjaya setakat ini. Sekiranya kita dapat menghapuskan fahaman-fahaman dan ideologi yang negatif yang timbul dari rasa tidak puas hati, cemburu di atas kejayaan dan pimpinan yang ada. Rakyat amat sedar bahawa mereka tidak perlu kepada perubahan pemerintahan. Kita tidak boleh bandingkan negara kita dengan England, Amerika, Jepun dan negara-negara lain dalam memikirkan perubahan pemerintahan. Di negara-negara tersebut keadaan latar-belakang sangatlah berlainan jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang ada di negara kita. Di negara itu mana-mana parti memerintah hanya polisi sahaja yang berbeza, bukan tulang-belakangnya.

Saya percaya dengan adanya taat setia kepada negara, kita akan terus berjaya mengekalkan keamanan yang selama ini dibina, yang mana tidak perlu di-robohkan, kerana dunia luar sendiri mengakui dan mengiktiraf pemerintahan yang ada, yang benar mementingkan rakyat umum dan bukan peribadi. Bagi sesiapa yang rasa keciwa dan tidak puas hati dengan apa yang kita ada, bolehlah membuat pilihan sama ada pilihan itu diterima oleh rakyat ataupun mencari negara-negara lain yang lebih demokratik dan tidak payahlah lagi menyusahkan pemimpin yang ada. Demokrasi dan kebebasan di mana-mana pun bukan absolute, telah banyak kali kata di dalam Dewan yang mulia ini. Baginda bertitah: "Beta menyeru semua rakyat mengekalkan semangat patriotik supaya sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan akan terus menjadi amalan kita".

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga telah menitahkan bahawa iklim ekonomi bagi tahun 1989 amatlah memuaskan hasil dari pimpinan Kerajaan yang diterima oleh rakyat dan usaha-usaha yang gigih dari semua yang terlibat. Bagi tahun 1990 pula dan seterusnya harapan iklim ekonomi akan lebih cerah melalui kecekapan dan produktiviti yang lebih

baik, kualiti kecekapan dan kualiti produktiviti adalah penting dalam mengekalkan iklim ekonomi dan menarik pelabur-pelabur dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, agak benar kalau saya katakan bahawa kita perlu bersatupadu dalam semua urusan, kerana pelabur-pelabur dari luar negeri agak susah hendak melabur atau menambah pelaburan mereka sekiranya kita tidak mempunyai kestabilan politik ataupun political stability, dengan izin.

Saya tidak mahu menuduh mana-mana parti politik yang bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat yang mana Malaysia tidak demokratik dan pemimpinnya diktator yang boleh mengelirukan pandangan-pandangan orang luar, tetapi kebijaksanaan Kerajaan dalam membantraskan prasangka pelabur-pelabur ke negara ini telah dapat dihapuskan. Perdana Menteri sendiri yang benar-benar bertanggungjawab sentiasa melawat dan menemui pelabur-pelabur di mana-mana sahaja di dunia ini bagi mendapat peluang pelaburan dengan penerangan-penerangan mengenai iklim politik dan suasana yang sebenarnya yang ada, tidak seperti yang diberikan oleh mereka yang tidak taat kepada negara.

Kerajaan hendaklah juga mengawasi orang-orang Malaysia yang ada di luar negeri termasuk penuntut-penuntut yang anti Kerajaan sentiasa menyebarkan berita buruk, kerana apabila mereka berada di luar negeri, mereka tidak lagi mempunyai kepentingan dan sampai hati pula mengkhianati negara dalam semua aspek di negara di mana mereka berasal dan mereka telah memfitnahkan banyak perkara-perkara yang tidak munasabah. Ketika saya melawat Amerika baru-baru ini, saya terpaksa memberi penerangan dan penjelasan mengenai distorted news about us, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan pula dengan bertambahnya pelaburan-

pelaburan maka bertambahlah pekerjaan-pekerjaan bagi rakyat.

Saya menyeru dan mencadangkan apabila pelabur-pelabur itu sampai ke Malaysia, janganlah hanya memikirkan kepentingan-kepentingan individu tertentu, bahkan memikirkan kepada negara dan rakyat. Usahawan-usahawan besar janganlah mendirikan tapak usahawan mereka di bandar-bandar besar sahaja, bahkan mesti memberi peluang kepada bandar-bandar kecil selaras dengan pengeluaran hasil-hasil mentah. Bukan semuanya mesti didirikan di Petaling Jaya, Bangi, Pulau Pinang dan Johor Bahru, bahkan hendaklah bermuafakat dengan pelabur-pelabur asing membuka tanah kilangnya di kampung-kampung seperti kampung saya. Dengan yang demikian, kampung-kampung terpencil akan mendapat merasai pembangunan dan boleh memulai kehidupan yang moden dan bertamadun dengan adanya perusahaan-perusahaan yang kecil ataupun besar di tempat-tempat itu.

Suka disebut di sini bahawa teras pemerintahan negara adalah dipegang oleh orang-orang luar bandar yang mana menjadi teras Barisan Nasional. Kenapakah pula priority-priority itu diberi kepada tempat-tempat di mana rakyat tidak menyokong Kerajaan seperti Petaling Jaya, Pulau Pinang dan lain-lain? Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat, sekejap. Ahli dari Simunjan minta jalan.

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan: Beri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Adakah Yang Berhormat setuju kalau

saya memohon untuk Yang Berhormat masa casualty.

Yang kedua, Yang Berhormat tadi kata bahawa beliau tidak mahu pembangunan itu di kawasan Pembangkang, jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk meroboh balik jambatan Pulau Pinang kerana kebetulan di kawasan Ketua Pembangkang. Bagaimana?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli dari Simunjan ini kadang-kadang tidak faham. (*Ketawa*) Kalau hendak bongkar balik masalah jambatan Pulau Pinang itu memang tidak, kerana yang sudah buat dan ini untuk masa depan pemerintahan yang lebih baik supaya mengekalkan pemerintahan yang ada walaupun kita menghadapi musuh-musuh yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya menyeru supaya pelaburan itu bukan terhad kepada bahan-bahan utama sahaja, bahkan juga apa sahaja sumber yang boleh diperdagangkan sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Sering kelihatan industri yang didirikan tidak ada banyak maklumat yang diberi kepada rakyat. Mungkin pegawai-pegawai Kementerian berkenaan begitu sibuk, kadangkala tidak dapat menemui orang-orang yang berpotensi.

Saya menyeru Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu dapat benar-benar memberi makna bagi kesejahteraan rakyat ramai, bukan golongan-golongan yang tertentu sahaja sebagaimana sering berlaku. Usahawan-usahawan bumiputera hendaklah bersungguh-sungguh dalam usaha menerima pelaburan dari luar bukan sahaja diberi kepada mereka share kosong, ataupun menjadi mandur sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga menyentuh masalah pertanian kerana pertanian adalah nadi kepada negara

selain daripada minyak. Dasar Pertanian negara hingga masa ini adalah banyak dan serbanika, tetapi dukacita perlaksanaannya sangat lembab oleh pegawai-pegawai pertengahan dan bawahan. Dalam hal ini, saya tidak mahu menyalahkan Kementerian. Umpamanya telah banyak terdengar mengenai tanah terbiar masih dilihat di kawasan-kawasan sawah, di tempat-tempat terpencil. Pegawai-pegawai pertanian hendaklah mempunyai minat di kawasan-kawasan luar bandar, bukan hanya menumpukan masa yang banyak mengenai politik kerana mereka dibayar untuk menolong rakyat. Mereka mestilah mempunyai kualiti kerja yang baik supaya mendapat hasil yang baik, produktiviti yang baik bagi semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan di sini bahawa banyak projek-projek pertanian di seluruh negara adalah indah khabar dari rupa. Parit-parit dan saluran-saluran air untuk sawah dan ladang masih belum memuaskan dan perlu diberi perhatian dengan serta merta guna meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga menyentuh berhubung dengan perkembangan pelancongan supaya terus berkembang bagi mendapat pertukaran wang asing yang banyak hasil dari pelancongan itu, tetapi apa yang mendukacitakan, persiapan-persiapan untuk menerima pelancong-pelancong tidak menyeluruh seperti apa yang berlaku di Langkawi baru-baru ini di mana pelancong dari England merasa, dengan izin, disappointed and disgusted apabila anaknya, Jane Kruchly mendapat kecederaan ketika menunggang sebuah basikal dengan emaknya di mana tumitnya hampir putus dan kemudian perubatan tidak kemas kononnya penjaga bilik operasi hospital telah menghilangkan diri tanpa boleh dihubungi untuk mendapat kunci bagi menggunakan bilik rawatan bius. Bapa pelancong, Encik Kruchly menulis dari

England akan hampanya kejadian itu bila tumit anaknya terpaksa dijahit tanpa penggunaan alat bius. Betapa sakitnya!

Justeru itu, Kerajaan merancang untuk membina satu hospital yang besar; bukan hospital yang besar yang dikehendaki, bahkan efficient service, dengan izin. Tidak guna ada hospital besar jika tidak ada efficiency dan tidak ada kunci untuk pergi ke bilik bius. Saya menyeru supaya perkara seperti ini boleh dibetulkan dengan sertamerta bukan sahaja di Pulau Langkawi, bahkan di mana-mana sahaja. Kita rasa malu kerana Tahun Melawat Malaysia disambut begitu hebat, tetapi alat dan ubat biusnya dikunci oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Nasib baiklah pada malam menyambut Tahun Baru dan Tahun Melawat Malaysia tidak siapa pun mendapat kecederaan ketika rakyat ratusan ribu hadir di Dataran Merdeka.

Untuk itu juga saya berharap Menteri Kebudayaan dan semua Kementerian-kementerian yang bersangkutan hendaklah menulis, khasnya Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menulis surat khas atas kesilapan itu dan minta maaf kerana kita hendak menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, khasnya pelancong-pelancong dari England yang mana telah tertarik dengan Pulau Langkawi kerana Perdana Menteri mereka sendiri datang ke Pulau Langkawi dan tumitnya dijahit tanpa bius oleh seorang doktor, tidak tahulah—bukan doktor dari Kepong. (*Ketawa*)

Kebersihan-kebersihan bandar juga hendaklah diambil berat bukan hanya window display, dengan izin, bahkan reality amatlah menakutkan seperti kemalangan yang menimpa Jane Kruchly. Kalau perkara ini tidak boleh dibaiki, tidak ada apa yang mengembirakan pelancong-pelancong kerana kita tidak seperti negara-negara Filipina, Thailand, Indonesia dan negara-negara lain yang mereka mempunyai hiburan-hiburan yang ajaib yang dikatakan lebih hebat yang mana

saya sendiri tidak mempunyai pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Baginda, Kerajaan perlu lagi meningkat dan meninggikan eksport di pasaran tradisional dan pasaran baru. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum bahawa negara-negara Eropah Timur menghadapi perubahan pesat dalam hubungan mereka untuk hidup lebih bebas seperti Malaysia walaupun DAP menafikan hakikat ini. Pasaran-pasaran di Eropah Timur memberi peluang banyak kepada pengusaha-pengusaha Malaysia bagi mengeksport getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain. Mulai hari ini eloklah kita mulai dengan strategi-strategi yang efektif untuk pasaran-pasaran di Eropah Timur pula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya melangsungkan mesyuarat CHOGM di Kuala Lumpur. Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dengan hebatnya dipuji bukan sahaja oleh negara-negara Afrika, bahkan negara-negara lain termasuk Britain oleh kecekapannya, pendiriannya dan pimpinannya mengikut lunas-lunas demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri telah berada di Lusaka, Zambia bagi menunaikan tanggungjawab yang begitu berat. Pembangkang berkata bahawa Malaysia ditinggalkan tanpa Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Pada Perdana Menteri itu tidak menjadi masalah kerana Malaysia aman dan Kabinetnya bertanggungjawab menjalankan kerja tanpa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Bukan seperti DAP di mana Ketua Pembangkang hari-hari memberi arahan, jadi macam Guru Besar sekolah-sekolah rendah (T) dan (C), tidak menaruh kepercayaan kepada pembantu-pembantu dan pemangku-pemangkunya kerana takut kepada rebutan kuasa dalam DAP sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulung? Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bolehkah beri saya injury time? Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga berkata bahawa ketika Nelson Mandela keluar dari penjara berpuluh ribu orang menyambutnya, seolah-olah itu adalah padanya rapat umum. Ketua Pembangkang walaupun peguam tidak faham apakah rapat umum dan apakah yang dibuat oleh penyokong-penyokong Nelson Mandela. Mereka berhimpun beramai-ramai kerana Nelson Mandela telah dipenjarakan 27 tahun. Di Malaysia belum ada tahanan keluar dari penjara sejak 27 tahun merempat dalam penjara atas mana-mana kesalahan. Sekiranya Ketua Pembangkang atau mana-mana pemimpin itu dipenjarakan 27 tahun dan dilepaskan keluar, mungkin IGP juga memberikan kebenaran supaya ramai orang yang menyambutnya di pintu penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang cuba untuk menyamakan rapat umum di South Africa dengan rapat umum pilihanraya. Rapat umum menyambut Nelson Mandela bukan rapat umum pilihanraya. Kalau rapat umum seperti itu dibenarkan oleh Kerajaan South Africa, Nelson Mandelalah yang menjadi President ataupun Perdana Menteri, bukan Klerk, bukan tinggal dalam penjara selama 27 tahun. Saya memohon supaya Ketua Pembangkang membetulkan perkara ini. Kebebasan berhimpun ketika pemimpin keluar dari penjara bukan kebebasan berhimpun untuk pilihanraya dan itu tidak menunjukkan mereka lebih demokratik. Kita tidak pernah memenjarakan pemimpin-pemimpin parti Pembangkang selama 27 tahun begitu kejam seperti di South Africa. Kita masukkan tidak lama, itu pun sudah heboh mogok lapar.

Tuan Yang di-Pertua, kita senantiasa mendoakan Perdana Menteri kita

selamat balik dan beliau telahpun selamat balik setelah menemui Tuan Nelson Mandela, bukan seperti parti-parti Pembangkang yang senantiasa memperkecilkan khidmat murni Perdana Menteri bagi dunia antarabangsa, kerana sikapnya yang tegaslah ianya dijemput pergi ke Lusaka, Zambia. Kita bersyukur kepada Allah kerana semua kerja-kerja Perdana Menteri di dalam dan di luar negeri, diterima dan diiktiraf oleh penduduk-penduduk di Malaysia khususnya dan dunia amnya yang mempunyai fikiran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu minit lagi. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya suka menaruh perhatian Dewan yang mulia ini mengenai mogok aman di estet-estet baru-baru ini, di mana di dalam kawasan saya ada mempunyai hampir 15 buah estet dan 12 buah yang bersangkutan-paut dengan MAPA atas tuntutan gaji bulanan. Saya menyeru supaya permohonan untuk mereka mendapat gaji bulanan disegerakan apabila syarat-syarat diterima oleh kedua belah pihak iaitu MAPA dan NUPW.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah, dalam lawatan saya ketika mogok itu, saya dapati bahawa majikan-majikan belum dapat memenuhi kehendak-kehendak penduduk di estet-estet seperti air, api, tadika, sekolah dan kemudahan-kemudahan asas. Ada terdapat bahawa estet-estet yang tidak memberi bekalan air dan api yang sempurna. Ada estet menutup bekalan api bila sahaja sampai Warta Berita Tamil pada pukul 5.30 petang. Ada estet yang membekalkan api satu atau dua jam sahaja dan membekalkan air setakat minuman dan memasak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan supaya rumah-rumah yang didiami oleh buruh-buruh itu dilengkapi dengan meter air dan meter api dan buruh-buruh tersebut membayar mengikut kegunaan masing-masing. Tuan punya estet juga perlu menjaga kebersihan padang permainan,

longkang-longkang dan sampah-sarap yang mana banyak mendatangkan penyakit-penyakit dan secara amnya kita mengetahui dengan jelas mereka adalah buruh-buruh yang susah. Estet-estet juga perlu menambah lagi kemudahan-kemudahan perubahan kerana setakat ini saya anggap hubungan antara buruh dan majikan masih bourgeois dan proletariat seperti yang berlaku di Romania sebelum Kristmas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun hendak berucap. Kalau sekiranya saya benarkan 20 minit, tidak semua boleh berucap dan kalau saya membenarkan hanya 10 minit, saya ingat kesemua boleh berucap. Soalnya tidak semua akan boleh berucap kalau diberi 15 minit, terlampau banyak sangat, kerana kita hanya ada tidak sampai dua setengah jam lagi. Bolehkah Yang Berhormat berucap 10 minit? Bolehlah. Jadi, saya minta Yang Berhormat dari Ampang Jaya berucap.

4.06 ptg.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyokong usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, mengimbas kembali tahun 80an, memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan telah berjaya menerajui rakyat dan negara ini melalui berbagai cabaran dan ujian getir dan seterusnya mencapai tahap kecemerlangan yang dapat kita banggakan. Tidak syak lagi segala pencapaian kita, baik dari segi pemulihan ekonomi negara dari kelembapan iktisad sedunia dan seterusnya bertumbuh subur mahupun

dalam bidang pembangunan fiskal, tidak dapat tercapai tanpa program pembangunan sumber tenaga rakyat yang teratur, bahkan berpandangan jauh. Oleh yang demikian, menjelang dekad 90an Kerajaan harus melipat-gandakan usahanya dalam pembangunan sumber tenaga rakyat untuk menjamin kesinambungan pembangunan dan menampung keperluan yang semakin meningkat. Sekiranya berbanding dengan negar-negara serantau, khususnya negar-negara yang digelar sebagai "Empat Naga Kecil", memang tidak jauh ketinggalan sumber guna tenaga kita baik dari segi kuantiti mahupun kualitinya. Soal pokok yang perlu kita "Tepuk dada tanya selera" adalah setakat mana kekayaan sumber guna tenaga kita dapat diterokai demi untuk kemajuan negara. Ataupun kita masih terkongkong dalam belenggu kurang keyakinan terhadap kemahiran guna tenaga sendiri secara tidak sedar.

Memang tidak dapat disangkal bahawa negara kita sentiasa diselubungi dengan perhitungan dan sentimen politik dalam segala bidang, tetapi soal pembangunan sumber tenaga rakyat bukanlah soal politik, jauh sekali soal perhitungan siasah perkauman yang sempit. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang perlu menjadi tumpuan perhatian kita bukanlah kekurangan guna tenaga mahir dalam satu-satu kumpulan etnik ataupun satu-satu kelas masyarakat, tetapi kekurangan negara pada keseluruhannya. Bagi negara kita masalah ketidak-seimbangan antara penawaran dan permintaan ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, 'supply and demand' dalam bidang iktisas dan separa-iktisas masih menonjol. Tetapi malangnya golongan yang tertentu masih ghairah membezakan guna tenaga iktisas kita mengikut kaum. Saya tidak menyangkal pentingnya guna tenaga negara kita, terutama di dalam bidang iktisas, harus seboleh-bolehnya mencerminkan hakikat kepelbagaian kaum dalam masyarakat kita. Namun demikian, unsur

kaum tidak seharusnya dijadikan suatu asas untuk membangunkan sumber tenaga rakyat sehingga golongan tertentu merasa tersisih daripada arus utama dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa bagi saya memang tiada bezanya sumbangan seorang jurutera bumiputera ataupun bukan bumiputera dalam sesuatu projek pembangunan negara asalkan dia itu seorang anak watan Malaysia, maka sebarang sumbangannya dalam bidang iktisas patut diberi sanjungan dan turut menjadi kebanggaan kita bersama.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada 26hb Februari yang lalu, Baginda menyeru semua rakyat agar mengekalkan semangat patriotik. Saya menyambut baik seruan Baginda. Bertitik tolak daripada Titah Baginda itu, saya berpendapat bahawa tenaga rakyat kita perlulah juga diterokai dan dieksploitasikan dengan sepenuhnya di semua peringkat dengan menerusi semangat patriotisme dan kenegaraan yang tersemai di kalangan mereka. Patriotisme bukanlah suatu ikrar yang dilafaz pada bibir mulut sahaja, sebaliknya patriotisme yang sejati perlulah dilahir daripada hati nurani setiap orang warganegara tanpa sebarang paksaan. Ini hanya akan dapat tercapai sekiranya semua rakyat yang berbilang bangsa diberikan peluang yang sama rata untuk bersaing dan mencapai kecemerlangan dalam segala bidang hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilan sosial, kita memang tidak boleh memandang sepi tentang ketinggalan kaum bumiputera dalam bidang iktisas. Tetapi puncanya tidak bersabit dengan kuota pengambilan bumiputera dalam jurusan-jurusan iktisas di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Pada hemat saya ketidakseimbangan yang wujud di antara pengambilan dan pengeluaran pelajar bumiputera dalam bidang tersebut yang perlu kita beri perhatian yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengamatan saya punca-punca masalah ini antara lain termasuk:

- (1) Kelemahan akademik akibat kekurangan kemudahan disekolah-sekolah rendah dan menengah dalam kawasan luar bandar. Ini sudah tentu melemahkan asas pembelajaran pelajar-pelajar dari luar bandar.
- (2) Suasana persekitaran di kawasan luar bandar biasanya kurang menggalak dan mementingkan pembelajaran golongan pelajar. Sebaliknya kaum ibu bapa lebih cenderung mengambil anak-anak mereka sebagai pembantu dalam kerja-kerja sawah atau mata pencarian yang lain untuk menambahkan pendapatan mereka.
- (3) Pelajar-pelajar luar bandar sering mengalami kejutan budaya atau, cultural shock, dengan izin, akibat perubahan cara hidup dari persekitaran desa ke bandar khususnya di kalangan mereka yang kurang terdedah kepada persekitaran bandar. Tetapi malangnya setakat ini perkhidmatan kaunseling yang perlu untuk mengatasi masalah ini masih kekurangan di kalangan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap keghairahan golongan tertentu terhadap pertikaian kuota pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan tidak mengaburi mata kita sehingga kelemahan-kelemahan dan soal-soal pokok yang sebenar tercicir dengan begitu sahaja tanpa perhatian yang wajar. Demi kepentingan negara buat jangka masa panjang, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa perlu berganding bahu dalam segala usaha menegak satu budaya sosial yang mementingkan pencapaian kecemerlangan dalam dekad ini. Ini bukan sahaja terhad kepada

kuiliterja atau keluaran kita saban hari malahan merangkumi juga pengambilan pelajar di institusi-institusi pengajian serta penyerapan guna tenaga dalam segala bidang kerja. Dalam pada itu adalah wajar juga bahawa usaha untuk menyamakan daya persaingan di antara semua kumpulan ethnik dan lapisan masyarakat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dekad kebelakangan ini Kerajaan terpaksa membawa masuk ramai doktor perubatan, jurutera dan juruteknik dari negeri asing khususnya dari negara-negara serantau seperti Burma, India, Bangladesh, Korea Selatan, Jepun dan sebagainya untuk menampung keperluan kita yang semakin meningkat dalam bidang yang berkenaan. Walhal ramai anak watan kita yang berijazah dari universiti-universiti asing yang tertentu umpamanya India, Taiwan, Indonesia, Jepun dan Timur Tengah terpaksa berkecimpung dalam bidang yang tidak setimpal dengan kelayakan akademik mereka untuk menyara hidup sematamata kerana ijazah mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan kita. Mismatch, dengan izin, yang sedemikian rupa amat merugikan negara kita dari segi pembangunan guna tenaga iktisas buat jangka masa panjang. Lebih-lebih lagi masyarakat umum mudah mendapat satu gambaran, bak kata pepatah Melayu, kera di hutan disusui, anak di kendong mati kelaparan. Sentimen seperti ini sekiranya tidak dibendung, lama kelamaan akan menghakiskan semangat patriotisme di kalangan mereka yang rasa tersisih.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya peka selalu terhadap aspirasi dan dilemma golongan siswazah yang berkenaan. Kementerian Pendidikan harus mengkaji semula tentang pengiktirafan kelayakan universiti-universiti asing yang berkenaan dengan berlandaskan kehendak mutu akademik dan bukannya unsur politik atau diplomatik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah cukup.

Tuan Ong Tee Keat: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saratok.

4.16 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Ucapan Baginda masa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketujuh pada 26hb Februari lepas, dan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak diri saya dan rakan di kawasan P 164 Saratok dan Ahli-ahli parti SNAP di Sarawak, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah membawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada akhir-akhir ini. Ini bermakna segala projek yang tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima dapat diteruskan bersama-sama dengan keperluan yang baru dari negeri-negeri masing-masing, lebih-lebih lagi yang dicadangkan dari Negeri Sarawak untuk Rancangan Malaysia Keenam. Harapan saya ini ternyata sekali apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah mengenai pembinaan jalan raya baru dan peningkatan mutu jalan raya yang sedia ada terutama di Sabah dan Sarawak akan terus dilaksanakan. Ini dan lain-lain pembangunan yang terkandung dalam Titah Ucapan Di-Raja cukup mengembirakan diri saya dan tentu sekali rakyat yang berkenaan terutama rakyat di kawasan Saratok khasnya dan rakyat Malaysia di Sarawak amnya, kerana apa yang kita sedia maklum, keadaan

pembangunan fizikal, sosial dan lain-lain di negeri itu lagi jauh ketinggalan jika dibanding dengan keadaan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti ucapan rakan saya iaitu Yang Berhormat dari Betong masa beliau diamanahkan menyokong usul Yang Berhormat dari Pagoh dan saya bersimpati dengan perkara-perkara dan masalah-masalah yang beliau huraikan itu. Bukan sahaja Yang Berhormat dari Betong itu dari sebuah parti yang mengetuai Barisan Nasional di peringkat negeri dan juga komponen dalam Barisan Nasional di peringkat Persekutuan bahkan isi kandungan ucapan beliau itu ada makna yang besar dan tersusun serta menimbulkan masalah di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, mungkin saya harap di peringkat bawahan sahaja. Bagi menyelesaikannya, saya menyeru pihak yang berkenaan mengikut perjanjian dalam Perlembagaan dan cita-cita kita menubuhkan negara Malaysia dahulu dan mengambil kira sebanyak sedikit inspirasi dan landasan yang terkandung dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini masa mesyuarat yang lepas pada 7hb November, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain, isi kandungan ucapan saya itu menuju ke arah integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Saya menekankan matlamat ini tidak dapat dicapai atau lambat dicapai kalau politik negara kita tidak stabil dan begitu juga jikalau Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak dapat mencapai persefahaman, lebih-lebih lagi di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun, di dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, berbagai-bagai cabaran yang sentiasa timbul dari semasa ke semasa tetapi saya penuh keyakinan iaitu akhir-akhirnya kita semua menyedari iaitu tujuan kita bersama ialah supaya negara kita aman, makmur dan rakyat keseluruhannya dapat menikmati segala

kemudahan dan seterusnya mencapai kehidupan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun hasrat dan cita-cita kita sama tetapi saluran untuk mencapai segala-galanya ada berlainan sebanyak sedikit kerana kedudukan pembangunan di semua bidang di negeri Sarawak lagi jauh ketinggalan dan oleh sebab itu Sarawak dan Sabah diberi lebih lagi kuasa dalam Perlembagaan dan kuasa Eksekutif. Jikalau kedudukan yang sebenar diambil kira tentu sekali segala masalah yang timbul dari semasa ke semasa dapat diselesaikan dengan mudah ataupun tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan saya ini sekali lagi saya menyokong usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

4.23 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, memang bernas nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyeru rakyat supaya dengan berakhirnya ancaman bersenjata komunis di Semenanjung Malaysia menumpu perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan negara dan bersemangat patriotik mempertahankan masyarakat yang benar-benar demokratik berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta membanteras penyelewengan biarpun apa bentuknya.

Nilai-nilai ini adalah selaras dengan perubahan yang hebat dalam ideologi dunia di mana struktur Kerajaan sosialisme Marx yang dogmatic dan begitu juga kapitalisme Adam Smith, laissez faire, kian tergondolnya pengaruh masing-masing. Kedua-dua bentuk monopoli politik dan ekonomi ini masing-masing tidak dapat menampung keperluan masyarakat pengguna moden,

mahupun membawa kepada keadilan sosial yang seimbang. Permuluan kedua-dua bentuk ideologi ini di dunia pasti akan berlaku, yang kurang pasti ialah masanya.

Sesungguhnya kita harus menggalakkan keusahawanan yang bebas tetapi pada masa yang sama per-seimbangan sosio ekonomi juga diperlukan, iaitu yang muda tidak harus melupakan yang tua, yang sihat tidak harus mengenyepikan yang sakit dan yang kaya tidak harus mengabaikan yang miskin, maka wujud masyarakat yang lebih positif, berperikemanusiaan dan pandai menjaga yang uzur, yang cacat dan yang tua.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya setiap keluarga Malaysia berhak mencari nafkah menyara hidup keluarga mereka, memiliki rumah mereka yang sendiri dan berkeupayaan memberi pendidikan sebaik-baiknya kepada anak mereka dan memperolehi rawatan perubatan. Mereka yang dilahirkan miskin tidak perlu hidup melarat seumur hidup tetapi berpeluang mengwujudkan diri bagi mencapai kesejahteraan hidup serta pendidikan. Untuk mewujudkan sistem yang lebih adil ini ia akan mengambil masa yang panjang, mungkin 30, 50 ataupun 100 tahun.

Walaupun kesemua ini didakwa terlaksana menerusi Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan kebelakangan 20 tahun ini, jurang perbezaan pendapatan di antara yang kaya dengan yang miskin, khususnya di kalangan bumiputera tidak berubah, malahan bertambah. Memang adanya perubahan sosial seperti dari segi kependudukan melalui migrasi di bandar dan luar bandar, penyusunan semula masyarakat dan keperluan asas golongan yang miskin.

Akan tetapi secara relatifnya perubahan yang secebisannya itu diperolehi daripada pengorbanan besar rakyat jelata, lebih-lebih lagi kos menerusi salah pengurusan sumber-sumber

semulajadi negara. Cita-cita rakyat untuk mencapai masyarakat yang berharmoni serta adil, ekonomi moden yang dinamik serta kaya-raya dan sistem politik yang benar-benar bebas serta demokratik tidak tercabul kerana matlamat-matlamat asal DEB, yakni membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan perpaduan negara tidak kira kaum dan agama masih jauh ketinggalan ketika negara kita menjangkau ke dekad 1990an.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dekad baru mencabarkan rakyat jelata membina sistem politik yang lebih berdemokratik dan masyarakat yang lebih adil, saksama di mana segala bentuk keterlaluan ekstrimisme dikikis terutama sekali usaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi perasaan perkauman dan penindasan hak rakyat dalam agama. Perihal agama Kerajaan tidak boleh membutakan diri kepada berlakunya kes-kes pencabulan hak ibubapa bukan Islam untuk menentukan pemeluk agama anak-anak mereka yang di bawah umur 18 tahun, seperti Ooi Kim Hooi dari Taiping, Perak, dan K. Revathy di Pulau Pinang, masing-masing 15 dan 14 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan cabaran ini, Perdana Menteri kita yang sudahpun menyandang jawatan beliau selama 9 tahun, harus menunjukkan kemurahan hati beliau dalam semua bidang dan betapa berkobarnya cinta beliau terhadap tanahair serta menitikberatkan kebajikan semua rakyat. Bidang utama di mana perlu ditonjol-tonjolkan kemurahan hati beliau ialah perubahan pada sistem pilihanraya negara. Beliau tidak sepatutnya membidas Badan Pengesanan Pilihanraya. Yang sebenarnya kalau beliau menjalankan cara-cara pilihanraya yang adil, maka beliau boleh menjemput badan tersebut untuk menyaksi dengan sendiri betapa adilnya beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat sepatutnya membantu rakyat mewujudkan sistem politik yang tidak mengasaskan kepada permusuhan atau kebencian selama-lamanya, tetapi menyenangi konflik atau konfrantasi idea-idea yang dinamik. Kita mungkin berlainan berpendapat dan pandangan, tetapi kita memberi kritikan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, kemurahan hati Yang Amat Berhormat juga harus meninjau usaha untuk memperbaiki lagi peranan Kerajaan supaya jangan terus-menerus mencero bohi dan mencabuli kebebasan kehakiman dan perundangan. Kebebasan kehakiman semakin tergondol dan memuncak dengan pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara. Parlimen pula tercicir keagungan ia sebagai badan perundangan terhormat, dan kini tidak lain dan tidak bukan pementasan sandiwara eksekutif semata-mata. Maka, cabaran lain dalam dekad 1990an ialah supaya memulihkan status Parlimen sebagai badan perundangan terhormat dan bukan kunci eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pihak eksekutif pula, mungkin Perdana Menteri boleh meluangkan masa untuk menerangkan kepada rakyat bagaimana beberapa orang Menteri mahupun Timbalan Menteri beliau berupaya membina rumah kediaman bernilai berjuta-juta ringgit, sedangkan gaji bulanan mereka tanpa mengambil kira elaun lain tetapi termasuk gaji sebagai Ahli Parlimen ialah \$9,500. Misalnya, pada tempoh hari terdapat sekurang-kurangnya 3 orang Menteri yang telah mendirikan rumah kediaman di Damansara Heights yang bernilai berjuta-juta ringgit. Sekiranya seorang Menteri membina rumah bernilai \$1 juta, ini bermakna beliau mungkin memperolehi pinjaman maksimum \$400,000 daripada Perbendaharaan, andaikan selebihnya boleh diperolehi dari bank. Untuk membayar balik kedua-dua pinjaman dalam tempoh masa 10 tahun,

Menteri perlu bayar \$11,561 sebulan. Tetapi sesuatu hartanah tidak boleh dipajakkan kepada dua institusi berlainan pada satu masa. Oleh itu, sekarang Perdana Menteri telahpun pulang daripada Lusaka, saya berharap ia dapat menyiasat dengan teliti penyelewengan ataupun ada penyelewengan di dalam Kabinetnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1990 diramal adalah cerah dan dijangka mencapai 6.5%. Akan tetapi, rakyat Malaysia perlu was-was terhadap kemungkinan berlakunya kemelesetan atau kelembapan ekonomi. Ini kerana ekonomi dunia telah menunjukkan tanda penyusutan pertumbuhan iaitu dari 3.2% pada tahun 1989 kepada 3% dalam tahun ini. Perkembangan sosio-politik di Eropah Timur akan membawa kesan dan juga ekonomi Amerika Syarikat dijangka mengalami pertumbuhan di bawah tahap keupayaan sepenuhnya ketika negara tersebut berusaha mengurangkan kesan inflasi dan mengelakkan kemelesetan ekonomi. Bagaimanakah, kesan kesemua faktor ini akan mempengaruhi prestasi ekonomi negara, khasnya imbalan dagangan perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, faktor tingkat harga komoditi utama juga dijangka melemahkan pertumbuhan ekonomi kita. Harga minyak mentah mungkin jatuh akibat keluaran berlebihan oleh OPEC. Kemunculan Indonesia mengambil kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak kelapa sawit nampaknya tidak dapat dielakkan. Luas kawasan tanaman negara itu telah bertambah tiga kali ganda dalam tempoh masa 10 tahun. Tenaga mahir Malaysia ditarik ke Indonesia khasnya di peringkat penyelia dan menguruskan dengan tingkat gaji yang tinggi, malah pekerja Indonesia yang sudah mendapat pengalaman di ladang Malaysia juga ditarik balik dengan gaji yang lumayan. Ini satu masalah yang serius untuk Malaysia.

Sektor perladangan negara menghadapi persaingan yang sengit terutamanya dalam soal tenaga pekerja. Kira-kira 300,000 orang Indonesia bekerja di ladang tempatan. Tanpa sumber tenaga kerja ini, kesejahteraan industri tersebut akan terjejas. PORIM tidak percaya Indonesia berdaya mengambilalih kedudukan Malaysia dalam tempoh masa 10 tahun akan datang. Kami berpendapat sebaliknya. Oleh itu, Kerajaan tidak harus berdalih dan lemas mengambil langkah-langkah bagi mengesyorkan Malaysia tidak tercicir daripada kedudukannya. Jang-jangan negara kita ditakdir selalunya dinaungi oleh negara jiran seperti Thailand dan Indonesia di sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian amat perlu diberi kepada aliran keluar tenaga kerja terutamanya mereka yang mahir daripada ekonomi negara. Kerajaan sendiri sedar bahawa sekurang-kurangnya 100,000 orang rakyat Malaysia ini bekerja di luar negeri termasuk 24,000 orang yang berulang-alik di antara Johor Bahru dengan Singapura. Malaysia dijangka menghadapi kekurangan buruh seramai 150,000 orang menjelang tahun 2,000. Dalam perkara ini Kerajaan tidak harus bersikap angkuh enggan mengkaji faktor-faktor tolak dan tarik atau push-and-pull factors, dengan izin, yang mendorong rakyat Malaysia bekerja di luar negeri, lebih-lebih lagi mereka yang berkemahiran dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak sentuh mengenai perkembangan semasa sektor kewangan bank. Sektor kewangan dalam negeri . . .

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat.

4.34 ptg.

Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih yang dibawa oleh Wakil dari Pagoh atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 26hb Februari yang lalu yang merupakan amanat penting yang harus kita jadikan panduan untuk maju ke hadapan.

Sesebuah Kerajaan yang baik adalah sesebuah Kerajaan yang praktikal, mempunyai pandangan jauh, dapat bertindak mengikut keadaan dan suasana serta dapat mengekalkan kestabilan ekonomi, politik dan sosial. Kerajaan kita bukanlah Kerajaan yang wujud berdasarkan khayalan dan angan-angan. Kerajaan kita adalah Kerajaan yang lebih berpijak di bumi nyata, bukan Kerajaan di zaman Aladin dengan lampu ajaib.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukan tidak menghargai peranan Pembangkang. Kita memang sentiasa mengalu-alukan Pembangkang yang sihat yang bercakap dengan tujuan membina seperti yang dilakukan oleh Wakil dari Bukit Bintang. Dan kalau semua Pembangkang boleh berbuat demikian, saya percaya Kerajaan akan memberi penghormatan yang lebih tinggi dan suara Pembangkang akan lebih didengar. Demokrasi sebenarnya tidak menjamin kecekapan (efficiency). Ia kita amalkan kerana sistem ini dianggap yang paling baik dan paling sesuai. Adalah mustahil untuk mana-mana pemerintah mengamalkan demokrasi secara mutlak. Semua negara yang mengamalkan sistem demokrasi menjadikannya sebagai asas. Asas itu pula disesuaikan dengan keadaan masa dan keadaan sesebuah

negara. Tetapi sayang, dalam negara kita ada pihak-pihak yang melaung-laungkan demokrasi, tetapi mereka sendiri tidak demokratik dan setengahnya pula menggunakan demokrasi untuk membunuh demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda yang begitu padat dan tepat haruslah kita jadikan asas perjuangan kita. Memang benar tahun 1989 merupakan tahun sejarah dan gemilang bagi Kerajaan kita. Kejayaan Kerajaan mengendalikan Persidangan CHOGM secara langsung telah menjadikan negara kita lebih dikenali dan dihormati oleh negara-negara lain. Perlantikan Menteri Pendidikan sebagai Pengerusi Persidangan UNESCO juga berlaku pada tahun 1989. Sukan SEA yang bersejarah yang telah membuka mata negara-negara lain juga berlangsung pada tahun yang sama. Dan pada tahun yang sama juga pemulihan ekonomi juga dapat ditunjukkan.

Pada 2hb Disember tahun lalu juga, satu sejarah telah tercipta bilamana PKM (Parti Komunis Malaya) secara rasmi meletakkan senjata. Kerajaan patut diberi pujian ke atas kejayaan itu, bukan dikecam atau ditohmah sebagai tunduk kepada PKM. Sebenarnya, kita telah berjaya menundukkan PKM. Di seluruh dunia, bukan satu atau dua negara sahaja yang jatuh ke tangan komunis, tetapi begitu banyak. Dan kita sebenarnya berjaya mengalahkan komunis di negara kita.

Memutarbelitkan fakta bukanlah cara yang betul untuk membina. Kita bukan anti Pembangkang, tetapi bangkanglah dengan cara yang bijaksana dan ikhlas. Dalam hal ini, tahniah juga harus kita berikan kepada Pasukan Keselamatan dan Pasukan Polis yang telah dapat memberikan banyak pengorbanan dan perkhidmatan yang cemerlang. Kepada anggota-anggota yang menerima kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak baru-baru ini, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga

yang malang itu. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Kerajaan agar tidak menganggap perletakan senjata itu sebagai penutup kegiatan komunis. Kita harus lebih berwaspada kerana perletakan senjata itu mungkin hanya merupakan satu helah atau turning point, dengan izin, untuk bergerak dan bertindak melalui cara-cara lain. Saya bimbang selepas ini, PKM akan menggunakan pertubuhan-pertubuhan sukarela, majlis-majlis tertentu, dewan-dewan perniagaan, kesatuan sekerja atau institusi-institusi kampung untuk menyerapkan ideologi mereka dengan cara yang paling halus. Tidak mustahil juga jika komunis akan menggunakan dadah untuk melemahkan fizikal dan mental rakyat negara ini. Apa yang berlaku di Indonesia pada tahun 1960an bagaimana komunis telah diserapkan di dalam pertubuhan-pertubuhan agama, haruslah menjadi pengajaran kepada kita.

Kita juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dapat memulihkan ekonomi negara dalam tempoh yang singkat. Kemasukan pelabur-pelabur asing ke dalam negara merupakan petunjuk yang nyata tentang keyakinan negara luar dan pelabur-pelabur terhadap kestabilan ekonomi dan politik negara ini. Apa yang ingin saya sarankan di sini ialah supaya pelabur-pelabur asing itu dapat dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar. Ini akan dapat dilakukan jika kemudahan-kemudahan asas di luar bandar dapat memenuhi kehendak mereka, terutamanya electricity, bekalan air dan jalanraya yang selesa.

Membawa industri ke luar bandar adalah penting kerana pertama, dapat mengurangkan penghijrahan rakyat dari luar bandar ke bandar-bandar yang besar. Ini sekali gus dapat mengurangkan masalah sosial yang kian buruk yang terdapat di bandar-bandar besar.

Kedua, memberikan peluang pekerjaan kepada penganggur dengan gaji

yang lebih rendah jika dibandingkan dengan gaji di bandar-bandar besar. Ini adalah kerana kos hidup rakyat di luar bandar adalah lebih rendah dari kos dalam bandar.

Ketiga, ia boleh membandarkan kawasan-kawasan luar bandar dan mengurangkan kesesakan dalam bandar.

Beberapa bulan lagi kita akan berpisah dengan DEB. Sebelum kita ucapkan selamat jalan, saya ingin menyarankan agar dasar dan asasnya tidak lari dari dasar dan asas DEB diwujudkan dahulu.

Kita merasa dukacita kerana sehingga hari ini masih ada orang yang sengaja tidak mahu memahami. Mereka mengatakan bahawa mereka menyokong DEB tetapi mereka tidak puas hati dengan pelaksanaannya. Kononnya pelaksanaan DEB hanya menguntungkan satu kaum sahaja.

Dalam hubungan ini, kita harus melihat kesan-kesan positif yang berlaku hasil dari DEB dan pelaksanaannya. Sebagai contoh dalam bidang perniagaan, kita dapat melihat bagaimana DEB dapat menjadikan sifat pergantungan antara satu kaum dengan yang lain. Misalnya, bumiputera memerlukan kerjasama dari bukan bumiputera, begitu juga sebaliknya, terutama dari segi projek atau lesen-lesen dengan kegiatan perniagaan. Projek atau lesen yang diberikan kepada bumiputera kurang dapat dimanfaatkan tanpa kerjasama dengan bukan bumiputera, terutamanya dari segi modal dan kepakaran. Jadi, dengan adanya kombinasi lesen ataupun projek pada bumiputera dan modal serta kepakaran kepada bukan bumiputera, maka wujudlah integrasi kaum yang mula-mula berlaku di peringkat individu dan jika ini berterusan maka integrasi kaum yang lebih meluas diharap akan berlaku.

Usaha-usaha Kerajaan untuk men-swastakan projek-projek yang sesuai

untuk meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti serta mengurangkan perbelanjaan awam, amat dialu-alukan. Walaupun begitu, satu mekanisme yang berkesan harus diwujudkan agar penswastaan yang dirancangan itu dapat berjalan dengan sempurna sebagaimana yang diharapkan.

Projek-projek berkenaan juga harus diagih-agihkan kepada lebih banyak syarikat yang layak dan tidak dibolot oleh beberapa buah syarikat tertentu sahaja. Apa yang kita mahu ialah lebih ramai orang mendapat manfaatnya. Dengan itu lebih banyak syarikat yang akan berkembang dan maju dan akan bertambah banyak pulalah syarikat-syarikat yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pengangguran dijangka akan dapat dikawal. Ini adalah kerana bertambah baiknya keadaan ekonomi negara di mana industri-industri akan berkembang serta bertambahnya peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan harus sedar bahawa masalah pengangguran yang wujud di negara kita hari ini bukanlah semata-mata kerana kurangnya peluang pekerjaan tetapi adalah lebih dari itu. Salah satu dari sebabnya ialah kerana sikap dan kurang daya usaha atau inisiatif serta kurangnya sifat-sifat keusahawanan yang ditanamkan pada anak-anak muda kita, terutama pelajar-pelajar.

Untuk mengurangkan masalah ini, pendedahan pendidikan, dorongan yang lebih harus diberikan kepada pelajar-pelajar kita, sebaik-baiknya sejak dari sekolah rendah lagi. Dengan kata lain, kita harus membimbing pelajar-pelajar kita ke arah menjadi usahawanan yang berjaya. Selain dari itu, guru-guru juga harus diberi pendedahan yang sama supaya guru-guru dapat mengaitkan matapelajaran-matapelajaran yang diajarkan dengan alam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah merupakan keperluan asas manusia. Dalam negara kita, masalah kemudahan asas dan kesedaran merupakan masalah pokok. Masalah ini berkait rapat dengan masalah ekonomi dan pendidikan. Di luar bandar di mana taraf ekonominya dan pendidikan penduduknya rendah, masalah penyakit dan kesihatan menjadi begitu ketara. Oleh yang demikian, di samping kita memperhebatkan pembangunan ekonomi dan pendidikan, pembangunan kesihatan juga harus diperhebatkan. Setiap klinik desa patut diadakan kemudahan ambulan. Hari ini ambulan hanya didapati di pusat-pusat kesihatan besar atau hospital-hospital. Sedangkan orang yang memerlukan ambulan kebanyakannya terdiri daripada orang-orang kampung yang tidak ada kemudahan kenderaan yang lain.

Selain daripada memperbanyakkan kemudahan kesihatan seperti klinik-klinik, pusat-pusat kesihatan, satu program kempen kesihatan yang berterusan harus dirancang dan dilaksanakan. Misalnya, kempen kebersihan dan kempen ini patut dibuat sepanjang masa kerana kebersihan merupakan asas kepada kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah masa Yang Berhormat. Ahli dari Kapit.

4.45 ptg.

Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasihi yang telah merasmikan sidang Parlimen kali yang Ketujuh pada 26hb Februari.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan telah berjaya menghasilkan tidak kurang dari \$1 billion pendapatan negara. Sama ada sektor ini akan terus

memberikan sumbangan besar kepada ekonomi kita, ia bergantung semata-mata atas peningkatan jumlah pelancong yang melawat negara kita. Tahun ini kita mengharapkan tidak kurang dari 4 juta pelancong datang ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sawarak berterima kasih kepada sokongan dan galakan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau merasmikan Kampung Budaya di Pantai Damai, Santubong baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak, kita bersama-sama berusaha melabur di sektor pelancongan. Pada tahun ini Kerajaan Negeri Sarawak membelanjakan secara langsung melalui Kementerian Alam Sekitar dan Pelancongan Negeri tidak kurang dari \$10 juta. Usaha ini dibantu oleh Badan-badan Berkanun seperti Pelita, SEDC Sarawak dan Bintulu Development Authority yang sama memberikan sumbangan besar yang mungkin membelanjakan beratus-ratus juta ringgit. Kesemua badan tersebut membangunkan kawasan pelancongan. Misalnya, SEDC Sarawak telah membelanjakan beratus juta ringgit membangunkan Pantai Damai Resort dan Kampung Budaya Damai, Pelita bercadang hendak melabur berjuta-juta di Wong Pelagus, kawasan saya di Kapit, manakala Bintulu Development Authority akan membangunkan kawasan Pantai Bintulu.

Kemudahan lain seperti 4-5-Star Hotel di Kuching ditambah. Maka dengan pembangunan tempat penarikan pelancong ini di Sarawak telah bersedia menarik dan menerima pelancong. Ini bukti keazaman Kerajaan Negeri Sarawak dan rakyat Sarawak menjadikan pelancongan sebagai sektor penting dalam ekonomi negeri Sarawak amnya dan ekonomi Malaysia khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelancong yang datang ke negeri Sarawak

pada tahun 1988 hanya 196,537 orang. Angka ini begitu rendah jika dibanding dengan jumlah 3.62 juta yang tiba di Malaysia pada tahun yang sama. Jadi, soal pokok adalah mengapa? Memang terdapat berbagai masalah yang menyebabkan jumlah pelancong hanya 196,537 sahaja tiba di Sarawak.

Di antara masalah adalah kurang pemasaran dan mungkin kurang daya penarik. Tetapi kedua-dua perkara ini sedang diperbaiki. Pihak berkenaan termasuk Kerajaan Negeri berusaha menentukan Sarawak adalah tempat yang berupaya menarik pelancong. Selepas segala-gala ini diperbaiki masalah yang begitu penting adalah sama ada kemudahan memasuki ke Sarawak mencukupi atau tidak. Ada tiga cara yang biasa diguna iaitu melalui darat, laut dan udara. Dari laut memang tidak begitu menarik sehingga Feri Malaysia dihentikan. Kebanyakan pelancong dari Brunei boleh memakai jalanraya. Pelancong dari Singapura, Thailand, Philippine, Indonesia dan negara lain menggunakan udara. Jika kita hendak mengharapkan ramai lagi pelancong, kita mesti meningkatkan kemudahan pengangkutan udara.

Dengan meningkatkan kemudahan pengangkutan udara, kita dapat membuat linkages, dengan izin, dengan negeri-negeri yang mungkin mempunyai pasaran pelancongan yang besar seperti Jepun, Singapura dan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya merayu bahawa penerbangan Malaysia MAS berusaha merancang sama ada ia mampu dilihat dari semua sudut, memenuhi semua linkages, dengan izin, dari luar seperti Singapura, Jepun, Brunei ke Kuching, Sarawak. Kita percaya ketiga-tiga negara ini mempunyai potensi yang besar harus diterokai oleh kita untuk Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara MAS ini sentiasa dibincang dalam Dewan dan di luar Dewan. Saya tidak berharap

menambah. Saya hanya merayu meminta MAS atau Kementerian Pengangkutan mengkaji dari semua sudut sama ada dia mampu dalam masa dua atau tiga tahun akan datang, memainkan peranan untuk membuat linkages dari pasaran pelancongan ke Sarawak sebagai destinasi pelancongan. Jika tidak mampu, saya minta MAS mengakui dan bukailah peluang kepada syarikat penerbangan lain atau penerbangan asing seperti Thai Airways, Philippine Airlines atau Singapore Airlines atau Japan Air Lines untuk keperluan pelancong Jepun terus terbang ke Lapanganterbang Antarabangsa Kuching dan Kota Kinabalu.

Dengan penambahan linkages langsung dari tempat-tempat tertentu, saya yakin jumlah pelancong akan bertambah berlipat ganda. Misalnya, sekiranya ada perhubungan langsung yang lebih jumlah pelancong akan bertambah. Misalnya, jika SIA dibenar, pasti SIA akan membuat pemasarannya sendiri. Maka peluang lebih luas. Jika 5% dari jumlah pelancong ke Singapura terus ke Kuching, ini bererti jumlah pelancong akan bertambah 150,000.

Tuan Yang di-Pertua, apabila SIA dibenar mendarat di Langkawi, ini bukti bahawa MAS tidak mampu memainkan peranan berkesan, atas alasan sama syarikat penerbangan asing harus dibenar mendarat di Kuching. Tahun Melawat Malaysia bermula dua bulan yang lepas. Bagaimanapun masalah ini masih belum diselesaikan. Saya berharap Kementerian Pengangkutan tidak menunggu terlalu lama untuk membuat keputusan untuk kemajuan pelancongan demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan Parlimen Kapit, saya ingin membuat saranan agar dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, perkara-perkara seperti berikut diambil dan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Parlimen Kapit kita mempunyai tiga buah sekolah menengah. Salah sebuah

daripadanya adalah juga menempatkan murid dari kawasan Parlimen Ulu Rajang. Ketiga-tiga buah sekolah ini, masa kini berada dalam kesesakan baik dari segi kesempitan bilik darjah mahupun asrama. Oleh yang demikian, saya suka mengesyorkan agar sebuah sekolah menengah yang berasrama penuh perlu dibina di kawasan ini sebaik-baiknya saya syorkan di kawasan Pelagus. Setiap tahun kita dapati bahawa murid dari sekolah rendah yang mendapat keputusan yang baik dari bahagian Kapit biasanya dipilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah menengah rendah di Kuching, Miri dan di tempat-tempat yang lain juga mempunyai prestasi yang baik dari segi akademik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk memudah dan meringankan beban tanggungjawab para ibu-bapa. Sebuah sekolah khas untuk mereka seperti ini harus dibina di Kapit demi kebaikan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Yang Berhormat dari Ipoh.

4.56 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Titah Ucapan Di-Raja. Saya akan menyentuh, Tuan Speaker, mengenai tiga perkara.

Yang pertama, baru sebentar tadi saya mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut yang mempunyai tafsiran serong mengenai rapat umum. Beliau telah mengatakan bahawa perhimpunan atau rapat umum yang diadakan di Afrika Selatan sewaktu Nelson Mandela dibebaskan dari penjara selepas dipenjarakan selama 27 tahun itu bukanlah rapat umum dan ianya bukanlah waktu pilihanraya. Saya tidak tahu di mana beliau mendapat tafsiran seumpama itu. Oleh kerana hak asasi adalah

merangkumi hak untuk berkumpul, hak untuk berhimpun dan hak untuk bersatuan dan ini adalah satu-satunya unsur hak asasi. Dan beliau juga mengatakan bahawa dalam Malaysia tidak ada sesiapa ditahan selama 27 tahun.

Jadi, soalnya sikap yang ditunjuk oleh Ahli dari Barisan Nasional hari ini adalah bahawa hendaklah kita sampai ke tahap apabila adanya seseorang itu ditahan selama 27 tahun dan kemudian dibebaskan barulah kita boleh mengadakan rapat umum dalam negara kita. Adakah itu yang dimaksudkan? Kalau itu, maka itu adalah mencerminkan fikiran yang ada dalam kepala pihak Kerajaan hari ini.

Tuan Speaker, saya sungguh terperanjat tetapi apalah kita boleh buat oleh kerana fikiran mereka sudah serong dan mereka membuat tafsiran serong. Kita tidak boleh buat apa-apa lagi, melainkan rakyat memutuskan.

Tuan Speaker, dalam soal ini pada 1hb Mac ada satu soalan yang dikemukakan oleh saya dalam Dewan ini. Dan Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab tentang rapat umum. Beliau mengatakan bahawa tidak boleh dibenarkan rapat umum kerana beberapa sebab. Dan dalam menghuraikan sebab-sebab itu beliau mengatakan bahawa negara ini adalah negara majmuk, berbilang kaum, berbilang bahasa, latar-belakang adat yang berbeza dan berbagai agama. Saya tidak mempertikaikan itu. Itu adalah hakikat yang kita semua menerima. Tetapi menggunakan itu sebagai alasan untuk mengharamkan lagi rapat umum adalah tidak munasabah dan tidak logik langsung. Apatah lagi apabila kita memandangkan bahawa sewaktu Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dan selepas rusuhan 13hb Mei 1969 hingga 1971 tidak dibenarkan rapat umum. Rapat umum waktu itu diharamkan. Tetapi sebaik sahaja mulanya Parlimen bersidang mulai tahun 1971 rapat umum dibenarkan.

Tidaklah pada ketika itu negara ini negara majmuk, berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang agama? Waktu itu juga berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang bahasa dan negara majmuk. Negara ini tidak menjadi negara majmuk pada tahun 1981 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang menjadi Perdana Menteri. Dari awal-awal lagi negara ini menjadi negara majmuk. Dan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak tidak mengetahui bahawa negara ini negara majmuk, negara ini berbilang bangsa, bahasa, agama dan mempunyai adat yang berbeza? Adakah mereka mengatakan bahawa keputusan Allahyarham Tun Abdul Razak untuk membenarkan rapat umum itu adalah salah? Dan saya mencabar adakah di mana-mana kes rusuhan di antara tahun 1971 sehingga rapat umum diharamkan dalam tahun 1978—rusuhan yang berlaku akibat rapat umum? Atau pun adakah kes-kes tertentu di mana penceramah-penceramah yang berucap dalam rapat umum-rapat umum yang mengungkit perkara-perkara sensitif yang digunakan sebagai alasan sekarang oleh Kerajaan hari ini untuk meng-haramkan rapat umum lagi?

Berapa orang yang ditangkap dan dituduh di bawah Akta Hasutan? Setahu saya, satu, barangkali ada lebih. Saya cabar sekali lagi, di mana ada berlaku rusuhan? Mana ada berlaku kes-kes di mana mereka dibawa ke mahkamah untuk menghadapi tuduhan di bawah Akta Hasutan? Tiada. Jadi alasan yang diberi oleh Timbalan Menteri dalam Parlimen pada 1hb Mac adalah semata-mata untuk mengabui mata rakyat. Kerajaan gentar, mereka takut untuk mengadakan rapat umum.

Tuan Speaker, mereka mengatakan soal rapat umum di Afrika Selatan berbeza dengan keadaan di sini. Apa berbezanya? Kalau rakyat di sana boleh

berpeluang berhak untuk berhimpun, apakah rakyat di sini tidak boleh berhimpun?

Kita mengutuk hakisan hak-hak rakyat kulit hitam di Afrika Selatan, tetapi hak-hak rakyat Malaysia sendiri dicabuli oleh pihak Barisan Nasional hari ini. Apakah ini dalam pandangan mereka ini keadilan? Apakah ini menjadi teras keadilan Barisan Nasional hari ini?

Baru-baru ini Perdana Menteri kita pergi ke Lusaka, berpeluk-peluk dengan Nelson Mandela. Kita tidak menyoal. Nelson Mandela menjadi seorang simbolik hak asasi manusia. Tetapi kenapa kita berani kutuk pencabulan hak asasi di Afrika Selatan tetapi kita mahu mengekalkan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia?

Tuan Speaker, baru sebentar tadi saya tengok ada kad jemputan. Esok Ketua Negara Palestin akan ke Malaysia dan diadakan satu rapat umum, saya kata. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput ke Stadium Negara. Yang akan berucap—tetamu khas—adalah Tuan Yang Terutama Yasser Arafat, Presiden Negara Palestin. Turut hadir, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita tidak menentang, bagus! Kita mengundang pemimpin-pemimpin negara, pejuang-pejuang hak rakyat Palestin, khususnya Tuan Yang Terutama Yasser Arafat. Tetapi kenapakah kita adakan satu rapat umum untuk tetamu khas kita, Tuan Yang Terutama Yasser Arafat di Stadium Negara? Tetapi di Malaysia hari ini untuk mendapatkan dewan mengadakan ceramah tertutup pun tidak dapat. Kenapa? Bukankah ini double standard?

Saya tunjukkan satu bukti. Di Kampar, semalam, empat Menteri MCA, saki-baki MCA dalam golongan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, semua berkerumuni ke Kampar dan Batu Gajah. Untuk apa? Berhimpun, mengadakan perjumpaan. Saya bukan kata salah. Kita tahu ini

berbau politik, kita tahu ini semua dibuat kerana mungkin pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi.

Tetapi soalnya, apabila DAP mahu mengadakan satu jamuan makan di Kampar dan meminta satu dewan dalam sebuah sekolah tetapi ia tidak diluluskan. Jabatan Pendidikan tidak meluluskan lalu mengatakan kami hendak cari tempat lain. Kita cuba dapatkan padang Kampar. Majlis Daerah Kinta Selatan meluluskan penggunaan padang oleh kerana MCA dibenar menggunakannya. Tiba-tiba polis mengatakan ia tidak boleh digunakan, walaupun saya difahamkan pada awalnya polis membenarkan MCA mengadakan jamuannya itu di padang Kampar dan kerana keputusan yang dibuat terhadap DAP, maka polis terpaksa membatalkan permit jamuan MCA itu yang diadakan semalam dan tiba-tiba dalam tempoh tiga hari, MCA boleh mendapatkan dewan Sekolah Pui Yen. Apabila kami meminta Dewan itu, Jabatan Pendidikan Daerah Kinta kata, tidak boleh, kerana kami parti politik. Kenapa MCA boleh, DAP tidak boleh? Ini belum pilihanraya sudah takut? Kalau ada pilihanraya, saya tidak tahu ke mana akan pergi nya MCA?

Tuan Speaker, itulah saya mengatakan, kalau ini bukan double standard, apa lagi yang double standard?

Perkara yang kedua, bersangkutan-patut dengan demokrasi berparlimen. Dalam tahun ini, Dewan ini telah meluluskan sebanyak \$19.3 juta untuk Suruhanjaya Pilihanraya dan sebanyak \$5.5 juta diperuntukkan bagi Bekalan untuk pendaftaran pemilih, penyemakan daftar-daftar pemilih, perjalanan pilihanraya dan penyelidikan. Apa yang rakyat dan parti-parti politik mahu ialah Suruhanjaya Pilihanraya memastikan bahawa ia dapat mengeluarkan satu Daftar Pemilih yang bersih, yang tidak tercemar dengan apa sahaja bentuknya.

Dalam hal ini, peruntukan yang diluluskan \$5.5 juta kononnya, daripada

kenyataan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu sendiri, tidak mencukupi. Adalah difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya memerlukan \$30 juta hingga \$40 juta untuk mewujudkan satu Daftar Pemilih yang bersih. Ini bererti bahawa dengan \$5.5 juta yang diluluskan itu maka Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh mewujudkan satu Daftar Pemilih yang bersih. Kalau hendakkan satu Daftar Pemilih yang bersih, maka \$30 juta hingga \$40 juta adalah diperlukan. Kenapa ada perbezaan dalam peruntukan, saya tidak faham. Hanya pihak Kerajaan boleh menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kenyataan, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) ada mengatakan bahawa 9,000 pemilih di Terengganu dan Kelantan mendapati bahawa nama dan alamat mereka ditukar kawasanya tanpa pemilih itu mengetahui. Soalnya, sama ada orang-orang ini semuanya sudah dikesan. Mengikut SPR, mereka sudah dikesan. Tetapi SPR mengatakan bahawa ia tidak boleh membuat apa-apa. Kenapa tidak boleh buat apa-apa? Pada hal dalam borang pendaftaran, ada satu ruangan - Bahagian II - Pengakuan Saksi. Saksi ini menyaksikan pemohon menandatangani, bukan menyaksikan maklumat di situ, tetapi tandatangan pemohon. Kalaulah sekiranya sipemilih itu mengatakan, dia tidak menandatangani borang perpindahan alamat dan nama dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain, siapakah saksinya? Tanpa saksi, Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh menerima borang ini. Tangkap sahaja saksi itu, senang! SPR tidak boleh mengatakan, dia tidak boleh buat apa-apa. Kalau 9,000 orang menukar tempat, tentu ada—kalau bukan 9,000 saksi, mungkin 1,000 atau 100 orang yang sama menjadi saksi untuk 9,000 orang. Tangkap dia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah lebih.

Tuan P. Patto: Boleh saya gulung dalam setengah minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Itu saya minta SPR mengambil tindakan terhadap saksi-saksi yang melakukan perkara itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.10 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin untuk berucap sedikit di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-9, Sultan Azlan Shah semasa membuka Parlimen Yang Ketujuh, pada 26hb Februari yang lalu.

Dalam Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beberapa segi untuk kepentingan bangsa dan negara, begitu juga rakyat di dalam negara Malaysia ini. Sungguhpun Titah Baginda di tahun 1989 merupakan tahun yang bersejarah dan di samping itu juga Baginda tidak lupa untuk memberikan nasihat kepada kita semua berhubung ancaman Parti Komunis Malaya yang telahpun menyerah ataupun meletakkan senjata tetapi Baginda mengharapkan supaya rakyat perlu terus berwaspada akan ancaman-ancaman yang mungkin berlaku di masa-masa yang akan datang. Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya kita semua berwaspada dan di samping itu juga kita sebagai ahli politik supaya sama-sama menjaga kestabilan negara kita ini.

Kebelakangan ini kita melihat ucapan-ucapan yang begitu lancang yang menuduh kepada sesuatu pihak dalam negara Malaysia ini tidak berperikemanusiaan dan sebagainya, lebih-

lebih lagi yang disuarakan oleh parti-parti Pembangkang terhadap Kerajaan negara kita. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri telah berusaha sedaya upaya dengan secara ikhlas untuk mencari jalan bagi menyatupadukan rakyat di dalam negara Malaysia ini. Oleh itu, kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab mengharapkan supaya ini jangan diungkit-ungkit lagi terutama dengan keadaan dalam negara kita yang berbilang kaum, bangsa dan kebudayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menarik di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang mana Baginda mengharapkan pihak swasta supaya bersamasama menolong memajukan negara kita ini. Dengan keadaan ini, kita akan dapat lebih aman dan maju lagi di dalam bidang-bidang perusahaan dan di samping itu juga Baginda mengharapkan dan berusaha untuk menswastakan banyak lagi projek-projek yang ada untuk menjadikan negara kita ini lebih maju lagi.

Dalam menswastakan projek-projek ini, saya dan ramai yang lain lagi berpendapat bahawa untuk menswastakan projek-projek ini sepatutnya pihak Kerajaan memikirkan lebih dahulu terutamanya projek-projek oleh agensi-agensinya Kerajaan yang ada dan yang telah maju supaya projek-projek seumpama ini tidak usah diswastakan dahulu buat masa ini. Kita mengharapkan supaya banyak projek-projek agensi-agensi Kerajaan yang hidup segan mati tidak mahu sepatutnya diswastakan lebih awal dan di samping dapat diperbaiki lagi. Kalau projek-projek yang telah maju dan mendapat keuntungan yang lebih banyak ini diswastakan, bermakna tidak ada gunanya. Ini melebihi lagi pengangguran di kalangan rakyat dan penuntut-penuntut kita yang telah belajar di luar negeri tetapi apabila balik tidak mendapat pekerjaan. Sedangkan projek-projek yang telah mewah, yang

telah ada hendak diswastakan kemungkinan projek-projek itu tidak akan mengambil orang-orang yang baru tetapi akan mengekalkan pekerja-pekerja yang sedia ada. Jikalau sekiranya projek-projek yang hendak diswastakan adalah projek-projek yang telah hendak mati ataupun yang tidak berjalan dengan baik, kemungkinan ini akan dapat menolong lebih ramai pekerja-pekerja yang menganggur di samping memajukan projek-projek yang tidak dapat berjalan dengan lancar itu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengurusan kewangan supaya pembaziran wang dan penyelewengan dapat dielakkan. Kita membaca di suratkhbar setiap hari dan pagi ini juga bagaimana penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di pihak Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pihak pegawai swasta menggelapkan wang yang tidak jujur dan tidak ikhlas dalam menjalankan tugas mereka.

Dalam soal ini, kita mengharapkan supaya pihak-pihak yang berkenaan ini supaya jujur sedikit dalam keadaan ini yang mana pihak Kerajaan kita berusaha sedaya upaya untuk meninggalkan taraf hidup kaum yang miskin dan begitu juga kaum-kaum yang lain terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang mana masa ini kemiskinan masih lagi ternampak dengan jelasnya, terutamanya dengan kemudahan-kemudahan yang lain, kemudahan-kemudahan asas yang perlu diadakan, umpamanya bekalan air, elektrik, jalan dan seterusnya. Sedangkan projek-projek ini pihak Kerajaan mengeluarkan wang setiap tahun peruntukan-peruntukan melalui wakil rakyat, daerah-daerah dan seterusnya tetapi penyelewengan berlaku. Banyak projek-projek seumpama ini di kawasan-kawasan luar bandar tidak dapat berjalan tetapi dijalankan juga sekadar melepaskan batuk ditangga sedangkan wang beratus-ratus ribu dibelanjakan tetapi perlaksanaan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Ini

adalah disebabkan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab dalam soal pekerjaan mereka masing-masing.

Dalam tahun 1989, hasil eksport barang-barang pembuatan Malaysia yang mana Duli Yang Maha Mulia telahpun mengatakan Kerajaan kita telah mendapat lebih 50% dari jumlah eksport negara. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita masih melihat keadaan sungguhpun hasil-hasil yang keluar dari negara kita tetapi malangnya harga-harga barangan yang dikeluarkan oleh pembuatan negara kita sendiri terlalu mahal dan keadaan ini kadangkala rakyat sendiripun tidak dapat hendak beli. Dalam soal ini, saya mengharapkan pihak Kerajaan supaya mengawasi harga barang-barang ini supaya dapat harga yang sesuai kerana keluaran ini adalah keluaran negara kita sendiri. Kalau dibandingkan adakalanya barang-barang yang diimport daripada luar negeri lebih murah dari barang-barang buatan Malaysia sendiri. Oleh itu kita mengharapkan pihak Kerajaan supaya berusaha sedaya upaya agar harga barang-barang seumpama ini dapat distabilkan dan dapat digunakan oleh rakyat kita sendiri.

Dalam soal pembangunan industri pelancongan ini juga kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga Kementerian Pelancongan yang telah berusaha membawa pelancong-pelancong di luar negeri bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 1990. Kita merasa bangga banyak usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dan juga Kementerian berhubung dengan pelancong-pelancong tetapi kita masih lagi ada yang kurang, umpamanya kenderaan-kenderaan ataupun penerbangan-penerbangan untuk membawa pelancong-pelancong ke Langkawi umpamanya. Pelancong-pelancong dari negara luar tidak cukup penerbangan untuk datang ke Malaysia.

Sepatutnya pihak Kerajaan lebih awal buat tempahan-tempahan ataupun penerbangan-penerbangan ke luar negeri yang lain supaya dapat singah ke negara kita ini lebih banyak sedangkan apa yang saya dapat tahu baru-baru ini semasa saya pergi ke Pulau Pinang ada pihak-pihak iaitu Persatuan Hotel-Hotel yang duduk di tepi laut yang mengatakan mereka itu merasa kesal kerana ada tempahan-tempahan begitu banyak yang dapat datang dari luar negeri untuk mereka melawat ke Pulau Pinang tetapi malangnya tempahan-tempahan itu terpaksa dibatalkan kerana tidak dapat tempahan kapalterbang yang hendak datang ke Pulau Pinang.

Sepatutnya pihak Kerajaan ataupun MAS juga mengirakan tempahan-tempahan yang lebih awal supaya ini dapat ditumpukan lebih ramai pelancong-pelancong dan begitu juga ada yang kita baca di suratkhbar lebih 2,000 orang yang terkandas di Langkawi tidak dapat kenderaan untuk balik ke Tanah Besar. Ini juga saya rasa banyak kelemahan-kelemahan yang lain supaya pihak Kerajaan ataupun pelancongan dapat berusaha sedaya upaya jangan kita hanya sibuk memanggil orang tetapi persediaan-persediaan yang sepatutnya kita adakan tetapi tidak dapat diadakan.

Soal kemiskinan sebagaimana yang saya sebutkan tadi berhubung dengan bekalan air terutama di kawasan saya sendiri. Saya berbaliklah ke kawasan saya sungguhpun Kuala Lumpur ini bandaraya yang terkemuka, bandaraya yang indah dan begitu juga keadaan yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu bekalan air. Bekalan air di Kuala Lumpur terutama di kawasan-kawasan setinggan yang mana mereka ini ialah kaum-kaum miskin, kaum-kaum yang berpendapatan kecil daripada dahulunya pihak Bekalan Air memberikan bekalan air percuma kepada mereka ini melalui stand-pipes yang tidak perlu dibayar. Tetapi ada arahan baru yang telah dijalankan oleh pihak

Kerajaan supaya paip-paip air ini disambungkan ke rumah-rumah dan paip-paip umum diputuskan bekalan dan tidak diperlukan lagi.

Ini telah dibuat oleh pihak penghuni-penghuni di kawasan-kawasan tersebut untuk membawa paip-paip terus ke rumah mereka masing-masing, tetapi pihak JBA, Jabatan Kerja Air tidak dapat menyempurnakan usaha-usaha ini sehinggakan mereka ini tidak dapat air. Pihak Kerajaan, pihak JBA telah memotong bekalan air ini ke rumah-rumah mereka, sedangkan air yang telah diminta untuk masuk ke rumah-rumah tidak disambungkan, tidak dapat dilaksanakan, air yang ada itu dipotong, oleh itu beratus-ratus penduduk tidak dapat air.

Dalam keadaan ini, kita mengharapkan pihak Kerajaan Wilayah Persekutuan dan pihak-pihak yang berkenaan supaya bertimbang-rasa terhadap mereka ini, jikalau sekiranya air telah masuk ke rumah-rumah, sepatutnya paip-paip umum itu dipotong, tetapi jikalau sekiranya belum lagi, paip-paip umum ini hendaklah dibekalkan atau diteruskan sehingga pelaksanaan untuk membekalkan air rumah ke rumah ini dapat dijalankan. Ini perlu, kerana ini adalah amat penting pada kehidupan manusia, tanpa air . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sudah cukuplah.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Ini akan menyusahkan penduduk-penduduk di kawasan itu. Oleh kerana masa tidak mencukupi, sungguhpun banyak lagi perkara-perkara yang berhubungan dengan rakyat untuk disampaikan di dalam Dewan ini, saya harap di masa akan datang ataupun dalam masa yang dua tiga hari lagi, kalau ada masa, saya akan bawa lagi. Oleh itu, dengan ini, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Rajang.

5.24 ptg.

Dr Nichalos Munong Anak Ibau (Rajang): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah satu negara yang sudah dikenali di seluruh dunia. Di dalam akhbar dan juga di dalam keterangan yang diberi oleh Kerajaan, keadaan ekonomi negara kita yang pernah meleset telah pulih dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini nilai matawang ringgit kita semakin berkurangan jika dibanding dengan nilainya di tahun-tahun yang lepas dan juga jika ianya dibanding dengan nilai matawang ringgit negara yang berjiran dengan kita. Adakah ini amat bermakna keadaan ekonomi negara kita semakin kukuh atau sebaliknya. Sekiranya nilai matawang ringgit kita semakin turun, saya percaya ada yang tidak kena di dalam pengurusan ekonomi negara kita yang mesti dibetulkan. Dengan ini, saya menyeru supaya Kerajaan mengambil langkah yang positif supaya nilai matawang kita meningkat di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih ke atas usaha Kerajaan yang ingin meneruskan pelaksanaan projek membina dan membaiki infrastruktur terutama di luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah untuk melaksanakan projek pembinaan infrastruktur di luar bandar di Sarawak ialah, pada masa ini

tanggungjawab melaksanakan projek-projek itu selalunya di dalam bidang kuasa Majlis Tempatan Luar Bandar di mana ahlinya selalunya tiada pengalaman mengurus dan melaksanakan projek seperti itu. Perkara seperti ini, saya rasa adalah satu halangan untuk memperbaiki keadaan kekurangan infrastruktur di luar bandar di negeri Sarawak. Saya akui mungkin ada banyak tempat di mana pelaksanaan membina jalan-jalan kampung di Sarawak boleh berjalan dengan lancar, tetapi saya amat tidak puas hati dengan apa yang terjadi di kawasan saya iaitu di Rajang di mana saya rasa kerja-kerja yang dijalankan oleh Majlis Tempatan Luar Bandar di Sibu adalah amat tidak memuaskan.

Di sini saya ingin memberi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1977 sebuah rumah panjang diberi peruntukan \$10,000 untuk membina jalan kampung oleh Kerajaan Pusat. Dengan peruntukan \$10,000 penduduk di situ dengan cara bergotong-royong boleh membina jalan dengan menyewa sebuah bulldozer, dengan izin, boleh membina jalan kampung lebih kurang $\frac{1}{4}$ batu dengan berbatu. Jika dibanding dengan apa yang terjadi, apa yang telah dibuat oleh Majlis-majlis Daerah Luar Bandar di Sibu, iaitu dengan peruntukan \$170,000 Majlis Luar Bandar Daerah Sibu telah melaksanakan projek membina jalan kampung menuju ke Sungai Siong, di mana akhirnya jalan yang dibina tidak melebihi 2 batu. Adakah kerja itu yang berkualiti, Tuan Yang di-Pertua?

Saya ingin memberi satu contoh lagi di kawasan saya di Rajang iaitu kadar menyewa sebuah bulldozer, dengan izin, iaitu D4 ialah \$55 satu jam. Sekiranya bulldozer itu dipakai dalam satu hari selama 8 jam, harga atau semua ongkosnya ialah sebanyak \$440 dalam satu hari. Sekiranya dalam dua buah bulldozer digunakan dalam satu hari, dalam masa 8 jam satu hari, satu hari ongkosnya ialah \$880. Adakah ianya berkualiti sekiranya kerja dijalankan

untuk menyewa dua buah bulldozer dalam satu bulan ongkos yang habis dibelanjakan, peruntukan yang habis dibelanjakan ialah \$70,000? Adakah ini berkualiti, adakah itu berpatutan? Inilah yang terjadi di kawasan saya iaitu di Rajang, di mana kerja membina jalan- raya, jalan kampung telah dijalankan oleh Majlis Luar Bandar Daerah Sibul. Dengan ini, saya ingin menyeru supaya Kerajaan menyiasat apa yang telah terjadi, apa yang telah dijalankan oleh Majlis Daerah Luar Bandar di Sibul. Saya ingin menimbulkan perkara ini oleh kerana apa yang terjadi tidak ada berkualiti dan patut disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan telah mengamalkan iaitu semua ubat yang baru dan ubat yang sudah dalam pasaran mesti mendapat pendaftaran dengan Bahagian Pendaftaran Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan. Saya amat setuju dengan langkah sebegitu rupa untuk menjaga kesihatan orang ramai supaya orang ramai tidak terdedah kepada ubat yang kurang baik atau ubat yang kita belum ketahui sepenuhnya kesan sampingan yang mungkin tidak diingini. Tetapi dengan langkah yang sebegitu, sekarang banyak ubat yang baik yang pernah dalam pasaran tidak dapat didaftar.

Satu contoh iaitu pada masa ini satu ubat yang saya rasai amat baik dan berkesan untuk merawat penyakit cirit-birit iaitu ialah ubat yang dinamakan Ercerfuryl. Pendirian saya ini ialah bukan pendirian saya sendiri sahaja, beberapa orang doktor dan pakar perubatan yang pernah menggunakan ubat ini merasa kesal sekali mengapakah ubat ini tidak dapat didaftar. Seorang pakar yang sependapat dengan saya ialah bekas Pakar Penyakit Kanak-kanak di Rumah Sakit Umum di Sarawak.

Saya menimbulkan perkara ini oleh kerana pada masa ini penyakit cirit-birit adalah satu penyakit yang selalu terjadi di kalangan kanak-kanak terutamanya di

Sarawak dan mungkin juga diseluruh negara. Saya pernah menggunakan ubat iaitu oral hydration salt, dengan izin, semasa saya bertugas di Hospital Kerajaan dahulu. Dalam pengalaman saya ubat oral hydration salt, dengan izin, adalah kurang lagi berkesan dari ubat yang saya kata, iaitu Ercerfuryl. Maka dengan ini saya menyeru supaya Kerajaan membuat satu kajian ke atas ubat yang saya sebut tadi dengan sekurang-kurangnya memohon atau meminta feed back, dengan izin, tentang ubat ini daripada doktor atau pakar yang pernah menggunakan ubat ini. Pada pendapat saya, saya inginkan ubat ini didaftarkan supaya ramai doktor yang pernah menggunakan ubat ini boleh menggunakannya untuk kepentingan orang ramai, budak-budak, anak-anak yang sakit cirit-birit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Nicholas Munong Ibau: Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

5.30 ptg.

Tuan Pitting bin Haji Mohd Ali (Kinabatangan): Diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya peluang di sini untuk turut serta bangun dalam perbahasan usul ucapan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di masa sesi istiadat perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh pada 26hb Februari, 1990 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya adalah pendek dan saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi. Di sini saya rasa terharu di atas tekanan di dalam Ucapan Titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong berkenaan dengan perpaduan. Alhamdulillah, perpaduan, apa yang kita tahu di seluruh Malaysia pada hari ini adalah erat dan semua rakyat mempraktikkan dan mengamalkan demi kesejahteraan dan kebahagiaan negara Malaysia yang tercinta.

Tetapi apa yang mendukacitakan bahawa perpaduan begitu tidak seperti apa yang kita harapkan di Sabah. Apa yang saya maksudkan ialah di Sabah penindasan dan penyelewengan begitu menjadi-jadi. Baru sahaja sebentar saya mendengar kenyataan bahawa Sabah adalah terkecuali daripada penyakit AIDS, saya rasa lega dan sukacita, tetapi sebaliknya saya pula berasa dukacita kerana Sabah adalah sebuah negeri di dalam Malaysia yang amalan rasuah begitu menjadi-jadi. Pada pendapat saya, salah satu faktor yang sedikit sebanyak menjejaskan maruah negara kita Malaysia dan seolah-olah amalan rasuah begitu menjadi-menjadi di negeri Sabah adalah kerana kurang kawalan. Maka, di sini saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk mengawal amalan rasuah supaya Sabah bangkit namanya, harum semula seperti dahulu sedikala.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit soal keselamatan, alhamdulillah, seperti mana yang kita ketahui bahawa Malaysia walau sebagai negeri kecil yang sedang membangun, tetapi keselamatan di negeri Malaysia begitu diketahui oleh seluruh dunia sehingga hidup rakyat aman dan makmur di bawah pemerintahan naungan Tuanku. Tetapi di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, saya selaku rakyat dari Kinabatangan ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada angkatan keselamatan dan juga kepada pihak polis yang begitu bermutu prestasi kawalan mereka demi membanteras segala kegiatan jenayah di Sabah, mengadakan sekatan jalanraya dan operasi yang begitu kerap kali sehingga berkurangan perbuatan jenayah di Sabah.

Saya selaku rakyat Kinabatangan mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Pesuruhjaya Polis, iaitu Tuan Syed Othman bin Syed Ali. Saya terbaca di suratkhbar baru-baru ini bahawa beliau akan ditukarkan ke Pusat menjadi Pengarah Penjara Malaysia. Saya berasa dukacita kerana beliau baharu sahaja berkhidmat di Sabah, sekonyong-konyong perbuatan beliau telah membanteras segala perbuatan jenayah, perbuatan jenayah berkurangan, beliau pula ditukar ke Pusat. Kalau dapat saya buat cadangan kepada Kerajaan supaya dilanjutkan khidmat beliau di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Wakil Rakyat dari Kinabatangan sepertimana yang terdapat dalam Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Kerajaan Tuanku telah mengambil berat soal kemajuan dari segi pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar. Sedia maklum kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kawasan Kinabatangan adalah kawasan terbesar dan terluas di negeri Sabah. Jadi, perhubungan adalah begitu sukar dan pembangunan seperti rumah-rumah klinik adalah sangat diperlukan.

Saya di sini merayu kepada Kerajaan berkenaan iaitu Kerajaan Pusat supaya dapat membina lebih banyak lagi jalan-jalan raya di kawasan saya dan rumah-rumah klinik demi untuk kepentingan masyarakat umum keseluruhannya di kawasan saya. Sekiranya ada rancangan dan sebagainya, di sini saya terlebih dahulu, sekiranya ada perlaksanaan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian ucapan saya dan saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Kota Melaka.

5.36 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencontohi negara-negara seperti Nicaragua, Namibia dan Zimbabwe yang membenarkan badan-badan pengawas antarabangsa umum di negara kita untuk memastikan pilihanraya umum dijalankan dengan adil, bebas, demokrasi dan tidak berat sebelah tanpa sebarang penyelewengan dan penipuan. Kini rakyat Malaysia berasa amat risau dan bimbang bahawa pilihanraya umum tidak akan dijalankan dengan adil, saksama dan bebas untuk menghalang mereka menunjukkan perasaan marah dan bantahan terhadap dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional yang diktatorial, tidak berdemokrasi dan korup sama sekali.

Intergrasi dan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dicabuli oleh Barisan Nasional terutamanya pemimpin-pemimpin UMNO sehingga rakyat telah hilang keyakinan dan kepercayaan bahawa pilihanraya umum akan diadakan dengan adil dan saksama. Ini boleh dibuktikan dengan penubuhan Pengawas Pilihanraya oleh enam orang Malaysia yang terkemuka iaitu bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian bin Hashim, bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin bin Zakaria, bekas Pengerusi Majlis Peguam, Dato' Param Cumarasamy dan Raja Aziz Addruse, Presiden ALIRAN,

Dr. Chandra Muzaffar dan Encik Chooi Mun Sou, seorang peguam.

Saya memang tidak faham mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu cemas dan sakit hati terhadap penubuhan Pengawas Pilihanraya ini. Kalau pihak Kerajaan tidak ada sebarang perkara yang hendak ditutup atau disembunyikan, maka ia tidak patut risau dan bimbang dengan penubuhannya, sebaliknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut mengalu-alukan dan menganggap ia sebagai satu peluang keemasan untuk membuktikan kepada seluruh dunia bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah bebas, adil dan berkecuali dan pilihanraya umum akan dijalankan dengan bersih dan saksama.

Demikianlah juga pihak Kerajaan harus membenarkan badan-badan pengawas pilihanraya dan pemerhati bebas mengesan atau monitor perjalanan pilihanraya umum. Kalau sebuah negara komunis bercorak pemberontak seperti Nicaragua, berani membenarkan pemerhati dan pengawas antarabangsa yang bebas menghadiri pilihanraya umum mereka, apakah yang ditakuti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Mengapakah Malaysia begitu takut, mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu takut menghadapi badan pengawasan pilihanraya ini?

Saya ingin memberikan sedikit nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya janganlah menjadi seperti 'katak di bawah tempurung' dalam aliran dunia sekarang yang menekankan kepada nilai-nilai demokrasi, kebebasan, kejujuran dan keadilan. Janganlah menjadikan Malaysia ketinggalan zaman dalam nilai-nilai murni ini. Saya juga menyeru Barisan Nasional dan UMNO memberhentikan dari cuba mempengaruhi dan memberikan arahan-arahan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Saya juga menyeru Suruhanjaya Pilihanraya supaya berdiri teguh dan menunaikan

tanggungjawab dan tugas mereka without fear or favour, dan jangan melutut kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional atau UMNO sama ada mereka Timbalan Menteri atau Menteri.

Saya sekali lagi menyeru Suruhanjaya Pilihanraya mencontohi keberanian, kebebasan dan ketegasan Suruhanjaya Pilihanraya Negeri India yang berani mengisytiharkan satu pilihanraya yang baru di kawasan pilihanraya Perdana Menteri India ketika itu, Encik Rajiv Gandhi. Pendirian sebeginilah yang membolehkan kita menyahut Titah Ucapan Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjamin bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan terus diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, parti DAP menolak sama sekali konsep ketuanan sesuatu kaum atau suku kaum sebagai lunas menggubal dasar-dasar sosio-ekonomi, pendidikan dan kebudayaan kebangsaan. Dasar-dasar ketuanan atau dominancy kaum sebegini bukan sahaja akan menghindari usaha mencapai perpaduan kebangsaan, tetapi membuktikan ia mungkin tidak boleh dicapai langsung dalam masyarakat berbilang kaum kita.

Bagaimanakah kita boleh mewujudkan satu semangat perpaduan kebangsaan yang tulen selagi pihak Kerajaan menekankan perbezaan kaum dan ketuanan kaum? Bagaimanakah perpaduan kebangsaan boleh dipupuk apabila Kerajaan Barisan Nasional membahagikan rakyat Malaysia kepada warganegara kelas satu dan kelas dua dengan menjeniskan mereka sebagai bumiputera dan bukan bumiputera?

Pihak Kerajaan sepatutnya menekankan usaha dan perhatian menentang dominansi golongan atau kelas oleh mereka yang kaya raya dan orang atasan ke atas rakyat miskin sama ada mereka orang Melayu, Cina atau India. Kerajaan Barisan Nasional dengan nyatanya cuba menyembunyikan hakikat bahawa

mereka sebenarnya mewakili orang kaya. Saya mesti mengakui di sini bahawa pihak Barisan Nasional memang melakukan samaran ini dengan baik dengan memainkan lagu berbau perkauman yang dengan ringkasnya adalah bahawa semua orang Melayu miskin dan semua orang bukan Melayu kaya. Justeru itu dasar-dasar perkauman yang berdiskriminasi dijustifikasikan, sungguhpun hakikatnya menunjukkan wujudnya orang-orang bukan Melayu yang miskin seperti 646,000 penduduk kampung-kampung baru dan setengah juta penduduk estet yang tinggal di bawah paras kemiskinan.

Walau bagaimanapun, dasar-dasar diskriminasi ini juga tidak membantu orang-orang Melayu yang miskin, tetapi hanya mewujudkan satu golongan jutawan orang Melayu yang merugikan orang-orang miskin. Umpamanya, satu kajian telah menunjukkan bahawa hanya 15% daripada pemegang-pemegang biasiswa orang Melayu berasal dari golongan miskin, bakinya terdiri daripada keluarga-keluarga Melayu yang kaya. Satu lagi contoh ialah menanyakan, berapa ramai orang Melayu biasa yang memiliki saham-saham syarikat yang disenaraikan di BSKL, sama ada mereka anggota polis, tentera atau kerani Kerajaan? Kesemuanya dimonopolikan oleh UMNO-putras seperti Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Kok Lanas.

Ini boleh ditunjukkan lagi oleh peristiwa Mohamed Ali Dawi yang mengamuk di Kampung Pasir Putih, sehingga dua orang terkorban kerana gagal memperolehi sebidang tanah, sungguhpun telah memohonnya berkali-kali. Justeru itu, parti DAP menolak konsep dominasi Melayu, Cina atau India. DAP juga menolak Dasar Ekonomi Baru kerana ia hanya merupakan satu alat menjadi kaya oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Mungkin inilah mengapa Ahli Parlimen Kok Lanas begitu ghairah tentang isu Dasar Ekonomi Baru atau ketuanan

orang-orang Melayu, kerana beliau masih belum makan atau cukup untung lagi, sungguhpun beliau adalah seorang jutawan.

Parti DAP menolak sama sekali teori beliau bahawa wujudnya dominasi kaum Cina dalam ekonomi Malaysia kerana statistik yang diberikan adalah tidak betul dan menyebelahi seperti yang sedia dimaklumkan oleh beliau sendiri. Saya mencabar Ahli Parlimen Kok Lanas mengagihkah dan memberikan kekayaan dan harta benda beliau kepada orang Melayu yang miskin, kalau beliau benar-benar ikhlas seperti apa yang diucapkan tadi. Kelakuan hipokritik macam ini telah membuktikan ketidak-ikhlasan Barisan Nasional dan bahawa mereka hanya menggunakan isu ketuanan orang Melayu untuk mengekalkan kuasa pemerintahan dan menambahkan kekayaan mereka. Parti DAP menolak sistem quota berlandaskan perkauman yang memecahbelahkan rakyat Malaysia dan mencadangkan supaya ia digantikan dengan satu sistem yang berteraskan keperluan dan merit yang bukan sahaja akan mempertingkatkan keadilan sosio-ekonomi tetapi juga menjamin kemajuan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memansuhkan semua undang-undang Islam yang dikenakan terhadap orang-orang bukan Islam yang bercanggah dengan keputusan Mahkamah Agong yang mengakui sekali lagi keunggulan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan bahawa ibu bapa mempunyai kuasa mutlak dan khusus untuk menentukan pendidikan agama dan cara membesarkan anak-anak mereka yang masih di bawah 18 tahun. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus menghormati keputusan Mahkamah Agong dan menegakkan keputusannya dengan mengarahkan Kerajaan Negeri Selangor memansuhkan Seksyen 67 dan Seksyen 70, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor. Kalau paman-suhan dua Seksyen ini tidak dilakukan,

ia akan terus kekal menjadi undang-undang seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Besar Selangor dan kanak-kanak bukan Islam di bawah umur 18 tahun masih boleh diIslamkan bertentangan dengan keputusan Mahkamah Agong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh, saya menggulung sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Gulungan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang siasatan polis terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang didakwa terlibat dalam menipu dan menyeleweng sejumlah wang sebanyak \$700,000 dalam pembinaan Masjid Negeri Melaka Al-Azim, dan ini adalah satu tuduhan yang besar dan serius, lanjutan peristiwa di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyalahgunakan wang UMNO Melaka sebanyak \$300,000 pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menasihatkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka meletakkan jawatan buat sementara agar menjaga maruah, imej dan prestasi pentadbiran Negeri Melaka yang terjejas oleh skandal-skandal peribadi dan moral Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Sib.

5.45 *ptg.*

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya yang sangat meyakinkan kepada Dewan ini.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh perkara yang penting bagi Sarawak. Berbagai pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Pusat daripada hasil pengeluaran minyak petroleum dari Sarawak, memang berjumlah berjuta-juta ringgit setiap tahun. Namun Sarawak cuma diberi 5% royalti sahaja. Masa telah tiba bagi Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk memberi peratusan royalti yang lebih tinggi lagi yang sepatutnya diberi kepada Sarawak.

Walaupun Sarawak telah merdeka dalam Malaysia sejak 27 tahun dahulu, negeri Sarawak masih mundur dan ramai rakyatnya seperti orang Iban, orang Hulu, orang Penan, orang Kenyah, orang Bidayuh, orang Kayan, orang Melayu, orang Melanau dan orang Cina yang masih lagi miskin dan ketinggalan dalam berbagai-bagai bidang kerana sebab-sebab yang tertentu. Sarawak sangat memerlukan banyak wang untuk membantu rakyatnya mempertingkatkan taraf kehidupan mereka, membina infrastruktur yang sangat kekurangan kini dan membangunkan Sarawak pada keseluruhannya. Kami rakyat Sarawak berhak meminta sekurang-kurangnya 5 kali ganda pemberian royalti sekarang semata-mata kerana ianya adalah daripada hasil sumber alam negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, buku-buku teks yang digunakan di semua jenis sekolah-sekolah didapati terlalu mahal. Tambah pula, harga dinaikkan tahun demi tahun. Rakyat berpendapatan rendah dan miskin menderita akibat harga-harga buku-buku teks yang mahal itu. Mereka terpaksa menghadapi masalah kewangan

yang ketara tiap-tiap tahun. Bagi seseorang yang mempunyai ramai anak, situasinya lebih teruk lagi. Kenapa Kementerian Pendidikan mengenakan harga jualan buku-buku teks sekolah sebegini mahal? Adakah harga mahal itu termasuk keuntungan orang politik, orang tengah dan orang yang berkuasa? Saya berharap Menteri Pendidikan menyiasat perkara ini dan menjamin harga-harga buku teks mesti dijual dengan kadar yang berpatutan.

Kenaikan harga-harga barangan pembinaan juga yang dikeluarkan di Malaysia adalah satu faktor penting yang menyebabkan inflasi di negara kita. Kadar kenaikan adalah lebih kurang 25% - 30% tiap-tiap tahun. Sudah tentulah kenaikan itu semakin membebankan rakyat, dan saya cadangkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil langkah-langkah yang adil dan saksama untuk mengawal harga-harga bahan pembinaan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan dan mewajibkan bahawa sebarang kenaikan harga haruslah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagaimana yang dikenakan ke atas harga-harga susu, minyak, gula, beras dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesal mengikut laporan di surat khabar Profesor Syed Hussein Alatas pernah berkata bahawa sistem kuota perlu diteruskan supaya bumiputera boleh mendapat bantuan Kerajaan untuk memasuki universiti-universiti tempatan dan katanya pula orang-orang Cina berpuaya memasuki universiti-universiti di luar negeri. Ianya bermakna orang-orang Cina adalah kaya mengikut lojiknya. Hujah Profesor Syed Hussein Alatas itu bermaksud mengelirukan rakyat dan ianya tidak sepatutnya disuarakan oleh seorang profesor yang masyhur seperti beliau. Pada hakikatnya majoriti orang Cina seperti juga majoriti orang Melayu, orang India, orang Iban dan lain-lain lagi adalah sama iaitu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Adalah

langsung tidak benar ramai orang Cina mampu menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapat pendidikan peringkat universiti. Contohnya, saya tidak mampu berbuat demikian, walau pun saya seorang keturunan Cina dan seorang Ahli Parlimen. Apa yang dikatakan oleh Profesor Syed Hussein Alatas memang menjadikan saya marah dan sangat melukai perasaan saya. Sebaliknya, saya berpendapat bahawa orang-orang Cina, khasnya orang yang miskin pun harus dilayan dengan keadilan dan diberi peluang untuk memasuki universiti-universiti tempatan asalkan mereka mempunyai kelakuan yang baik dan keputusan-keputusan peperiksaan yang cukup memuaskan serta berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan jika saya tidak salah, peruntukan sebanyak \$2.7 billion telah diluluskan pada akhir tahun 1989 bagi Kementerian Pendidikan untuk kemudahan termasuk infrastruktur sekolah, pembaikan sekolah, membina sekolah-sekolah baru dan memberi bantuan modal kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bagi mendirikan sekolah-sekolah baru untuk menggantikan sekolah-sekolah yang lama yang merbahaya dan harus diruntuhkan. Setakat ini memang sukar sekali mendapat bantuan modal dari Kementerian Pendidikan walaupun permintaan itu cuma berjumlah 50% jumlah kos pembinaan. Pada pendapat saya kejadian itu semata-mata kerana diskriminasi terhadap sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang dipraktikkan oleh pegawai-pegawai yang tertentu. Saya harap Menteri Pendidikan dan Timbalan-timbalannya akan mengambil tindakan segera untuk mempastikan keadilan dan untuk menghapuskan diskriminasi sekali gus dalam pembahagian peruntukan.

Saya cadangkan Negeri Sarawak patut mendapat 1/13 dari jumlah peruntukan \$2.7 billion iaitu lebih kurang \$20 juta untuk membina sekolah-sekolah

rendah baru di luar bandar, khasnya di kampung-kampung rumah panjang Iban, di kampung-kampung pantai dan di kampung-kampung pedalaman dan untuk meluluskan permintaan-permintaan untuk bantuan modal bagi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan yang mempunyai bangunan sekolah yang terlalu lama dan dalam keadaan yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kegunaan Terminal 2 di Lapangan Terbang Subang dengan terburu-buru, saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Pengangkutan telah membuat satu keputusan yang amat salah kerana ianya tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup. Penumpang-penumpang terpaksa menghadapi berbagai kesukaran yang tidak sepatutnya timbul di satu lapangan terbang antarabangsa sebagai Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur.

Saya difahamkan MAS telah mencapai satu prestasi yang mengagumkan untuk tahun 1982 hingga tahun 1989, keuntungan selepas cukai pada tahun 1988 dan 1989 berjumlah sebanyak \$154,382,000. Saya berharap bahawa Tan Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman akan terus dilantik sebagai Pengarah Urusan MAS supaya beliau boleh menyambung memberi sumbangan yang lebih cemerlang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih memuaskan serta lebih bermutu kepada seluruh rakyat Malaysia, khasnya rakyat Sarawak dan Sabah. MAS adalah satu penerbangan nasional Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia kita berhak membuat demand supaya perkhidmatan MAS dipertingkatkan dari masa ke semasa termasuk membuat teguran-teguran yang hebat tetapi membina. MAS merupakan manusia, memang ada kesilapan dan kelemahan.

Saya difahamkan pihak MAS telah respond dengan menambahkan banyak penerbangan berasaskan kepada keperluan orang ramai Sarawak iaitu, dengan

izin, popular demand of the Sarawak people untuk sektor di antara Singapura, Kuching, Singapura. Kini MAS menyediakan 22 perkhidmatan dalam setiap minggu bagi sektor ini. Kadar muatan cuma 67% mengikut statistik yang saya perolehi. Oleh yang demikian tidaklah wajar lagi bagi sesiapa pun meminta kemasukan SIA ke negeri Sarawak. Jika perlu MAS boleh menambahkan lagi penerbangan yang cukup dari segi kepentingan negara dan kecintaan kepada penerbangan nasional kita, saya tidak bersetuju dengan kemasukan SIA ke negeri Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sandakan.

6.07 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli di kedua-dua Dewan Parlimen pada 26 Februari lalu.

Pertamanya, ingin saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan masalah-masalah yang wujud di negeri Sabah. Sabah, Sarawak dan Singapura telah menyertai Persekutuan Tanah Melayu untuk menubuhkan sebuah negara Malaysia.

Pada masa itu, sebuah Jawatankuasa Antara Kerajaan atau IGC ditubuhkan dalam tahun 1962 untuk menyediakan beberapa syarat sebelum kedua-dua negeri Malaysia Timur menyertai Malaysia. Laporan IGC tahun 1962 itu mengandungi kemahuan rakyat kedua-dua negeri Malaysia Timur itu.

Malaysia ditubuhkan pada 31hb Ogos, 1963 dan semenjak penubuhannya dan selepas 27 tahun banyaknya dan selepas 27 tahun banyaknya pada syarat-syarat ini telah dipinda atau dimansuhkan. Saya tidak berhajat untuk menghuraikan satu persatu syarat-syarat tersebut tetapi ingin semata-mata melahirkan perasaan rakyat di kedua-dua negeri tersebut, khususnya Negeri Sabah dengan harapan Kerajaan Pusat akan menyiasat perkara tersebut dengan serius dan mencari jalan untuk memperbaiki keadaan agar perhubungan dan keharmonian antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur dapat dipupuk dan dipelihara.

Malangnya, kenyataan para pemimpin-pemimpin pusat telah menyinggung perasaan rakyat Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, apabila Perdana Menteri melawat Sabah dalam bulan Januari tahun ini, beliau telah berkata bahawa Sabah begitu mundur waktu di bawah pemerintah penjajah di mana tidak adanya bangunan pencakar langit, lebuh raya atau lapangan terbang yang sempurna.

Kenyataan Perdana Menteri itu telah menyinggung perasaan rakyat Sabah. Beliau harus menyedari Malaya juga mundur sebelum merdeka di mana tidak adanya bangunan pencakar langit, lebuh raya dan lapangan terbang yang sempurna.

Di Malaysia, lebuh raya dibina selepas merdeka termasuk Lebuh raya Utara—Selatan. Begitu juga bangunan-bangunan pencakar langit dan lapangan-lapangan terbang yang kesemuanya dibina selepas merdeka.

Adalah lebih tepat untuk mengatakan bahawa perubahan-perubahan ini berlaku di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur selepas merdeka. Maka dengan itu, tidak ada sebab mengapa Perdana Menteri membangkitkan persoalan ini khususnya terhadap Sabah dan menyinggung perasaan rakyatnya, kecuali Perdana Menteri mempunyai

sebab-sebab yang hanya diketahui oleh beliau sendiri.

Ingin saya menekankan di sini bahawa kebanyakan bangunan-bangunan pencakar langit di Sabah dibina oleh sektor swasta. Malah kami telahpun mempunyai lapangan terbang sebelum pembentukan Malaysia dan saya berharap Perdana Menteri akan menyemak fakta-faktanya sebelum beliau membuka mulutnya.

Semasa lawatannya ke Sabah dalam bulan Januari lalu, Perdana Menteri juga menuduh Negeri Sabah kerana membenarkan pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian masuk dengan bebas ke dalam negeri tersebut, bukan seperti Semenanjung Malaysia.

Kenyataan Perdana Menteri itu juga menyinggung perasaan rakyat Negeri Sabah. Pertama, bukanlah hajat dan keinginan rakyat Sabah untuk membenarkan pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian masuk dengan bebas ke dalam negeri tersebut. Malah kehadiran mereka ini mengancam Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Ramai daripada mereka ini memiliki kad-kad pengenalan secara tidak sah dan ini pula mengancam persamaan politik negeri Sabah.

Di sini ingin juga saya menyatakan bahawa ramai rakyat daripada Semenanjung Malaysia dan Sarawak juga bekerja dan menetap di Sabah. Perdana Menteri harus menyedari dan mengotakan syarat-syarat yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan mengenai Imigresen serta menghormati syarat-syarat tersebut.

Perkara lain yang rakyat Sabah berasa tidak sukahati ialah pembahagian royalti minyak. Kini negeri-negeri yang mengeluarkan minyak menerima 5% dalam bentuk royalti. Apabila soal menambah peratus royalti ini dibangkitkan, Kerajaan Pusat berasa

begitu tidak senang hati dan berpendapat rakyat Sabah tidak harus meminta tambahan dalam bayaran royalti daripada minyak dan bahawa sebaliknya ia harus menimbang mengkongsikan hasilnya dengan negeri-negeri lain.

Baru-baru ini Kerajaan Pusat telah mencadangkan pengharaman dikenakan ke atas pengeksporan kayu balak. Kerajaan hendaklah menimbang masalah yang bakal diwujudkan oleh dasar baru ini dan menimbang untuk menambah bayaran royalti dari 5% kepada 10% seperti diperuntukkan di bawah Perkara 112C(4) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, dengan izin:

“(4) Subject to Clause (5) of Article 112D, in relation to the State of Sabah or Sarawak Clause (3B) of Article 110:-

- (a) shall apply in relation to all minerals, including minerals oils; but
- (b) shall not authorise Parliament to prohibit the levying of royalties on any mineral by the State or to restrict the royalties that may be so levied in any case so that the State is not entitled to receive a royalty amounting to ten per cent ad valorem (calculated as for export duty).”

Tambahan dalam bayaran royalti adalah perlu untuk membantu program pembangunan negeri Sabah khususnya untuk membasmi kemiskinan dan saya berharap permintaan ini tidak akan dianggap sebagai sentimen anti Pusat.

Kerajaan Pusat haruslah menimbang dengan lebih wajar permintaan-permintaan dan keperluan kedua-dua negeri di Malaysia Timur. Permintaan-permintaan dan keperluan-keperluan yang mematuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan tidak sepatutnya dianggap sebagai sentimen-sentimen anti Pusat dan sebaliknya solusi-solusi hendaklah dicari untuk memenuhi permintaan-permintaan dan

kehendak-kehendak tersebut dan segala masalah hendaklah diselesaikan secara damai demi kepentingan semua.

Kerajaan Pusat juga harus mengambil tindakan tegas terhadap pendatang-pendatang haram dan pelarian-pelarian di Sabah dan mengusirkan mereka ke negara-negara mereka masing-masing. Mereka yang memperolehi kad-kad pengenalan biru palsu dan lain-lain jenis kad pengenalan palsu hendaklah didakwa menurut undang-undang tubuh negara.

Kerajaan Pusat juga hendaklah menimbang dengan sewajarnya dan adil permintaan negeri Sabah untuk menambahkan bayaran royalti minyak bagi negeri Sabah demi pembangunan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Bukit Mas.

6.08 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi melafazkan Titah Ucapan Baginda semasa membuka Persidangan Sesi Keempat, Parlimen Ketujuh pada 26hb Februari yang lepas. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Ketujuh mengingatkan kita bahawa negara kita telah mencapai satu kejayaan yang amat cemerlang semenjak kita merdeka dari segi pembangunan fizikal dan perpaduan rakyat sehingga kita dapat hidup dalam keadaan selesa, aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tahun lepas merupakan tahun yang penuh gemilang dan bersejarah bagi negara, namun krisis kewangan dan pengurusan bank dan institusi-institusi kewangan di negara kita telah memberi satu imej yang

kurang baik kepada dunia luar, terutamanya kepada pelabur-pelabur asing. Krisis ini sedikit sebanyak telah melemahkan keyakinan orang ramai terhadap keupayaan kita dalam menjalankan sistem kewangan yang baik.

Di dekad 90an saya berharap supaya Kementerian Kewangan memperketatkan undang-undang serta mengawasi dan mengawal dengan rapi pengurusan institusi-institusi kewangan di negara ini. Dengan pelaksanaannya Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, saya berharap institusi-institusi kewangan akan mengamalkan, dengan izin, "financial discipline and prudence" dalam operasi mereka. Keyakinan orang luar terhadap sistem kewangan kita adalah mustahak jika kita ingin menarik ramai pelabur asing datang ke negara kita.

Kementerian Kewangan perlu tegas dalam perkara ini. Tahun 1990 merupakan tahun permulaan dekad 90an. Di dekad 90an kita mahu rakyat Malaysia bersatu padu dan kurang bermain politik perkauman dan agama. Kita mahu supaya semua rakyat menumpukan tenaga terhadap membangunkan negara. Dalam konteks ini, saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri supaya menimbang semula konsep Feri Malaysia supaya lawatan rakyat Sarawak dan Sabah ke Semenanjung dan sebaliknya terus diadakan. Memang konsep Feri Malaysia ini baik, hanya pengurusan yang kurang cekap. Di atas nama integrasi nasional, Kerajaan perlu menyegerakan perjalanan Feri Malaysia ini supaya rakyat jelata yang berpendapatan rendah dapat melancong ke semua tempat di Malaysia. Integrasi nasional tidak bermakna jika pegawai-pegawai, ahli-ahli politik dan peniaga-peniaga kita sahaja yang membuat lawatan di negara ini. Untuk menghayati integrasi nasional sebenar, semua lapisan masyarakat perlu digalakkan untuk melancong di dalam negara. Dengan ini semangat kedaerahan dapat kita mengikiskan. Yang kita mahu, Tuan

Yang di-Pertua, ialah tidak satu negeri di negara kita menganggapkan bahawa mereka bukan sebahagian daripada negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan integrasi nasional, saya berharap supaya pihak MAS menimbang semula dengan segera permintaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menambahkan penerbangan ke negeri itu. Perkhidmatan udara adalah amat penting bagi negeri Sarawak, lebih saya rasa daripada negeri lain di Malaysia oleh kerana sistem jalanraya di Sarawak adalah kurang sempurna dan memuaskan. Perpisahan Sarawak daripada Semenanjung memerlukan perkhidmatan udara yang cukup senang dan murah supaya lebih ramai pelawat dari Semenanjung serta juga dari luar negeri dapat melawat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang Sarawak perlu ialah supaya pelancong yang datang ke negeri Sarawak meningkat daripada angka yang ada sekarang, supaya industri pelancongan di negeri itu dapat satu nafas baru seperti negeri-negeri lain di Malaysia semasa Tahun Melawat Malaysia. Oleh kerana dalam tahun-tahun yang lepas hanya di antara 30,000 sampai 50,000 pelancong luar negeri, tidak termasuk pelancong dari dalam negeri datang ke Sarawak walaupun kira-kira 3 juta pelancong melawat Malaysia tiap-tiap tahun. Pengembara-pengembara luar negeri telah mengadu bahawa mereka tidak dapat, dengan izin, secure advance confirmed booking for package tour ke Sarawak dan balik daripada MAS. Ini tentu akan menghalang lebih ramai pelancong melawat Sarawak. Perlu dinyatakan, Tuan Yang di-Pertua, di sini bahawa isu pokok ialah bukan semata-mata soal, dengan izin, more seats dibagi oleh MAS kepada Sarawak. Isu sebenar ialah bagaimana kita dapat membawa pelancong yang sedia ada di Semenanjung iaitu kira-kira 3 juta, Singapura kira-kira 4 juta dan Thailand kira-kira 4 juta jua ke Sarawak.

Mereka rindu melawat Sarawak tetapi malangnya susah untuk dapat seat ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan MAS mempunyai kapalterbang dan kemudahan yang kurang, saya berharap MAS dapat mengendalikan joint-venture, dengan izin, di antara MAS dengan sistem penerbangan lain seperti Thai Airways, Garuda Indonesian Airways, SIA, Philippine Airlines dan sebagainya untuk membuat penerbangan shuttle di antara Kuala Lumpur-Kuching, Johor Bahru-Kuching, Singapura-Kuching dan Bangkok-Kuala Lumpur-Kuching. Dengan adanya linkage-linkage ini, kita berharap para pelancong yang sedia ada di Semenanjung, Singapura dan Bangkok dapat melancong ke negeri Sarawak yang begitu indah, istimewa dan enchanting, dengan izin, Asia's "best kept secret". Sebenarnya penerbangan shuttle ini akan menguntungkan bukan sahaja Sarawak tetapi juga MAS dan negara kita. Apa yang kita mahu ialah tidak satu negeri di Malaysia rugi semasa pelancaran Tahun Melawat Malaysia. Di dekad 90an industri pelancongan akan menjadi satu sektor terpenting di Malaysia. Kita ingin supaya semua rakyat dapat manfaat daripada perkembangan industri pelancongan ini. Mengikut kajian yang dibuat baru-baru ini, kadar penginapan hotel di Kuching adalah terendah jika dibandingkan dengan hotel-hotel di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Kuantan dan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam dekad 90an kita ingin melihat negara kita maju setanding dengan negara perindustrian seperti negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan. Melihat kepada sikap pemimpin kita, kegigihan rakyat kita untuk bekerja kuat, prestasi ekonomi kita yang makin meningkat dan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya, saya tidak syak lagi bahawa sebelum tamatnya abad ini, negara kita akan

menyertai, dengan izin, 'the ranks of the industrialised countries'.

Tahun 1990 merupakan tahun berakhirnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dan tamatnya Dasar Ekonomi Baru. Walaupun matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai dengan sepenuhnya, tidak dinafikan bahawa semua pihak di seluruh negara telah menikmati faedah daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kaum bukan bumiputera tidak sepatutnya mengatakan bahawa mereka telah rugi. Sebenarnya mereka telah menjadi lebih mewah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu apabila kita menjadi maju ialah kualiti hidup rakyat adalah setimpal dengan kemajuan yang dicapai oleh negara. Tidak ada erti kalau perkembangan ekonomi negara hanya menguntungkan orang di bandar dan orang kaya sahaja. Ia harus memberi manfaat kepada seluruh lapisan rakyat. Orang kaya tidak seharusnya bertambah kaya dan orang miskin bertambah miskin. Kerajaan perlu mengambil langkah supaya kekayaan negara dibahagikan dan dinikmati oleh semua, terutama kaum miskin di negara ini. Sepanjang dekad 90an kita berharap semua rakyat Malaysia akan menjadi, dengan izin, middle class, melalui lanjutan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan perlu mengekalkan Dasar Ekonomi Baru di abad 90an, memandangkan kaum bumiputera terutama di negeri Sarawak masih jauh ketinggalan di bidang ekonomi, korporat dan sektor pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya Sarawak, terutamanya kaum bumiputera miskin di luar bandar dan di hulu sungai, diberi tumpuan khusus dalam Rancangan Malaysia Keenam dari segi pembangunan, ekonomi, kemudahan asas seperti jalanraya, api elektrik, bekalan air, sekolah, guru dan buku yang cukup, peluang pekerjaan dan sebagainya. Saya berharap supaya peruntukan Tabung

Pemulihan Usahawan Bumiputera atau, dengan izin, Entrepreneurs' Rehabilitation Fund sebanyak \$500 juta itu dibahagikan kepada usahawan bumiputera bukan sahaja di Semenanjung ataupun di negeri-negeri lain tetapi juga di negeri Sarawak memandangkan setakat ini belum ada usahawan bumiputera Sarawak yang menerima bantuan daripada tabung ini.

Selain daripada itu, saya juga berharap supaya peruntukan sebanyak \$250 juta untuk Tabung Usahawan Baru dapat diagihkan kepada usahawan bumiputera di Sarawak. Peniaga-peniaga kecil di bandar dan di luar bandar perlu dilayani dan diberi sumbangan daripada tabung ini. Bimbingan, dorongan serta bantuan daripada Kerajaan kepada usahawan bumiputera perlu diteruskan selepas tahun 1990 oleh kerana kalau usahawan bumiputera, dengan izin, are left to market forces dalam menjalankan perniagaan mereka, mereka akan ditelan oleh kuasa yang lebih kuat daripada mereka. Dengan izin, interference by the Government in economic planning of the nation perlu diteruskan supaya masyarakat usahawan bumiputera yang masih kecil dan muda ini dapat berkembang, matang dari segi perniagaan dan berupaya bersaing dengan usahawan-usahawan lain di dalam dan luar negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sungai Benut.

6.18 ptg.

Tuan Mohamed Tauwfiq bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan menyokong Usul yang telah dibawa oleh sahabat saya dari Pagoh.

Saya merasa bangga di atas peluang yang telah diberikan dan untuk ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang

di-Pertua dan juga menyuarakan beberapa pandangan saya terhadap dasar Kerajaan. Sebelum daripada itu, saya ingin mengutarakan pandangan saya terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa ini adalah satu daripada peluang di dalam sejarah di mana kita dapat seorang Raja yang berpengalaman yang telah duduk di dalam Bangku Kehakiman yang tertinggi dan apa yang bermakna adalah di atas kenaikan Permaisuri Agong di mana kita dapati orang biasa boleh duduk di atas takhta sebagai Permaisuri.

Saya ingin juga memberikan sedikit pandangan berkenaan dengan penswastan yang saya menganggap sebagai satu dasar yang baik sekiranya ia untuk meningkatkan mutu dan nilai perkhidmatan. Contoh yang saya hendak berikan ialah persaingan di antara TV3 dan RTM. Apabila TV3 ditubuhkan, ia tidak mengambilalih daripada Kerajaan tetapi telah memberikan persaingan yang sihat dan akibatnya menguntungkan rakyat. Persaingan bukan sahaja dari segi perkhidmatan tetapi juga telah memberi pihak Kerajaan satu price reference, dengan izin, di mana pihak Kerajaan boleh mendapat faedah dari penurunan harga barang-barang peralatan pemancar (broadcasting equipment) apabila stesen swasta membuat pembelian. Dan saya difahamkan bahawa transmitter yang telah dibeli oleh TV3 itu adalah setengah daripada harga yang telah dibayar oleh Kerajaan.

Kesimpulannya, contoh TV3 dan RTM ini menunjukkan Kerajaan tidak perlu mengalihkan monopoli yang telah dipegang oleh Kerajaan kepada pihak swasta tetapi dengan memberi peluang kepada pihak swasta untuk mengendalikan perkhidmatan yang sama, persaingan yang diwujudkan boleh memberi faedah kepada rakyat dan juga boleh membuka peluang kerja kepada rakyat yang berbakat.

Kepada saya, ini akan memberi makna kepada konsep Malaysia Incorporated di mana swasta dan Kerajaan boleh sama-sama bekerja ke arah satu arah dan pengurusan dari Kerajaan boleh berkhidmat di swasta dan sebaliknya.

Saya juga mengambil kesempatan untuk memberikan komen sedikit berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Menteri Kebudayaan dan Pelancongan yang telah menyuarakan kebimbangan beliau terhadap dasar setengah-tank (half-tank) Kerajaan Singapura dan kesannya kepada Tahun Melawat Malaysia. Pada pandangan saya, kita tidak patut merasa takut dengan dasar-dasar Kerajaan Singapura. Saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minat dengan lateral thinking, dengan izin, dan saya ingin mengutarakan cadangan saya bahawa cara kita untuk menangkis dasar setengah-tank ini ialah untuk mengenal-kan dasar full-tank ke atas kereta-kereta yang keluar dari Malaysia, iaitu kalau kereta Singapura datang ke Johor Bahru ataupun kereta-kereta dari negeri Thailand masuk ke tanah besar Malaysia di sebelah utara, apabila mereka keluar, mereka mesti adakan full-tank. Jadi, ini akan menjaminkan bahawa mereka tidak disepit ataupun ditekan oleh Kerajaan masing-masing. Ini saya rasa tidak akan merugikan rakyat Singapura oleh kerana harga minyak adalah setengah daripada harga yang dijual di Singapura dan ini akan menguntungkan pihak kita. Dengan izin, we should not get mad; we should get even.

Saya juga dengan ini ingin mengucapkan kekesalan ataupun rasa kesal saya terhadap apa yang telah berlaku kepada Yang Berhormat dari Kapar. Saya tidak mahu membuat komen di atas apa yang telah dilakukan oleh kerana ini adalah perkara yang akan dibangkitkan di mahkamah. Tetapi saya kesal dengan apa yang telah dilakukan oleh pihak DAP yang telah selama ini cuba menchampionkan the rights of the individual dan individual freedom dan sebagainya.

Tetapi di dalam hal ini, mereka telah lupa bahawa ada satu dasar yang patut diutamakan iaitu "the right to privacy" dan saya tidak nampak DAP sebagai satu parti yang jujur di dalam mempertahankan hak-hak individu.

Jadi, dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Pagoh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh, ada masa lima minit lagi. Teruskan.

6.25 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong memberi erti yang besar terhadap perpaduan nasional dan kestabilan ekonomi, tetapi inti dari Titah Ucapan ini bukan sekadar masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Sebaliknya harus menjadi panduan kepada semua pihak terutama pihak Kerajaan sendiri.

Masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara tidak boleh dipersalahkan kepada pihak yang mengkritik Kerajaan semata-mata, tetapi Kerajaan mestilah bertanggungjawab menentukan arah perpaduan nasional dan kestabilan ekonomi, kerana Kerajaan dengan kuasa yang ada di tangan, ibarat pohon tegaknya bertunjang, ibarat kapal labuhnya bersauh.

Perpaduan nasional bukan bermakna meminta satu pihak mematuhi kemahuan pihak berkuasa laksana kerbau diundik hidung tetapi harus bermula dari keadilan yang saksama. Hanya pihak berkuasa sahaja yang boleh melayani sesuatu pihak dengan adil. Sikap pihak yang berkuasa mengamalkan sistem "iimau masam sebelah" boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan

masyarakat. Walaupun kita tidak diberi gambaran yang sebenar, tetapi peristiwa yang berlaku di Kalumpang bilamana Allahyarham Ali Dawi menggunakan selaras senapang untuk menuntut keadilan sosial, sepatutnya menjadi sumber inspirasi kepada Kerajaan menilai keadilan yang dilaksanakan selama ini. Monopoli ke atas peluang-peluang yang disediakan oleh Kerajaan, sering dilakukan terutama di kalangan puak penyokong golongan yang mempunyai kuasa. Kadang kala berlaku pula di dalam pembahagian peluang sedemikian, lebih sudu dari kuah.

Apabila ketiadaan keadilan sosial, sudah tentu menjerumuskan negara kepada masalah tidak puas hati yang menyebabkan Kerajaan mesti dikritik. Tentulah tidak adil meletakkan sistem demokrasi dengan meminta satu pihak mematuhi satu pihak yang lain sedangkan kebebasan mengkritik Kerajaan adalah termaktub di dalam hak asasi manusia yang diterima di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan ekonomi bukanlah seperkara yang boleh diberi jaminan dengan mengumumkan peruntukan-peruntukan besar dari Menteri-menteri. Apa lagi menjelang pilihanraya kecil di Pantai Merdeka, Kedah dalam bulan ini, sudah tentu terlalu banyak peruntukan diumumkan, tetapi janganlah peruntukan berjuta-juta itu hanya diumumkan dalam masa menghadapi pilihanraya kecil ataupun pilihanraya umum, sebaliknya apabila pilihanraya berakhir rakyat sekadar dijanjikan.

Anak Indung anak Ketitir,
Anak Merbah terlompat-lompat,
Yang dikendong habis tercicir,
Yang dikejar satupun tak dapat.

Kita harus menyedari bahawa kestabilan ekonomi boleh meyakinkan rakyat terhadap kesejahteraan mereka. Kita tidak perlu lagi melaungkan semangat

patriotik tetapi tumbuh sendiri dalam jiwa masing-masing—Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Selama ini pun semangat patriotik sudah tumbuh segar di kalangan rakyat. Sebab itu jugalah ramai rakyat berani mengkritik Kerajaan kerana cinta mereka terhadap negara supaya Kerajaan tidak “Beraja di hati, Bersultan di mata”. Apabila memegang tampuk pemerintahan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Panjang lagikah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Liew Ah Kim: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak apalah, saya beri masa 5 minit lagi untuk sambung esok.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, hari Selasa.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.